



KONSEP ASAS AL-QURAN

*Wahai orang-orang yang beriman! Jika
kamu bertakwa kepada Allah nescaya
Dia akan memberikan kepadamu
furqan dan menghapuskan segala-
kezuluhun-kezalahanmu dan
mengampunimu. Dan Allah mempunyai
karamah yang besar.
Surah Al-Anfal: 29*



HARUN YAHYA

Ketika membaca Al-Qur'an, kita sering menemui pelbagai konsep yang menjadi lumrah kehidupan harian. Konsep ini adalah kunci untuk memahami Al-Qur'an. Antara konsep-konsep tersebut ialah kebijaksanaan, sabar, setia, ingkar dan rahmat Allah.

Malangya, sebahagian besar konsep yang disebutkan di atas digunakan dengan erti yang jauh berbeza dalam kehidupan harian manusia. Mereka yang benar-benar memahami konsep ini pasti akan segera menyedari betapa menyimpangnya konsep yang menjadi amalan sekarang. Inilah sebabnya mengapa pemahaman yang tepat berkenaan kandungan Al-Qur'an dan penegertian konsepnya yang benar amat penting.

Di dalam buku yang ringkas ini, beberapa konsep yang sering ditemui di dalam Al-Qur'an akan dijelaskan di bawah sinaran ayat-ayat lain yang berkaitan. Kami juga berusaha untuk menerangkan makna yang tersirat serta membandingkannya dengan maksudnya yang umum dan khusus.

Wallahu A'lam Bissawab.

MENGENAI PENGARANG



Pengarang yang menggunakan nama pena, Harun Yahya, dilahirkan di Ankara pada 1956. Beliau mempelajari bidang seni di Universiti Mimar Sinan, Istanbul dan falsafah di Universiti Istanbul. Sejak 1980, beliau telah menerbitkan banyak buku tentang politik, ilmu tauhid dan isu saintifik. Harun Yahya terkenal sebagai pengarang yang telah menulis berkenaan perkara-perkara penting yang membongkar pemalsuan evolusi.

Kebanyakan buku beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Itali, Sepanyol, Portugis, Albania, Arab, Poland, Russia, Bosnia, Turki, Tatar, Urdu, Melayu dan diterbitkan di negara-negara berkenaan. Buku-buku Harun Yahya sesuai untuk semua lapisan masyarakat, Islam dan bukan Islam, tanpa mengira umur, bangsa, dan kewarganegaraan; kerana karya-karya tersebut memfokuskan kepada satu matlamat: membuka pemikiran pembaca dengan mengemukakan tanda-tanda kewujudan Tuhan kepada mereka.

ISBN 983-170-614-5



9 789831 706145



Perniagaan Jahabersa

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

DENGAN NAMA ALLAH YANG
MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG



Kepada Pembaca Yang Budiman

Tujuan utama sebuah bab khusus disediakan untuk tajuk Keruntuhan Teori Evolusi ialah kerana teori ini mengandungi asas bagi semua aliran falsafah yang berunsurkan anti-agama. Semenjak Darwinisme menolak fakta mengenai Konsep Penciptaan 140 tahun yang terakhir ini dan sekaligus menolak kewujudan Allah s.w.t, ia telah menyebabkan sebahagian besar umat manusia meninggalkan kepercayaan beragama dan terperangkap dalam keraguan. Dengan itu, untuk membuktikan bahawa teori evolusi merupakan sebuah penipuan besar adalah merupakan satu tugas penting yang berkait rapat dengan tugas dakwah. Adalah satu keperluan untuk mendedahkan tugas penting ini kepada setiap orang. Segelintir daripada pembaca kami mungkin hanya berpeluang untuk membaca sebuah buku sahaja dari koleksi buku kami. Dengan itu, kami merasakan bahawa adalah amat sesuai untuk memperuntukkan sebuah bab ringkasan mengenai subjek ini.

Dalam semua hasil karya pengarang, pelbagai isu yang berkaitan dengan aqidah diterangkan di bawah cahaya Al-Qur'an dan para pembaca sekalian dialu-alukan untuk memahami kalam Allah dan hidup melalui panduannya. Setiap subjek yang berkaitan dengan surah Al-Qur'an dijelaskan dalam keadaan demikian caranya bertujuan meninggalkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi di benak para pembaca. Uslub yang terang, jelas dan berhikmah digunakan untuk memastikan setiap individu dari pelbagai peringkat umur dan sosial dengan mudah mampu memahami intisari penulisan buku-buku ini. Penerangan yang jelas dan efektif memudahkan mereka membacanya di mana sahaja berada. Fakta yang dikemukakan memberi kesan pengaruh yang kuat terhadap golongan yang berkeras degil, apatah lagi untuk menyangkalnya.

Buku ini dan hasil karya pengarang yang lain boleh dibaca secara individu atau dibincangkan secara berkumpulan pada masa-masa diskusi. Para pembaca yang berhasrat untuk mendapatkan sumber rezeki dari buku-buku ini juga berpeluang untuk menggarap isi kandungan yang sangat berguna di samping mengaitkan hasil pengalaman dan penghayatan mereka kepada orang lain.

Sebagai tambahan, ia menjadi satu khidmat yang besar kepada agama untuk menyumbangkan pembentangan dan pembacaan siri buku ini yang ditulis semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. Semua hasil karya pengarang adalah amat-amat meyakinkan. Atas sebab ini, bagi sesiapa yang berdakwah agama kepada orang lain, satu daripada cara yang berkesan ialah dengan menggalakkan mereka membaca siri buku pengarang.

Adalah menjadi satu harapan kami bagi para pembaca agar meluangkan sedikit masa untuk melihat sedikit imbasan secara tidak langsung antara hasil karya beliau yang lain di lembaran akhir di buku ini, sekaligus menambahkan kepercayaan melalui sumber yang sangat bermanfaat dan menyenangkan untuk ditela'ah.

Dalam siri buku ini, kita tidak akan menemui, seperti dalam beberapa hasil karya lain, pandangan peribadi pengarang diterangkan dengan sumber yang meragukan, tanpa harapan, mencipta keraguan, dan anggapan pesimis yang menanamkan penyelewengan di dalam hati.

KONSEP ASAS AL-QURAN

HARUN YAHYA

Diterjemahkan oleh:
Syed Mahazir Shariff Ahmad



Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan memberikan kepadamu furqan dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahanmu dan mengampunimu. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar.

Surah Al-Anfal: 29

KONSEP ASAS AL-QURAN

HARUN YAHYA

© Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Penerbit.

Diterbitkan oleh:

PERNIAGAAN JAHABERSA

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim, Malaysia

Tel: 07-235 1602 Fax: 07-235 1603

E-mail: jahabers@tm.net.my

Website: www.jahabersa.com.my

Cetakan pertama: 2005

ISBN: 983-170-614-5

Dicetak oleh:

COMTECH MARKETING SDN. BHD.

MENGENAI PENGARANG

Pengarang, yang menulis di bawah nama pena HARUN YAHYA, dilahirkan di Ankara pada tahun 1956. Telah menamatkan pendidikan rendah dan menengahnya di Ankara. Beliau kemudian mengikuti pengajian Seni di Universiti Mimar Sinan di Istanbul. Sejak tahun 1980-an, beliau telah menerbitkan banyak buku-buku berkaitan isu-isu politik, keimanan dan saintifik. Harun Yahya adalah seorang penulis yang amat dikenali sebagai seorang yang banyak menulis tentang penipuan golongan evolusionis, pembatalan dakwaan mereka dan hubungan antara Darwinisme dan beberapa ideologi berdarah.

Nama penanya berasal dari nama dua Nabi "Harun" dan "Yahya" a.s yang masyhur dalam usaha memerangi kekufuran. Cop nama Nabi Muhammad di setiap muka depan buku-buku karangan beliau mempunyai pengertian simbolik yang berkaitan dengan kandungan isi buku. Cop ini menunjukkan bahawa al-Quran adalah kitab dan wahyu Tuhan yang terakhir dan Nabi Muhammad adalah utusan-Nya yang terakhir. Dengan mengambil ciri-ciri Quran dan Nabi Muhammad, penulis berusaha dalam semua hasil karyanya, untuk menolak semua dakwaan mengenai sistem yang kufur dengan mengutarakan 'kalimat terakhir' ini yang akan menyapukan semua kejahatan dan kezaliman. Cop nama Nabi Muhammad yang mempunyai kemuliaan dan hikmah yang besar, diniatkan sebagai ibadat dengan niat menyebut 'kalimah akhir' ini.

Semua hasil kerja Harun Yahya mempunyai satu matlamat utama: untuk menyampaikan mesej Al-Qur'an kepada umat manusia sekaligus menggalakkan mereka untuk memikirkan mengenai beberapa isu yang menyentuh soal aqidah, seperti kewujudan, keesaan Allah s.w.t dan Hari Kemudian dan untuk mengingatkan mereka mengenai beberapa isu lain yang dianggap penting.

Siri-siri hasil karya Harun Yahya dinikmati oleh golongan pembaca di seluruh ceruk rantau dan di kebanyakan buah negara, dari India ke Amerika, Britain ke Indonesia, Poland ke Bosnia, Sepanyol ke Brazil.

Beberapa buah bukunya kini disediakan di dalam bahasa Inggeris, Perancis, German, Itali, Portugis, Urdu, Arab, Albania, Russia, Serbia-Croatia (Bosnia), Turki uygur dan Indonesia, dan juga dibaca oleh para pembaca di seluruh dunia.

Hasil kerja ini mendapat penghargaan dan sambutan yang tinggi di pelbagai bahagian dunia sebagai instrumen penting dalam usaha menanam kepercayaan kepada Tuhan dan memperhatikan sebaiknya keimanan mereka. Uslub hikmah, ikhlas dan mudah difahami yang digunakan menjadikan siri buku ini memiliki sentuhan berbeza yang secara langsung memberangsangkan setiap pembacaan dan kajian menyelidikan. Bahkan, pelbagai bantahan menyeleweng yang ditujukan tidak memberi sebarang kesan kerana siri buku ini dilengkapi dengan pelbagai iri yang umum serta fakta yang jelas dan tidak mampu disangkal. Ia akan menghapuskan kepercayaan materialistik, ateis dan sebarang falsafah atau ideologi yang sesat bagi sesiapa yang memberi tumpuan yang serius dan memikirkan isi kandungannya dengan telus. Walaupun berkeras mempertahankan anutan mereka, ia ketika itu hanyalah sekadar menonjolkan sentimen kedegilan terhadap ideologi yang telah musnah dan yang telah dibatalkan melalui hasil karya beliau.

Sebahagian besar pergerakan kontemporari yang berorientasikan konsep

penafian agama secara ideologinya telah ditumpaskan melalui koleksi siri hasil karya Harun Yahya.

Semua ciri-ciri yang terkandung di dalam setiap penulisan beliau sudah pasti merupakan hasil refleksi dan garapan dari hikmah dan kejelasan kitab Al-Qur'an. Pengarang sudah tentu tidak berbangga kepada usahanya sendiri; beliau hanyalah sekadar berniat untuk berkhidmat sebagai suatu cara mencari kebenaran di atas jalan Tuhan. Beliau dan pihak lain yang terlibat di dalam usaha ini juga adalah jauh daripada sebarang niat mencari keuntungan material semata-mata.

Dengan mempertimbangkan semua fakta ini, usaha untuk menjadikan karya beliau sebagai bahan bacaan yang membuka mata hati dan memandu menjadi hamba Allah yang patuh, Insya Allah mendapat ganjaran yang tidak ternilai.

Pada masa yang sama, propaganda untuk menyebarkan sebarang ideologi melalui pelbagai konsep penulisan yang mencipta kekeliruan di minda manusia, yang membawa manusia ke dalam pergolakan ideologi dan yang secara jelas jauh dari mengalihkan keraguan di hati manusia, seperti yang diperhatikan dari pengalaman terdahulu adalah suatu pembaziran terhadap sumber masa dan tenaga. Apa yang lebih penting, seluruh usaha amal jama'ie ini adalah bertujuan menyelamatkan manusia dari fenomena kemusnahan pegangan dan keimanan secara besar-besaran dan yang merupakan bencana paling besar bagi umat manusia. Bagi mereka yang meragukan hal ini dapat memerhatikan dengan jelas bahawa matlamat utama hasil karya Harun Yahya ialah untuk menolak golongan yang kufur dan menyebarkan kemuliaan dan ketinggian nilai Al-Qur'an. Kejayaan, impak dan keikhlasan yang dicapai dalam perjuangan ini dimanifestasikan dalam keyakinan para pembaca.

Seperkara yang harus diingat: Punca kepada kekejaman dan peperangan yang berterusan dan pengalaman ngeri yang dialami oleh umat Islam adalah kerana dominasi ideologi kuffar. Satu-satunya solusi untuk menyingkir dan membatalkan semua ini ialah dengan memastikan hakikat keajaiban penciptaan dan kesucian etika Al-Qur'an mengisi dan menembusi sanubari setiap insan sekaligus terpamer dalam kehidupan yang dibina. Melihat suasana dunia hari ini, yang memaksa manusia ke dalam pusaran keganasan, korupsi dan peperangan, jelas mendesak untuk memecut daya dan momentum perjuangan ini lebih segera dan efektif atau mungkin sudah terlalu lewat.

Bukanlah berniat untuk mengagung dan membesar-besarkan dengan mengatakan bahawa koleksi hasil karya Harun Yahya ini adalah merupakan perintis kepada jihad intelektual dan spiritual ini. Insya Allah, seluruh karya dan penulisan ini akan menjadi salah satu faktor utama yang membawa perubahan besar ke atas umat manusia abad-21 dengan limpah rahmat keamanan dan kebahagiaan serta keadilan dan kegembiraan sebagaimana yang telah dijanjikan di dalam Kitab Suci-Nya.

Antara hasil Karya beliau: Gerakan Neo-Mason, 'Tangan Rahsia' di Bosnia, Di Sebalik Drama Terorisme, Kad-Kurdis Israel, Strategi Nasional Bagi Negara Turki, Moral Al-Quran: Sebuah Solusi, Rimbunan Dan Naungan Islam, Serang Hendap Komunisme, Fasisme: Ideologi Berdarah Darwinisme, Kebencian Darwin Terhadap Bangsa Turki, Kehancuran Akibat Darwinisme kepada manusia, Penipuan Evolusi, Artikel 1-2-3, Senjata Syaitan: Romantisme, Blok Barat Mengakui Ketuhanan, Kaum-Kaum Yan Pupus, Kisah Nabi Musa a.s, Kisah Nabi Yusuf a.s, Zaman Keemasan, Sentuhan Seni Warna Tuhan,

Kebesaran-Nya di Setiap Ruang Semesta, Hakikat Kehidupan Dalam Dunia, Pengakuan Golongan Evolusionis, Jawapan Untuk Golongan Evolusionis, Pembohongan Proses Evolusi, Sihir Darwinisme, Agama Darwinisme, Kehancuran Teori Evolusi Dalam 20 Soalan, Al-Qur'an Panduan Kepada Bidang Sains, Hakikat Asal Usul Kehidupan, Hakikat Penciptaan Alam Semesta, Keajaiban Al-Quran, Jiwa Yang Sedar Di Dalam Sel, Satu Petikan Irama Keajaiban, Rekacipta Di Dalam Alam, Tabiat Pengorbanan Diri dan Kepintaran Dalam Dunia Haiwan, Realiti Keabadian dan Azali, Anak-Anak Darwin Telah Berbohong!, Saat Berakhirnya Darwinisme, Memikir Sedalam-dalamnya, Keabadian dan Hakikat Takdir, Menyelami Hakikat Kebenaran, Jangan Jadikan Jahil Sebagai Alasan, Rahsia Alam DNA, Keajaiban Atom, Keajaiban Sel, Keajaiban Sistem Keimunan, Keajaiban Mata, Keajaiban Penciptaan Tumbuhan, Keajaiban Labah-Labah, Keajaiban Semut, Keajaiban Nyamuk, Keajaiban Lebah, Keajaiban Biji Benih, Keajaiban Anai-Anai, Keajaiban Hijau: Fotosintesis, Keajaiban Hormon, Keajaiban Manusia, Keajaiban Penciptaan Manusia, Keajaiban Protein.

Buku kanak-kanak: Anak-Anak Darwin Telah Berbohong!, Alam Binatang, Kehebatan Di Langit, Dunia Sahabat Kerdil Kita: Semut, Hasil Kerja Yang Sempurna: Sarang Lebah, Pembina Empangan yang Mahir: Memerang.

Di antara buku-kecil yang dihasilkan: Misteri Mengenai Atom, Kehancuran Teori Evolusi; Fakta Mengenai Hakikat Penciptaan, Kehancuran Materialisme, Saat Berakhirnya Materialisme, Kesilapan Besar Golongan Evolusionis 1, Kesilapan Besar Golongan Evolusionis 2, Kehancuran Konsep Mikrobiologi Teori Evolusi, Fakta Mengenai Hakikat Penciptaan, 20 Dalil Mengapa Teori Evolusi Batal, Penipuan Paling Besar dalam Sejarah Bidang Biologi: Darwinisme.

Hasil Karya beliau berkaitan dengan subjek Al-Quran termasuk: Konsep Asas Dalam Al-Quran, Nilai Etika dalam Al-Quran, Menggarap Iman dengan Cepat 1-2-3, Pernah Memikir Mengenai Kebenaran?, Pemahaman Dangkal Orang yang Tidak beriman, Taat Kepada Allah, Meninggalkan Masyarakat Jahiliyyah, Destinasi Sebenar Mukmin: Syurga, Ilmu pengetahuan Al-Quran, Senarai Al-Quran, Hijrah Kerana Allah, Sifat Orang Munafik Menurut Quran, Rahsia Orang Munafik, Nama-Nama Allah, Komunikasi untuk Dakwah dan Golongan Menolak Al-Quran, Jawapan Dari Al-Quran, Kebangkitan dan Neraka, Jihad para Nabi, Musuh No 1 Manusia: Syaitan, Doa-Doa di Dalam Al-Quran, Kepentingan Celik Al-Quran, Hari Kebangkitan, Jangan Sekali Terlupa, Hukum Al-Quran Yang dilupakan, Kemanusiaan Dalam Masyarakat Jahiliyyah, Kepentingan Sabar dalam Quran, Maklumat Umum Dalam Al-Quran, Keimanan yang Matang, Sebelum Diulit Penyesalan, Nabi kita Bersabda, Kasih Sayang Orang Mukmin, Takut Kepada Allah, Igauan Buruk Kaum Kafirin, Kembalinya Nabi Isa a.s, Keindahan Kehidupan Berteraskan Al-Quran, Sejambak Keindahan Ciptaan Allah S.W.T 1-2-3-4, Kezaliman Orang yang Mencemuh, Misteri Penurunan Ujian, Kebijaksanaan Menurut Al-Quran, Perjuangan Melawan Agama: Ateis, Metode Pendidikan Nabi Yusuf, Ikatan Kebaikan, Fitnah Yang Ditaburkan Ke atas Muslimin Sepanjang Sejarah, Peri-Penting Mematuhi Kata-Kata yang Baik, Kenapa Menipu Diri Sendiri?, Islam: Agama Yang Mudah, Semangat dan Tarikan Di Dalam Al-Quran, Melihat Secara Positif, Bentuk Penafsiran Al-Quran Oleh Golongan Cetek Akal?, Beberapa Rahsia Besar Al-Quran, Galakan Untuk Muslimin, Membangkitkan Harapan Di Dalam Al-Quran, Keadilan dan Toleransi di Dalam Al-Quran, Rukun Asas Islam, Golongan Yang degil Terhadap Al-Quran

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Syirik	4
Fitnah	20
Fitnah: Menyesatkan Dari Jalan Yang Benar	23
Kesesatan akibat fitnah	26
Fitnah Sebagai Ujian	28
Usaha Mengheret Manusia ke Lembah Fitnah	31
Menabur Fitnah	32
Perselisihan di Kalangan Mukminin Mengakibatkan Fitnah	37
Punca Kepada Fitnah	38
Penindasan, Seksaan dan Bebanan	42
Dua Aspek Kejiwaan Manusia	45
Mereka yang menjadikan keghairahan dan keinginan duniawi sebagai Tuhan	56
Ruh, Jiwa dan Naluri Fitrah	63
Ihsan, Hikmah dan Bijaksana	66
Allah hadir di antara manusia dan hatinya ...	73
Kasih sayang di antara hati-hati	73
Menembusi hati sanubari	74
Hati yang beramal baik	75
Hati yang dibujuk	75
Hati yang tenang	75

Hati yang kuat	77
Hati yang tidak bersemangat	77
Melontarkan ketakutan di hati para kuffar ...	77
Hati yang diisi dengan kekejian dan liar ketakutan	78
Hati yang cenderung	78
Hati yang menyesal	78
Mengatakan sesuatu yang bukan di hati	79
Merahsiakan isi hati	80
Hati yang hancur	80
Hati yang memesong	80
Hati yang serupa	81
Hati yang menolak	82
Hati yang belum disinari keimanan	82
Hati yang berpenyakit	83
Hati yang keras	84
Hati yang dimeterai dengan tutupan dan terkunci	85

GOLONGAN YANG BERAKAL DAN PERKARA
YANG MENGABURI KEBIJAKSANAAN 93

BIJAKSANA DAN SENTIMENTALISME 104

SUMBER SIFAT HIKMAH 114

SIKAP TIDAK MENGAMBIL PEDULI DAN
PEKA 121

BERTINDAK MENURUT PRASANGKA 128

KETAATAN DAN KEPATUHAN	135
ISTIQAMAH	148
KESABARAN	154
AMALAN SOLEH	159
BERSYUKUR KEPADA ALLAH	170
TIDAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI	180
Matlamat agung mukminin ialah memperoleh keredaan Allah dan mendapat syurga.	187
PERSAUDARAAN DAN JEMAAH	190
SIKAP MERENDAH DIRI DAN SIKAP SOMBONG	199
BERTAWAKKAL DAN PATUH KEPADA ALLAH ..	225
MEMOHON KEAMPUNAN DAN BERTAUBAT ...	237
DOA AMALAN	250
Sifat doa para mukmin sentiasa berasa 'takut bercampur harapan'.	252
Doa-doa dari al-Quran	266

PENGENALAN



Ketika membaca al-Quran, kita sering berhadapan dengan pelbagai konsep yang menjadi lumrah kehidupan harian. Konsep ini adalah kunci untuk memahami al-Quran. Kebijakan, sabar, setia, ingkar dan rahmat Allah adalah sedikit contoh dari seluruh konsep asas ini.

Sebahagian besar konsep yang disebutkan di atas, malangnya diapliksi dengan konotasi yang jauh berbeza ketika meneruskan fenomena kehidupan harian. Mereka yang benar-benar memahami konsep yang terkandung di dalam al-Quran pasti akan segera menyedari betapa menyimpangnya konotasi konsep yang menjadi amalan mereka.

Kita akan mengambil contoh konsep 'bijaksana' atau pun 'berhikmah'. Bijaksana sering digunakan untuk mengindikasikan sifat pintar dan cerdas dan sebagainya. Tetapi, semua makna ini tidak mengandungi makna yang sebenar menurut perspektif al-

Quran. Dalam erti kata sebenar, bijaksana adalah rahmat yang dianugerahkan khusus kepada para mukmin. Bertentangan dengan keyakinan umum, ia bukanlah suatu konsep yang berubah bergantung kepada kekuatan iman peribadi. Bijaksana adalah panduan Ilahi bagi ruh manusia dengan memamerkan sikap yang baik dan mencari keredaan Allah dengan menjaga batas larangan dan perintah serta hidup dengan nilai kemuliaan al-Quran dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengecapi nikmat hari kemudian.

Seorang yang ingkar walaupun amat cerdik tidak akan memiliki sifat bijaksana. Mungkin dia amat bijak, namun tanpa sifat iman tidak sekali-kali akan memiliki hakikat sebenar kebijaksanaan. Kecerdikan sering dipercayai sinonim bagi kebijaksanaan. Segelintir yang lain pula, menafsir bijaksana sebagai sejenis sifat cerdik yang diadun dengan sedikit nilai kemuliaan dan kematangan. Akan tetapi sebaliknya, bagi para individu yang kufur, walaupun bersifat matang, berpengalaman, cerdik dan celik namun mereka tetap kosong dari sebarang fungsi bijaksana.

Adalah amat mudah bagi individu yang bermentalitikan sikap di atas untuk menafsirkan konsep al-Quran yang jauh menyimpang. Kadang-kadang, kesilapan ini amat serius sehingga menjadi sumber kepercayaan yang jumud dan menyeleweng. Hal yang sama juga benar bagi konsep yang lain.

Ini adalah mengapa pemahaman yang tepat berkenaan kandungan al-Quran dan pengertian konsep ini sebagai suatu yang penting. Juga amat penting untuk menghafal al-Quran dan mengamalnya dalam kehidupan harian.

Di dalam buku yang ringkas ini, beberapa konsep yang sering ditemui di dalam al-Quran akan dijelaskan di bawah sinaran ayat lain yang berkaitan; kami berusaha untuk menerangkan makna yang tersirat termasuk penggunaan maksudnya yang umum dan khusus. Wallahu Alam Bissawab.

SYIRIK



Syirik adalah kalimah Arab yang bermaksud menyekutukan atau menyamakan.

Di dalam al-Quran, pensyirikan adalah perbuatan menyekutukan sebarang makhluk atau orang lain atau pun sebarang konsep lain terhadap Allah dengan menganggap mereka serupa seperti Allah dan beriman dengannya.

Di dalam penterjemahan al-Quran, syirik diterangkan sebagai menyekutukan sesuatu kepada Allah. Dengan itu ia bermaksud; 'bertuhankan selain Allah' atau 'menyembah selain Allah'.

Dalam pengertian yang lebih luas, syirik adalah ketaatan terhadap prinsip atau sesuatu nilai, atau pun mengejar kehidupan selain dari apa yang telah ditegaskan dan diperintah di dalam al-Quran. Mereka yang mengagungkan orang lain sebagai suatu prinsip akan mengakibatkan mereka menyamakannya kepada Allah. Individu tersebut mungkin ayahnya, datuk, nenek moyang yang terkenal di dalam masyarakat atau pun pengasas sebuah ideologi atau

aliran falsafah atau pun juga para penganutnya. Dalam makna syirik yang lebih luas ini, mereka yang membina kehidupan berdasarkan kepada selain dari kandungan al-Quran sebenarnya telah melakukan perbuatan syirik. Mereka mungkin menggelar diri mereka seorang ateis, penganut Kristian atau Yahudi. Bahkan timbul sebagai orang Islam dengan menunaikan kewajipan bersembahyang, berpuasa dan mematuhi hukum-hukum Islam. Namun begitu, sesiapa sahaja yang memiliki corak pemikiran atau penilaian yang bertentangan dengan al-Quran adalah seorang yang musyrik; melalui pendirian seperti itu mereka memmanifestasi pengiktirafannya akan kewujudan pentadbir selain Allah.

Syirik pada dasarnya tidak menuntut sebarang penafian yang mutlak terhadap kewujudan Allah, sebahagian besar para musyrik mengelak dari mengakui sifat atau 'gelaran' ini secara terbuka. Mereka menipu diri sendiri sepanjang hidup dengan berlaku sembarangan di dalam perbuatan mereka. Di hari pengadilan, mereka tetap tidak mengaku terlibat di dalam amalan syirik. Pendirian yang mereka anuti dinyatakan di dalam ayat berikut:

Pada hari Kami himpunkan mereka sekalian kemudian Kami berkata kepada mereka yang melakukan syirik: **Di manakah sekutu-sekutu yang kamu anggap dahulu? Kemudian tidaklah ada**

akibat kufur mereka selain dari mereka menjawab dengan dusta: “Demi Allah Tuhan kami, kami tidak pernah menjadi orang-orang yang mempersekutukan Allah. Lihatlah bagaimana mereka berdusta terhadap diri mereka sendiri dan bagaimana hilang lenyapnya dari mereka apa yang telah mereka ada-adakan. (Surah Al-An’aam: 22-24)

Seorang musyrik tidak berhajat kepada ‘penguasaan’. Kita tidak pernah mendengar ikrar seperti, ‘Dengan ini saya bersetuju mengambil tuhan ini sebagai tuhan selain Allah dan bersumpah akan taat setia kepadanya’. Syirik adalah perkara dalaman dan terlihat melalui gerak-geri dan ucapan. Dari kaca-mata al-Quran, memiliki kecenderungan terhadap sesuatu makhluk selain Allah adalah syirik. Cenderung terhadap kekuasaan seseorang selain Allah, atau pun takut terhadapnya selain Dia atau pun kesetiaan yang tinggi terhadap seorang lain berbanding Allah adalah contoh syirik sebagai mana yang diterangkan di dalam al-Quran.

Sebelum ini lagi, telah pun dinyatakan bahawa syirik adalah pemesanan perasaan sayang daripada Allah kepada makhluk lain. Kesetiaan yang ditujukan terhadap berhala diterangkan sebagai berikut:

Ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah sekutu-sekutu

(Allah) mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah sedang orang yang beriman itu lebih cinta kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya bagi Allah dan bahawa sesungguhnya Allah maha berat azab siksa-Nya (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman). Surah Al-Baqarah: 165

Ayat ini menjelaskan bahawa 'kasih sayang' yang ditujukan kepada orang lain adalah asas kepada konsep 'menyembah selain Allah' seperti mana syirik. Tidak seperti para mukmin, individu kuffar gagal membina hubungan yang akrab terhadap Pencipta. Mereka menyintai diri sendiri atau yang lain atau keduanya; mereka berkongsi kasih sayang dengan ibu bapa, anak-pinak, adik-beradik, isteri, suami, kekasih dan manusia di sekeliling serta sebagainya. Begitu juga dengan manusia lain, mereka yang kufur berasa kesetiaan dan keterikatan yang kuat kepada kebendaan atau pun konsep harta benda, kedudukan, rumah, kereta, status berprestij dan sebagainya.

Kehebatan dan keindahan yang dilihat di dalam setiap sesuatu, sama ada yang hidup atau yang tidak adalah sekadar manifestasi sifat-sifat Allah yang

tidak terbatas. Pemilik sebenarnya ialah Allah dan dengan itu kepada-Nya sahajalah layak ditujukan kesetiaan, kepatuhan, ketaatan dan rasa kasih. Perasaan keterikatan terhadap selain dari Dia adalah merupakan perbuatan syirik yang jelas.

Dalam sepotong ayat lain, ucapan Nabi Ibrahim a.s menyatakan bahawa para musyrikin melepaskan Allah sebaliknya memperkukuhkan ikatan terhadap berhala sembah mereka.

**Dan Nabi Ibrahim berkata (kepada kaumnya): "Perbuatan kamu menyembah berbagai berhala dan tidak menyembah Allah itu, hanyalah kerana menjaga hubungan kasih mesra di antara kamu masing-masing dalam kehidupan dunia ini; kemudian pada hari kiamat kelak setengah kamu akan membantah setengah yang lain dan setengah kamu pula akan melaknat setengah yang lain; dan tempat kembali kamu ialah neraka, dan kamu tidak akan beroleh sesiapa pun yang dapat memberikan pertolongan".
Surah Al-Ankabut: 25**

Keghairahan terhadap wanita adalah contoh menarik yang berisiko menyekutukan Allah dari sudut kasih sayang. Perempuan itu mungkin pasangan, teman wanita atau pun yang dicintai secara rohani semata. Akibatnya, sekiranya cinta itu

menjadikan seorang lelaki hanyut menjauhi Allah, malah mengagungkannya setanding Allah, maka ini adalah jelas 'menyekutukan Allah'. Mentaliti seumpama ini sering dianggap normal di dalam sesebuah masyarakat namun hakikatnya adalah akibat yang buruk di sisi Allah

Apa yang mereka sembah selain dari Allah itu hanyalah berhala-berhala dan mereka tiak menyembah melainkan syaitan yang derhaka. Surah An-Nisaa': 117

Sudut pandangan ini juga benar bagi wanita. Jenis hubungan ini yang keji di sisi-Nya sering digalakkan di dalam masyarakat moden sebagai suatu cinta yang suci, romantik atau pun teman bersiar. Indoktrinasi sentimen romantisme -khususnya kepada golongan pemuda- mempunyai kesan yang merosakkan terhadap generasi baru. Ini sudah pasti adalah penghalang kepada perkembangan jiwa para pemuda yang sihat dan keperibadian yang mulia. Akibatnya, generasi yang bakal lahir adalah tandus dari sebarang kebijaksanaan. Dalam situasi seumpama ini, setiap individu masyarakat hidup dalam keadaan langsung tidak menyedari matlamat kewujudan mereka di muka bumi. Mereka sekadar hidup di dalam keadaan jahil dan tanpa memahami hakikat kasih sayang dan ketaqwaan terhadap Allah.

Antara lain punca yang menghanyutkan individu ke lembah syirik ialah perasaan takut. Seperti cinta,

rasa takut juga hanya layak ditujukan terhadap Allah. Mereka yang menunjukkan rasa takut dan gentar sesama makhluk jelas menyifatkan keagungan dan kebesaran kepada mereka. Ini adalah perbuatan syirik yang asas dan sering terjadi:

Dan Allah berfirman: “Janganlah kamu bertuhankan dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu hanyalah Tuhan yang satu; maka kepada Aku-lah sahaja hendaknya kamu gerun gementar.

Dan bagi-Nyalah segala yang ada di langit dan di bumi; dan kepada-Nya sahaja tertentu ibadah dan ketaatan selama-lamanya; maka tidaklah patut kamu takut kepada yang lain dari Allah. Surah An-Nahl: 51-52

Mereka yang tidak beriman sering berasa takut terhadap individu manusia yang lain. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran:

Mereka menyembah sesuatu yang tidak memberi rezeki kepada mereka dari langit atau bumi sedikit pun selain dari Allah, bahkan mereka tidak berkuasa di atas yang demikian. (Surah An-Nisaa'-77)

Selain dari rasa kasih atau takut, di sana masih terdapat ciri-ciri lain yang mendorong kepada perbuatan syirik.

Asas pensyirikan ialah tarikan yang kuat terhadap seseorang atau pun kebendaan selain dari Allah, sebagai contoh mengharap keredaan orang lain melebihi Allah, takut seorang lain sebagai mana takutnya kepada Allah atau menyayangi seseorang sebagai mana kasih sayang kepada-Nya. Atau pun melakukan sesuatu umpamanya amalan pengorbanan di atas nama berhala atau patung atau pun dewa untuk mendapatkan keredaan mereka.

Melalui argumen di atas, adalah jelas keliru untuk menghadkan definisi syirik semata-mata kepada amalan menyembah patung atau berhala. Ini adalah hujah yang digunakan para musyrik untuk mempertahankan pendirian mereka. Berdasarkan kepada penakrifan ini, amalan syirik telah lenyap di saat semua berhala di sekeliling Kaabah dimusnahkan ketika penurunan wahyu al-Quran. Sekiranya hal ini benar, maka beratus-ratus ayat yang mengingatkan para mukminin terhadap syirik hanya relevan kepada kaum atau puak tertentu yang ada hari ini -iaitu suatu dakwaan yang amat bertentangan dengan intipati al-Quran. Bahkan dari kandungan al-Quran yang merupakan Kitab yang benar sehingga hari pengadilan, kita dapat memahami bahawa di setiap zaman, golongan jahil dan musyrik sentiasa hidup bersama-sama dengan para mukminin. Sepotong ayat menerangkannya:

Demi sesungguhnya engkau akan dapati

**manusia yang keras sekali permusu-
hannya kepada orang-orang yang ber-
iman ialah orang-orang Yahudi dan
orang-orang musyrik. Surah Al-Maidah: 82**

**Hendaklah kamu sentiasa merujuk
kembali kepada Allah serta bertakwalah
kamu kepada-Nya; dan kerjakanlah
sembahyang dengan betul sempurna;
dan janganlah kamu menjadi dari mana-
mana golongan orang musyrik,**

**Iaitu orang-orang yang menjadikan
fahaman agama mereka berselisihan
mengikut kecenderungan masing-ma-
sing serta mereka pula menjadi ber-
puak-puak, tiap-tiap puak bergembira
dengan apa yang ada padanya. Surah
Ar-Ruum: 31-32**

Seperti yang telah dinyatakan, satu daripada ciri-ciri penting masyarakat yang menyembah banyak dewa adalah pandangan dan anggapan mereka terhadap agama yang benar; iaitu menyangkal sebahagian perintah agama yang diwahyukan oleh Allah dan sekali gus menyimpang dengan membentuk pecahan atau beberapa kumpulan lain. Golongan pecahan atau kumpulan ini menganggap mereka sebagai jemaah yang benar dan saling berselisih dan bertelingkah di antara satu sama lain. Akan tetapi, harus diingat bahawa menyimpang dari ajaran al-

Quran adalah disebabkan perbuatan menokok-tambah atau mengubah apa yang telah diwahyukan Allah yang akhirnya bertukar bentuk menjadi agama yang sesat.

Di dalam ayat di bawah dinyatakan bahawa Allah tidak menerima sebarang amalan golongan yang jahil walaupun ibadah sembahyang dan amal soleh yang pernah mereka lakukan:

Dan sesungguhnya telah diwahikan kepadamu dan kepada nabi yang terdahulu daripadamu; "Demi sesungguhnya! Jika engkau mempersekutukan tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi. Surah Az-Zumar: 65

Dan mereka memperuntukkan dari hasil tanaman dan binatang ternakan yang diciptakan oleh Allah itu, sebahagian bagi Allah (dan sebahagian untuk berhala mereka) lalu mereka berkata; "Ini untuk Allah dan ini untuk berhala kami". Kemudian apa yang telah ditentukan untuk berhala mereka maka ia tidak sampai kepada Allah dan apa yang telah ditentukan untuk Allah sampai pula kepada berhala mereka. Amatlah jahatnya apa yang mereka hukumkan itu. Surah Al-An'aam: 136

Seorang mukmin berisiko terjebak ke dalam melakukan kemungkar. Akan tetapi di sebalik perbuatan ini, tidak terdapat niat memberontak atau pun anggapan yang sesat terhadap Allah. Apa yang membezakan perbuatan syirik berbanding perbuatan mungkar yang lain ialah syirik adalah mengagungkan tuhan lain selain Allah dan mereka-reka pembohongan terhadap-Nya. Ia adalah sebuah cara memanifestasikan perbuatan biadap terhadap Allah.

Berdasarkan hal ini, Allah berfirman di dalam al-Quran bahawa Dia akan mengampunkan sebarang kesalahan hamba-Nya melainkan dosa syirik:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar. Surah An-Nisaa':48

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu maka sesungguhnya ia telah sesat de-

**ngan kesesatan yang sejauh-jauhnya.
Surah An-Nisaa': 116**

Sekali gus, di dalam banyak ayat al-Quran, Allah telah memberi amaran terhadap golongan mukmin mengenai amalan syirik dan menegah mereka dari terlibat di dalam dosa yang paling besar. Al-Quran menerangkan perincian amalan syirik:

Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya orang-orang yang musyrik itu najis... Surah At-Taubah: 28

Dengan ikhlas kepada Allah tidak mempersekutukan sesuatu dengan Dia. Dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah, maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbankan oleh burung, atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh. Surah Al-Hajj: 31

Hendaklah kamu sentiasa merujuk kembali kepada Allah serta bertakwalah kamu kepada-Nya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik, Surah Ar-Rum: 31

Dan tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat

kepadanya; “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”.
Surah Luqman: 13

Katakanlah! “Sesungguhnya aku ini hanya seorang manusia seperti kamu yang diwahyukan kepadaku: “Bahawa sesungguhnya Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Esa”. Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadahnya kepada Tuhannya”. Surah Al-Kahfi: 110

Segala-galanya, sama ada yang hidup atau tidak, yang dijadikan sekutu Allah sama sekali tidak memiliki sebarang sifat Uluhiyyah.

Allah menyatakan semua sekutu ini tidak memiliki sebarang kuasa untuk membahayakan dan juga tidak memberi faedah kepada mereka (Yunus 34), tidak berkuasa mencipta apa pun (Yunus: 34, A'raf 191), tidak mampu membantu sesiapa pun bahkan diri mereka sendiri (A'raf 192) dan juga tidak mampu menunjukkan jalan yang benar (Yunus 35). Walaupun mereka pada hakikatnya adalah sangat lemah dan tidak berdaya, namun golongan yang jahil

tetap berdegil dengan 'menganggapnya sebagai tuhan'. Punca yang utama adalah kerana Allah telah menganugerahkan sedikit dari keagungan sifat-sifat-Nya kepada makhluk ini.

Kekuasaan, kedaulatan, keagungan dan kehebatan yang dimiliki seseorang sebagai contoh, pada hakikatnya adalah milik Allah. Sebagai suatu ujian, Allah mengurniakan sedikit dari kebesaran-Nya kepada segelintir individu sepanjang hidup ini. Dengan menyifatkan semua kekuasaan, kehebatan dan kedudukan kepada seorang individu tertentu dan pada masa yang sama menunjukkan rasa takut terhadapnya adalah jelas terjebak ke dalam kancah dosa perbuatan syirik. Makhluk tersebut pada hakikatnya bukanlah zat tuhan atau pun berkuasa memiliki segalanya dengan sendiri. Pada titik ini, kita harus menegaskan bahawa mereka adalah makhluk khayali yang tercipta sebagai persepsi di dalam otak seseorang. Di dalam al-Quran, telah dinyatakan:

Ingatlah! Sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi dan bahawa mereka yang menyembah sesuatu yang lain dari Allah sebagai sekutu-Nya, mereka tidak menurut, mereka hanya menurut sangkaan semata-mata dan mereka hanyalah orang-orang yang sentiasa berdusta.
Surah Yunus: 66

Seorang yang menyembah seseorang lain selain Allah akan pasti menyesal di saat menyadari bahwa sekutu yang disifatkannya sebagai tuhan sebenarnya tidak memiliki suatu apa pun. Sekutu yang mereka agungkan berbanding Allah di dalam hidup ini akan membawa mereka ke dalam saat kesedihan yang tak bertanggung di hari kemudian. Sekutu itu juga adalah punca utama mengapa para golongan jahil menganggap Allah yang memiliki kekuasaan yang mutlak, keagungan dan kebesaran dan yang juga satu-satunya maha pelindung, sebagai musuh mereka. Di hari pengadilan kelak, takdir mereka telah dinyatakan di dalam ayat berikut:

Dan masa Kami himpulkan mereka semua, kemudian kami berfirman kepada orang-orang musyrik: "Tunggulah di tempat kamu semua, kamu dan makhluk-makhluk yang kamu jadikan sekutu", sesudah itu Kami memutuskan perhubungan baik di antara mereka. Dan berkatalah makhluk-makhluk yang mereka sembah itu: "Bukanlah kami yang kamu puja dan taati.

"Oleh itu, cukuplah Allah sebagai saksi antara kami dengan kamu bahawa sesungguhnya kami tidak menyadari pujaan atau penyembahan kamu".

Pada masa itu tiap-tiap diri dapatlah mengetahui akan apa yang telah dikerjakan, dan mereka dikembalikan kepada Allah, Tuhan mereka yang sebenarnya dan hilang lenyaplah dari mereka apa yang mereka adakan. Surah Yunus: 28-30

Kemudian dikatakan kepada mereka: "Manakah berhala-berhala yang selalu kamu persekutukan selain Allah?". Mereka menjawab: "Mereka telah hilang lenyap dari kami, bahkan kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu". Seperti demikianlah Allah menyesatkan orang-orang kafir. Surah Ghafir: 73-74

Al-Quran menerangkan saat akhir mereka:

Maka tatkala mereka melihat azab Kami, mereka berkata; "Kami beriman hanya kepada Allah saja dan kami kafir kepada sembahhan-sembahhan yang telah kami persekutukan dengan Allah". Maka iman mereka tidak berguna bagi mereka tatkala mereka telah melihat siksa Kami. Itulah sunnah Allah yang telah berlaku terhadap hamba-hambanya. Dan di waktu itu binasalah orang-orang kafir. Surah Ghafir: 84-85

FITNAH



Seperi di dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sebahagian kalimah Arab juga memiliki konotasi yang serupa.

Perkataan fitnah, yang sama erti dengan 'penindasan', mempunyai pengertian yang lebih dari sekadar sebuah makna di dalam bahasa Arab.

Fitnah, dari sudut bahasanya adalah proses penulenan emas melalui beberapa unsur tertentu. Akan tetapi, seperti yang digunakan di dalam al-Quran, perkataan ini menggambarkan ujian yang akan memisahkan golongan yang kuffar atau munafik daripada golongan mukmin yang sejati.

Ujian ini mempunyai sebuah ciri asas; iaitu mampu mengakibatkan seseorang hancur binasa selama-lamanya. Secara ringkas, kenyataan bahawa setiap individu mampu dipandu menuju ke jalan yang benar atau ke jalan yang sesat sewaktu ujian ini keseluruhannya bergantung kepada persepsi dan

pandangannya terhadap agama yang Haq. Sekerat ucapan doa Nabi Musa a.s mengisyaratkan ciri-ciri fitnah ini;

Amatlah buruknya bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami dan mereka pula berlaku zalim kepada diri mereka sendiri. Surah Al-A'raaf: 177

Di sana juga terdapat sebahagian ayat yang menggambarkan bumi sebagai tempat ujian dan manusia sudah pasti akan diduga samada mereka benar beriman atau pun tidak:

Alif lam mim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji.

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta. Surah Al-Ankabuut: 1-3

Sepotong ayat lain turut menyatakan bahawa ujian ini adalah melalui dua jenis yang berbeza;

Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan

Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan. Surah Al-Anbiyaa': 35

Sekiranya seorang individu mematuhi setiap perintah-Nya walaupun dikurniakan dengan kemewahan dan harta yang melimpah ruah, ini pada hakikatnya adalah jalan untuk menghampiri Allah. Tetapi sekiranya semua itu tidak sedikit pun dibelanjakan demi mencari keredaan Allah, maka akibat yang buruk pasti menantinya. Mereka sebenarnya telah gagal di dalam ujian dan 'menanggung kerugian yang besar' di hari kemudian.

Dengan kesan yang sama, setiap masalah, tekanan, penyakit, kerugian harta benda juga adalah sebahagian dari contoh ujian yang sering menimpa umat manusia. Tindakan dan tingkah laku mereka di saat berhadapan dengan ujian akan mendedahkan identiti dalaman samada mereka adalah mukmin yang benar atau pun tidak. Bagi para mukmin, mereka tidak akan berganjak dari sebarang pendirian ketika berhadapan dengan bencana ini. Namun, dengan menunjukkan rasa marah, memberontak, putus asa atau kebencian terhadap bencana yang menguji sekaligus mendedahkan identiti mereka sebagai sebahagian dari golongan yang palsu dalam keimanannya.

Mereka yang mukmin sentiasa menyedari bahawa setiap insiden adalah terjadi dengan kehendak Allah. Mereka akan berserah dan menghadapinya walaupun berasa terlalu sukar dan berat dengan keperibadian yang tenang dan bersifat matang. Kerugian harta benda tidak menjejaskan keperibadian kerana keghairahan duniawi telah pun disingkirkan dari menguasai dirinya. Bahkan mereka amat meyakini sikap seumpama ini adalah perbuatan yang diredai Allah;

Fitnah: Menyesatkan Dari Jalan Yang Benar

Sebahagian dari bencana yang menimpa adalah *istimewa dicipta untuk memperlihatkan sikap golongan yang kufur*. Beberapa ayat al-Quran menyatakan hal ini;

Dan demikianlah kami uji sebahagian (yang kaya) dari mereka dengan sebahagian yang lain (yang miskin) lalu orang-orang yang kaya itu berkata: "Inikah orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka di antara kami". Bukankah Allah lebih mengetahui akan orang-orang yang bersyukur?". Surah Al-An'am: 53.

Sepotong ayat yang serupa;

Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila ia bercita-cita (supaya kaumnya beriman), maka syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu mencapai cita-citanya; oleh itu, Allah segera menghapuskan apa yang telah diganggu oleh syaitan, kemudian Allah menetapkan ayat-ayat-Nya dengan kukuhnya; dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana.

(yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada penyakit kufur ingkar dalam hati mereka, dan yang hatinya keras membatu; dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran. Surah Al-Hajj: 52-53

Ayat di bawah menyatakan bahawa dalam sesetengah keadaan, kurniaan harta benda yang melimpah-ruah adalah bertujuan untuk menguji mereka;

Dan janganlah engkau menunjukkan

pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya: sedang limpah kurnia Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal. Surah Taha: 131

Lebih dari sekadar menguji manusia, ujian ini diciptakan untuk mendedahkan jiwa pemberontak pada sesetengah individu yang sekali gus mendedahkan identiti sebenar mereka. Hal ini juga dijelaskan dalam sepotong ayat lain;

Oleh itu janganlah engkau tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak mereka sesungguhnya Allah hanya hendak menyiksa mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka berkeadaan kafir. Surah At-Taubah: 55

Allah berfirman di dalam al-Quran bahawa Dia telah menyesatkan segelintir manusia:

Maka pernahkah kamu melihat orang-orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan dan Allah membiarkan-

nya sesat berdasarkan ilmu-Nya dan Allah telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya? Maka siapakah yang akan memberinya petunjuk sesudah Allah. Maka mengapa kamu tidak mengambil pengajaran? Surah Al-Jatsiyah: 23

Di sana tidak ada tempat kembali bagi mereka yang telah disesatkan:

Maka apakah yang menyebabkan kamu menjadi dua golongan terhadap kaum munafik itu padahal Allah telah menjerumuskan mereka (dalam kekufuran) disebabkan apa yang telah mereka usahakan? Adakah kamu pula hendak memberi petunjuk kepada orang-orang yang telah disesatkan oleh Allah? Padahal siapa yang telah disesatkan oleh Allah maka engkau tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya. Surah An-Nisaa': 88

Kesesatan akibat fitnah

Sejak dari awal lagi kita telah mengetahui bahawa kesan fitnah di dalam keadaan dan situasi tertentu

berupaya menyesatkan manusia. Al-Quran berulang kali mengingatkan kisah mengenai manusia zaman silam yang telah sesat dan berbuat kemungkaran di muka bumi. Sebagai contoh, ketika Nabi Musa a.s keluar berMusafir daripada kaumnya, mereka telah menurut jejak Samiri yang membina patung anak lembu. Hal ini dinyatakan di dalam al-Quran sebagai 'telah disesatkan':

Allah berfirman: Sesungguhnya Kami telah mengenakan kaummu satu fitnah ujian sepeninggalanmu, dan mereka telah disesatkan oleh Samiri". Surah Ta-ha: 85

Kemudian samiri mengeluarkan untuk mereka dari leburan barang-barang itu (patung) seekor anak lembu yang bertubuh lagi bersuara, lalu mereka berkata; "Ini ialah tuhan kamu dan tuhan bagi Musa tetapi Musa telah lupa!".

Patutkah mereka tidak mahu berfikir sehingga mereka tidak nampak bahawa patung itu tidak dapat menjawab perkataan mereka, dan tidak berkuasa mendatangkan bahaya atau memberi manfaat kepada mereka?

Dan demi sesungguhnya, Nabi Harun telah pun berkata kepada mereka

sebelum itu; “Wahai kaumku, sesungguhnya kamu hanya diperdayakan dengan patung itu, dan sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang melimpahkan rahmat-Nya; oleh itu, ikutlah aku dan taatlah akan perintahku”.
Surah Taha: 88-90

Sepotong ayat lain mengesahkan bahawa fitnah membawa kepada kesesatan akibat tidak berhati-hati:

Maka kelak kamu akan melihat dan mereka (orang-orang kafir) pun akan melihat, siapa di antara kamu yang gila. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang paling mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya; dan Dialah yang paling mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk. Surah Al-Qalam: 5-7

Fitnah Sebagai Ujian

Sikap positif ketika berhadapan dengan fitnah ujian adalah salah satu jalan mentaqarrubkan diri kepada Allah. Fitnah sudah pasti mendorong golongan mukmin untuk menunjukkan ketabahan dan iltizam kepada Allah dan juga adalah cara untuk mendapat kematangan iman di sisi-Nya.

Sebagai contoh, zaman peperangan yang meletus adalah saat getir ujian yang menimpa. Apa sekalipun keadaannya, hanya mukmin sejati sahaja yang akan mempamerkan sikap yang dijelaskan di dalam al-Quran:

Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzab berkatalah mereka: "Inilah yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kami dan benarlah Allah dan Rasul-Nya". Dan itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah. Surah Al-Ahzab: 22

Dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung". Surah Ali-Imran: 173

Betapa sekalipun sukar ujiannya, mereka sentiasa memandu diri ke jalan untuk memperoleh ganjaran dan keredaan dari-Nya.

Apa yang dianggap sebagai suatu kurniaan nasib yang baik dan murah rezeki adalah berisiko mengheret ke lembah kesesatan kepada mereka yang tidak beriman. Ayat di bawah mengisyaratkan sebuah ujian lain, iaitu berkenaan bilangan malaikat di neraka.

Apa yang menjadi punca yang menyesatkan bagi golongan kufur sebaliknya adalah khabar gembira bagi para mukmin malahan mengukuhkan keimanan mereka:

Di atasnya adalah sembilan belas (malaikat penjaga) dan tiada Kami jadikan penjaga neraka itu melainkan dari malaikat; dan tidaklah Kami jadikan bilangan mereka itu melainkan untuk jadi cubaan bagi orang-orang kafir supaya orang-orang yang diberi Al-Kitab menjadi yakin dan supaya orang yang beriman bertambah imannya dan supaya orang-orang yang diberi Al-Kitab dan orang-orang mukmin itu tidak ragu-ragu dan supaya orang-orang yang di dalam hatinya ada penyakit dan orang-orang kafir (mengatakan): "Apakah yang dikehendaki Allah dengan bilangan ini sebagai suatu perumpamaan?" Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan tidak ada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sendiri. Dan Saqar itu tiada lain hanyalah peringatan bagi manusia. Surah Al-Muddathir: 30-31

Usaha Mengheret Manusia ke Lembah Fitnah

Segelintir manusia sentiasa berusaha untuk menyesatkan para mukmin. Matlamat utama ialah membuatkan mereka menjulang cara pemikiran dan kepercayaan tertentu yang jauh sesat menyimpang. Al-Quran mengingatkan kita bahawa di sepanjang sejarah, pelbagai tindakan yang kejam telah dirancang bahkan menimpa golongan mukmin demi matlamat ini. Setiap serangan dirancang untuk melemahkan pegangan dan kepercayaan mukmin terhadap semua perintah dan larangan yang telah termaktub di dalam al-Quran. Allah menyatakan bahawa golongan yang dirahmati ini pasti akan tergelincir ke lembah fitnah sekiranya mereka menyerah dan tunduk patuh kepada perancangan jahat ini:

Dan sesungguhnya nyaris-nyaris mereka dapat memesongkanmu dari apa yang Kami telah wahikan kepadamu, supaya engkau ada-adakan atas nama Kami perkara yang lainnya; dan baharulah mereka menjadikan engkau sahabat karibnya. Surah Al-Israa': 73

Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah

supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling maka ketahuilah hanyasanya Allah mahu menyiksa dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. Surah Al-Maidah: 49

Maka sesungguhnya kamu dan apa-apa yang kamu sembah itu sekali-kali tidak dapat menyesatkan (seorang) terhadap Allah kecuali orang-orang yang akan masuk neraka yang menyala. Surah As-Saafat: 161-163

Menabur Fitnah

Di dalam Surah Al-Baqarah ayat 191 dan 217, Allah berfirman bahawa perbuatan fitnah adalah lebih besar dosanya jika dibandingkan dengan membunuh. Untuk memahami fitnah sebagai suatu yang amat keji, adalah perlu untuk memerhati peristiwa 'pembunuhan seorang individu manusia', iaitu antara jenayah besar yang diterangkan di dalam al-Quran:

Dan sesiapa yang membunuh seorang

mukmin dengan sengaja maka balasan-nya ialah neraka jahannam kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab siksa yang besar. Surah An-Nisaa': 93

Sebenarnya, dalam ayat tersebut, fitnah tidak dimaksudkan sebagai ujian. Ia digunakan untuk memaksudkan tindakan dan amalan yang membawa kepada kebinasaan.

Khususnya, al-Quran merujuk golongan munafik sebagai orang yang 'menabur fitnah'. Allah menyatakan bahawa kaum munafik telah melakukan pelbagai bentuk fitnah; mereka menghalang golongan mukmin dari menyertai jihad fi sabilillah dan mengatur komplot terhadap baginda Nabi dan para mukmin bahkan lebih daripada itu, turut berusaha melemahkan semangat mereka.

Golongan munafik sentiasa mengelirukan penafsiran ayat al-Quran ataupun menyelewengkan tafsirannya dan hanya mematuhi tuntutan tersebut sekiranya bermanfaat buat mereka. Para mukmin sebaliknya adalah amat berbeza, mereka tetap menunjukkan kepatuhan dan ketaatan dalam setiap keadaan:

Dialah yang menurunkan Al-Kitab kepada kamu. Di antaranya ada ayat-

ayat yang muhkamat itulah pokok-pokok isi al-Quran dan yang lain mutasyabihaat. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang mutasyabihat untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata: "Kami beriman kepadanya semuanya itu datang dari sisi Tuhan kami". Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran. Surah Ali-'Imran: 7

Ciri-ciri asas kaum munafik ialah kejahatan fitnah yang mereka lakukan. Munafik adalah kalimah Arab yang bermaksud 'seorang yang memecah-belahkan'. Usaha memecah-belahkan jemaah mukminin adalah fitnah yang tergolong sebagai dosa besar. Di sana terdapat ayat yang menyatakan bahawa kaum munafik berusaha menjalankan fitnah terhadap mukminin:

Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di

antara kamu (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan Allah maha mengetahui akan orang-orang yang zalim. Surah At-Taubah: 47

Dan kalaulah tempat-tempat kediaman mereka itu diserang oleh musuh dari segala penjurunya, kemudian mereka di ajak berpaling tadah menentang Islam, sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak bertanggung lagi tentang itu melainkan sebentar sahaja. Surah Al-Ahzab: 14

Sesungguhnya mereka telah melakukan fitnah semenjak dahulu lagi dan mereka merancangkan terhadapmu berbagai tipu daya sehingga datanglah kebenaran dan nyatalah agama Allah sedang mereka tidak suka padanya. Surah At-Taubah: 48

Walaupun perancangan dan kejahatan mereka telah diketahui, namun mereka tetap degil berbohong untuk membela diri mereka di hadapan Nabi s.a.w dan para mukmin yang lain. Mereka meremeh-temehkan perbuatan curang mereka. Mereka sudah pasti amat takut dan khuatir terhadap para mukmin

dan hukuman bagi kesalahannya dan sekali gus berpura-pura berbuat baik di hadapan mata golongan mukmin. Bahkan mereka meminta para mukmin tidak melayan mereka seperti layanan yang diterima oleh golongan munafik lain serta meminta agar persahabatan dan hubungan mereka tetap dipertahankan:

Dan di antara mereka ada yang berkata: "izinkanlah aku dan janganlah engkau menjadikan daku dipengaruhi oleh fitnah. Ketahuilah mereka telah pun tercebur ke dalam fitnah. Dan sesungguhnya azab Jahanam meliputi orang-orang yang kafir. Surah At-Taubah: 49

Ayat di atas menunjukkan bahawa kaum munafik adalah pembohong dan terlibat dalam perbuatan mengacum dan mengadu domba seperti mana golongan yang lain. Allah mengingatkan agar tidak diperdaya oleh penipuan yang mereka rencanakan.

Golongan musyrik dan munafik pasti akan menanggung penderitaan yang azab di neraka sebagai balasan fitnah yang mereka lakukan:

"Rasakanlah azabmu itu! Inilah azab yang dahulu kamu minta supaya disegerakan". Surah Az-Dharyat: 14

Perselisihan di Kalangan Mukminin Mengakibatkan Fitnah

Fitnah akan berleluasa di muka bumi kecuali golongan mukmin saling melindungi antara satu sama lain. Kenyataan ini dijelaskan sebagai berikut:

Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi yang lain. Jika kamu tidak menjalankan itu, nescaya akan berlakulah fitnah di muka bumi dan kerosakan yang besar. Surah Al-Anfal: 73

Golongan mukmin amat berhati-hati dari terlibat kepada sebarang perlakuan yang berisiko menimbulkan fitnah. Sebahagian sikap dan perwatakan walaupun tanpa sebarang niat pasti akan menyebabkan timbulnya pencabulan terhadap keadilan. Seperti yang disebut di dalam ayat di atas, gagal untuk melindungi antara satu sama lain atau membenarkan pertelingkahan terjadi sesama mukmin juga mampu menimbulkan fitnah di mana tanggungjawab untuk menyelesaikannya terletak di pundak bahu mereka. Mukmin yang sejati pasti berusaha untuk berlaku adil dan bertanggungjawab mempertahankan hak antara satu lain.

Punca Kepada Fitnah

Di dalam al-Quran, Allah SWT, Pencipta bagi setiap makhluk telah menghuraikan secara terperinci tentang konsep kehidupan individu umat manusia yang hakiki. Sekiranya keinginan dan hawa nafsu dijadikan sebagai matlamat hidup di dunia, maka mereka pasti akan mengagungkan semua ini lebih dari pada pengagungan kepada Allah. Dalam jiwa seumpama itu, mereka tidak sedikit pun mempedulikan peri pentingnya keredaan Allah dan manfaat kebaikan dari agama Islam. Situasi ini pasti akan melihatkan kejangakan dan kelakuan curang manusia terhadap Allah.

Allah berulang kali mengingatkan manusia bahawa dunia adalah tempat yang sementara dan merupakan sebuah arena ujian. Walaupun menyedari hal ini, manusia tetap cenderung menganggapnya sebagai suatu tempat abadi dalam keadaan memalingkan wajah dari hakikat sebenar Hari Perhitungan kelak.

Mereka yang ingkar untuk mengambil al-Quran sebagai panduan akan dibelenggu dengan keinginan duniawi yang tak kunjung putus. Mereka kelak akan diulit kebimbangan terhadap semua yang terjadi di dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah fitnah harta benda dan anak-anak sebagaimana yang dirujuk dalam ayat di bawah:

Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cubaan; di sisi Allah-lah pahala yang besar. Surah at-Taghabun: 15

Kalimah fitnah di sini amat menarik. Dengan berpura-pura tidak memahami tugas besar yang diamanahkan kepada mereka di dunia ini, manusia umumnya mendukung matlamat yang palsu dan menganggapnya sebagai 'lumrah dunia'. Akibat tarbiyah yang diterima di dalam masyarakat jahil, manusia mempercayai bahawa konsep seperti perkahwinan, anak-pinak dan kemewahan harta benda adalah lumrah kehidupan manusia. Sebahagian besar mereka melihatkan keinginan yang kuat untuk berkahwin, memiliki kemewahan dan beranak-pinak, sementara mereka tetap bersikap acuh tak acuh terhadap perintah dan larangan Allah.

Kriteria yang mencipta keinginan untuk memiliki anak juga dinyatakan di dalam al-Quran. Berdasarkan, keinginan fitrah seumpama ini pada asasnya bukanlah kerana lumrah kebiasaan tetapi adalah dengan niat mencari keredaan Allah. Doa 'Imran dijadikan sebagai contoh untuk hal ini:

Ketika isteri 'Imran berkata: "Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dengan berkhidmat kepada-Mu) maka terimalah nazarku: sesungguhnya Engkaulah yang

maha mendengar lagi maha mengetahui". Surah A-li-'Imran: 35

Al-Quran memetik contoh doa yang serupa di dalam doa para Nabi yang menghalakan manusia menuju jalan yang diredai-Nya:

Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya; "Wahai Tuhanku kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar doa permohonan". Surah A-li-'Imran: 38

Doa Nabi Ibrahim a.s adalah sebagai berikut:

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami orang-orang Islam kepada-Mu dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah maha penerima taubat lagi maha mengasihani. Surah Al-Baqarah: 128

Kemewahan yang melimpah ruah juga mampu mendorong manusia untuk menjejaki rahmat dan reda Allah serta saat kegembiraan yang abadi sekiranya dimanfaatkan semata-mata kerana Allah. Sekiranya tidak, semua itu akan bertukar menjadi

fitnah bagi mereka. Sikap Nabi Sulaiman a.s terhadap nilai kemewahan menjadi model contoh bagi setiap individu mukmin. Baginda tidak menolak semua kemewahan sebaliknya memanfaatkannya sebagai kurniaan anugerah yang mengajak baginda mengingati Allah. Sikap baginda diterangkan sebagai berikut:

Tatkalah Nabi Sulaiman dipertunjukkan kepadanya pada suatu petang, satu kumpulan kuda yang terpuji keadaannya semasa berdiri, lagi yang tangkas semasa berlari. Maka Nabi Sulaiman berkata; "Sesungguhnya aku telah mengutamakan kesukaanku kepada kebaikan lebih daripada mengingati Tuhanku, sehingga (matahari) melindungi dirinya dengan tirai malam". "Bawa balik kuda itu kepadaku"; maka ia pun tampil menyapu betis dan leher kuda itu (seekor demi seekor). Surah Saad: 31-33

Berhubung dengan kemewahan dan anak-pinak, Allah telah mengingatkan tentangnya kepada mukmin di dalam al-Quran. Sifat berhati-hati dan berwaspada adalah amat penting untuk mengelak bencana akibat fitnah ini. Kekayaan dan anak-pinak di dunia ini tidak sekali-kali menjamin keselamatan di saat hari kemusnahan dunia malahan sekiranya

dimanfaatkan dengan baik, semua ini akan mendorong mereka mencari rahmat dan keredaan Allah;

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barang siapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Surah Al-Munafiqun:9

Harta benda dan anak-anak mereka tidak berguna sedikit pun (untuk menolong) mereka dari azab Allah. Mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya. Surah Al-Mujadilah: 17

Penindasan, Siksaan dan Bebanan

Dari sudut lain, penindasan, seksaan dan bebanan sering dirujuk sebagai entiti fitnah di dalam al-Quran:

Maka tidaklah ada yang beriman kepada Nabi Musa melainkan sebilangan kecil dari keturunan kaumnya itupun dengan keadaan takut kepada Firaun dan ketua-ketua kaum mereka menyiksa mereka; kerana sesungguhnya Firaun bermaharajalela di bumi dan sebenarnya ia dari orang-orang yang melampaui batas. Surah Yunus: 83

Sesungguhnya orang-orang yang mendatangkan cubaan kepada orang-orang yang mukmin laki-laki dan perempuan kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka azab Jahannam dan bagi mereka azab yang membakar. Surah Buruj: 10

Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang di antara kamu yang menarik diri keluar secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab siksa yang tidak terperi sakitnya. Surah An-Nur: 63

Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling maka ke-

tahuilah hanyasanya Allah mahu menyiksa dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. Surah Al-Maidah: 49

Di dalam baris doa untuk mengelak fitnah yang berpunca dari golongan kafir, para mukmin sekali lagi menggunakan kalimah fitnah (ujian).

Lalu mereka berkata: “Kepada Allah jualah kami berserah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. Surah Yunus: 85

Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi orang-orang kafir. Dan ampunilah kami ya Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau, Engkaulah yang maha perkasa lagi maha bijaksana. Surah Mumtahinah: 5

Dan (patutkah) mereka tidak mahu memerhatikan, bahawa mereka dicuba pada tiap-tiap tahun, sekali atau dua kali; kemudian mereka tidak juga bertaubat, dan tidak pula mereka mahu beringat dan insaf?. Surah At-Taubah: 126

DUA ASPEK KEJIWAAN MANUSIA



Jiwa (dalam bahasa Arab, An-Nafs) umumnya digunakan di dalam al-Quran bermaksud 'nafsu' atau pun 'diri seseorang'.

Di dalam al-Quran, Allah menerangkan tentang dua aspek yang berhubung dengan unsur kejiwaan; pertama membisikkan kejahatan dan kelakuan yang keji dan yang kedua, mencegah dari sebarang keinginan berbuat jahat. Seperti yang dijelaskan dalam ayat berikut:

Dan jiwa serta penyempurnaannya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya. Surah As-Shams: 7-10

Maklumat yang terkandung di dalam ayat di atas berhubung aspek jiwa adalah suatu kepentingan yang besar; Dalam proses penciptan manusia, Allah mengilhamkan perbuatan yang keji di dalam jiwa manusia. Perbuatan keji, iaitu kalimah 'fujur' dalam bahasa Arab adalah bermaksud melanggar batas-batas kebaikan'. Sebagai suatu terminologi dari sudut keagamaan, ia kini bermaksud 'melakukan dosa, menderhaka, bercakap bohong, ingkar, pencabulan, berzina, kerosakan akhlak.....dan lain-lain.

Selain dari aspek keburukan di dalam jiwa, kita dapat menyimpulkan dari ayat di atas bahawa Allah juga turut mengilhamkan jiwa naluri fitrah; iaitu kesedaran terhadap perbezaan di antara baik dan buruk. Dalam bahagian kedua ayat tersebut, kita mengetahui bahawa para mukmin yang menerima unsur kejahatan di dalam jiwa mereka dan berjihad menghapuskannya melalui panduan dan hidayah dari Allah pasti akan beroleh ganjaran kebahagiaan buat selama-lamanya. Ini adalah saat kebahagiaan yang sejati; iaitu beroleh rahmat dan keampunan serta nikmat syurga daripada Allah. Mereka yang sebaliknya gagal menyingkir kejahatan yang berakar di jiwa kelak akan menghadapi saat akhir yang tragik.

Pada titik ini kita dapat membuat suatu kesimpulan penting; Setiap jiwa umat manusia memiliki unsur kejahatannya yang tersendiri dan satu-satunya cara untuk menyucikannya ialah dengan

menerima dan menjaga batas larangan melalui panduan dari Allah.

Perbezaan di antara mukmin dan kuffar menjadi lebih jelas pada titik ini. Hanya pengajaran al-Quran sahaja yang efektif dalam memberi penghayatan dalaman mengenai unsur keburukan yang bersarang di dalam ruh serta penawar baginya. Mengiktiraf akan aspek keburukan jiwa dan berusaha mengawalannya adalah ciri-ciri agama yang benar dan merupakan asas Risalah yang disampaikan oleh para utusan.

Dalam ayat ke 87 Baqarah, bangsa Yahudi diisyaratkan sebagai berikut: **Apakah setiap datang kepadamu seorang rasul membawa sesuatu yang tidak sesuai dengan keinginanmu lalu kamu angkuh? Beberapa orang kamu dustakan dan beberapa orang kamu bunuh?**

Ayat di atas menyatakan, golongan yang kufur hanya sekadar mengakui dan tunduk kepada aspek ini sekiranya ia bertepatan dengan kepentingan mereka sekali gus menyebabkan mereka sentiasa berdegil mencabar kebenaran agama dan para utusan-Nya. Individu seumpama itu gagal untuk menyelamatkan jiwa mereka daripada rasa tamak seperti yang diterangkan di dalam Surah as-Shams.

Melalui hal ini, kita dapat melihat bahawa semua golongan kafir menunjukkan kepatuhan yang mutlak terhadap kejahatan jiwa dan hawa nafsu. Ini

bermaksud bahawa mereka adalah tandus daripada sebarang fungsi kebijaksanaan akal fikiran. Kehidupan mereka adalah kehidupan yang didirikan di atas naluri kejahatan; setiap fikiran dan tingkahlaku mereka adalah bersumberkan kepada aspek kejahatan di dalam jiwa. Dan ini juga adalah salah satu daripada punca mengapa analogi di antara para kuffar dan makhluk haiwan dijelaskan di dalam al-Quran.

Para mukmin, sebaliknya amat menyedari akan hakikat kewujudan Allah. Mereka merasa takut kepada-Nya sekali gus berwaspada terhadap setiap larangan dan suruhan. Mereka dipandu melalui anugerah Nur hidayah-Nya. Mereka tidak sekali-kali akur dan membiarkan keburukan jiwa mendominasi mereka dan juga tidak berusaha menyembunyikannya bahkan mendedahkan namun dengan mengawalinya melalui ilham kebaikan daripada Allah. Ucapan Nabi Yusuf a.s berikutnya memandu para mukmin mencapai tingkahlaku kebaikan yang mulia; **“Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku maha pengampun lagi maha mengasihani.** Surah Yusuf: 53 Dengan menyedari bahawa nafsu sering cenderung kepada amalan kejahatan, seorang mukmin akan mengambil tindakan berjaga-jaga dari sebarang tindakan keji yang sering diuja oleh jiwanya.

Daripada apa yang dilihat di atas, kita berupaya memiliki pemahaman yang jelas mengenai 'aspek keburukan' dalam jiwa. Akan tetapi, entiti jiwa ini juga cenderung terhadap seruan kebaikan. Dalam perkataan lain, iaitu hidayah Allah. Hidayah dari-Nya akan menghalang mereka daripada memenuhi setiap tuntutan hawa nafsu. Ia juga akan membawa manusia ke arah kebaikan dan di satu sudut lain, kemampuan ini yang memainkan peranan penting dalam usaha membezakan di antara perkara yang baik dan buruk umumnya dirujuk sebagai naluri fitrah.

Naluri adalah petunjuk tepat di dalam jiwa manusia yang sentiasa menyeru manusia ke arah kebenaran. Berdasarkan kefahaman ini, naluri adalah bisikan kebaikan dari Allah. Dengan membantu manusia mendengar kepada cetusan naluri dan berpegang kepada prinsip asas al-Quran, mereka dengan itu akan sentiasa dipastikan berada di landasan yang benar.

Selama mana mereka mengikut naluri kebaikan hati, mereka tetap akan menjadi model ikutan yang lain dengan mempamerkan ciri-ciri keperibadian dengan sifat dan nilai yang mulia. Allah bersifat maha pengampun lagi maha penyayang; Mereka yang tunduk patuh kepada-Nya juga pasti akan bersifat penyayang dan pemaaf terhadap orang lain. Allah adalah maha bijaksana dan sekali gus sifat ini juga akan terpamer di dalam diri individu yang sentiasa

mencari keredaan-Nya. Semakin dekat dan hampir dirinya kepada Allah, maka semakin bersih dan sucilah jiwanya di sisi Allah.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Surah Al-Bayyinah: 7

Pada dasarnya, naluri sanubari manusia berfungsi selaras dengan perintah Allah. Akan tetapi, kriteria mengenai naluri fitrah yang diberikan di dalam al-Quran adalah jauh berbeza berbanding dengan yang dijadikan petunjuk sosial di dalam masyarakat. Tindakan memberi makan seekor anjing atau pun memberi sedekah kepada pengemis adalah contoh biasa yang mempamerkan sifat individu di dalam sesebuah masyarakat yang kononnya berjiwa kemanusiaan. Sebaliknya, ciri-ciri mukmin yang berhati mulia adalah menuntut kepada sifat hati yang patuh sepenuhnya terhadap perintah dan larangan yang termaktub di dalam al-Quran. Bahkan, mereka memahami dan melaksanakan dengan sempurna sebahagian besar isu yang dibincangkan di dalamnya berdasarkan istilah yang lebih umum di dalam al-Quran melalui panduan naluri seseorang.

Sebagai contoh, Allah memerintah manusia untuk membelanjakan sebahagian pendapatan yang melebihi dari keperluan di jalan-Nya. Mereka menentukan batas keperluan dengan berpandukan

keperluan rohani. Mereka yang tidak memiliki sebarang kekuatan naluri sudah pasti akan gagal untuk menilai dengan seadilnya terhadap segala keperluan peribadi dan sekali gus gagal mematuhi perintah Allah dengan sesempurna yang mungkin.

Dalam lembaran hidup seharian, setiap individu akan berhadapan dengan situasi yang menuntutnya untuk membuat keputusan. Akan tetapi di sana hanya ada sebuah keputusan yang selaras dengan kehendak Allah. Para mukmin adalah bertanggungjawab untuk membuat keputusan yang tepat; iaitu pilihan yang dilandaskan melalui bisikan naluri kebaikan. Ini pada asasnya adalah apa yang sebenarnya terlintas di benak seseorang di saat terdesak membuat keputusan, iaitu suara kecil bisikan yang memandu ke jalan yang benar. Kemudian, barulah di sana iaitu di peringkat ke dua, aspek keburukan jiwa hadir untuk mengubah fikiran seseorang itu ke arah jalan yang sesat. Pada titik ini, jiwa tadi akan membisikkan alasan untuk mewajarkan sebarang tindakan yang tidak baik. Al-Quran memberikan contoh yang banyak mengenai alasan ini di dalam kebanyakan ayat.

Para mukmin harus bertindak menguasai bisikan entiti jiwa yang keji ini dengan menunjukkan layanan acuh tak acuh atau pun menutup sebarang kemungkinan kepadanya untuk tembus ke dalam hati dengan cara berpaling ke arah yang telah dicetuskan

oleh naluri kebaikan di hati. Contoh yang dibentangkan di dalam al-Quran mengenai hakikat naluri seharusnya memandu manusia untuk memikirkan isu ini. Dalam ayat berikutnya, para mukmin yang menyesali akibat menuruti bisikan kejahatan tanpa sebarang usaha untuk berjihad menentanginya dijelaskan sebagai berikut:

Dan (di antara orang munafik) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan dan keingkaran serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman dan juga untuk intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum itu. Dan mereka akan bersumpah dengan berkata: "Tidaklah yang kami kehendaki melainkan untuk kebaikan semata-mata". Orang-orang yang lemah dan orang yang sakit dan juga orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan tidaklah menanggung dosa apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah maha pengampun lagi maha mengasihani. Dan tidak juga berdosa orang yang ketika mereka datang kepadamu

supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: "Tidak ada padaku kenderaan yang hendak ku berikan untuk membawa kamu", mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan air mata yang bercucuran kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatu pun yang hendak mereka belanjakan (berjihad di jalan Allah). Surah At-Taubah: 91-92

Berjihad menentang musuh adalah jelas melibatkan risiko bahaya. Individu yang menyertai sesuatu pertempuran tertentu pasti berisiko terhadap nyawa dan kesihatannya. Meskipun hal ini, di zaman Nabi kita, para mukmin telah menunjukkan keinginan yang besar untuk menyertai jihad fisabilillah bahkan berasa amat sedih kerana tidak berpeluang menyertainya. Sebenarnya ini adalah contoh naluri kebaikan yang sangat menarik sebagai mana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran.

Aspek jiwa yang jahat tidak berkuasa untuk memandu seorang mukmin yang sejati terjerumus ke lembah kemusnahan. Namun begitu, ia berusaha menggalak mereka untuk mengabaikan tanggungjawab di dalam jihad fisabilillah. Dengan menawarkan pelbagai alasan, jiwa ini berusaha untuk menggoyahkan komitmen yang ditunjukkan terhadap batas yang telah ditetapkan oleh-Nya. Pengaruhnya

menjadi lebih mendalam di saat keinginan jiwa ini sentiasa dipenuhi tanpa mempertikaikan sebarang akibat buruk. Kesan yang terhasil melalui pendekatan seumpama ini berisiko menghancurkan leburkan aqidah dan istiqamah keimanannya. Mereka berisiko tergelincir ke lembah kekufuran. Apa pun situasinya, manusia tetap diwajibkan untuk mematuhi perintah dan suruhan serta berusaha mengawal keinginan dan bisikan jahat di jiwa mereka. Allah mengisyaratkan para hamba-Nya.

Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu dan dengarlah serta taatlah; dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Surah at-Taghabun: 16

Di dalam ayat ini, Allah memerintah para mukmin untuk bertakwa dan tunduk patuh kepada-Nya dan juga hari pengadilan. Mereka juga dituntut untuk berbelanja di jalan Allah kerana perbuatan ini akan menyelamatkan mereka dari 'dihanyutkan oleh hawa nafsu sendiri' dan sekaligus beroleh anugerah yang hakiki. Sepotong ayat lain menegaskan;

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurgalah

tempat tinggalnya. An-Naziat: 40-41

Jiwa yang dibersihkan dari keinginan hawa nafsu dan berusaha mencari keredaan Allah dan syurga-Nya ini dirujuk sebagai 'jiwa yang tenang dan sentiasa reda di dalam al-Quran:

Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jema'ah hamba-hamba-Ku. Dan masuklah ke dalam syurga-Ku. Surah Al-Fajr: 27-30

Mereka yang sebaliknya gagal menyucikan aspek kejahatan hati pasti akan beroleh neraka dengan perasaan seribu satu penyesalan terhadap apa yang telah mereka kerjakan. Penyesalan yang dirasakan oleh berbilion umat manusia yang pernah hidup di atas muka bumi adalah situasi yang sangat menyedihkan dan amat mengharukan. Dan inilah hakikat yang menanti mereka. Ini adalah hari yang benar; dan Allah menyeru untuk menyaksikan 'jiwa yang amat menyesal' sejurus selepas hari kebangkitan:

Aku bersumpah dengan hari kiamat. Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri). Surah Qiyamah: 1-2

MEREKA YANG MENJADIKAN KEGHAIRAHAN DAN KEINGINAN DUNIAWI SEBAGAI TUHAN



Pada bahagian sebelum ini, kita telah melihat dua aspek jiwa; pertama, jiwa yang merangsang kejahatan dan keburukan dan yang satu lagi mencegah setiap usaha untuk menyemai kejahatan di dalam jiwa. Di dalam al-Quran, perkataan 'hawa' digunakan bermaksud jiwa yang jahat. Hawa ditakrifkan sebagai 'keinginan, keghairahan, hawa nafsu, dan semua bentuk faktor negatif dalaman diri yang merosakkan manusia.'

Panduan bagi para kafirin adalah aspek kejiwaan negatif yang dinamakan hawa nafsu. Memuaskan hawa nafsu dan keghairahan adalah cara hidup mereka. Akibatnya, semua kemampuan mental dan usaha difokuskan kepada tindakan memuaskan bisikan hawa nafsu. Dalam keadaan minda seperti

itu, adalah amat mustahil bagi para kuffar untuk memahami ajaran agama sebenar. Al-Quran menyentuh isu ini:

Dan di antara mereka ada orang yang mendengarkan perkataanmu sehingga apabila mereka keluar dari sisimu mereka berkata kepada orang yang telah diberi ilmu pengetahuan: "Apakah yang dikatakannya tadi?" Mereka itulah orang-orang yang dikunci mati hati mereka oleh Allah dan mengikut hawa nafsu mereka. Surah Muhammad: 16

Mereka yang menyerah diri kepada bisikan jahat di jiwa akan berpaling tunduk kepadanya di saat memutuskan sebarang tindakan. Dalam maksud ini, bisikan dan keghairahan akan menjadi asas untuk memutuskan di antara yang betul dan salah. Ini juga adalah manifestasi yang jelas bahawa seseorang itu mengabdikan diri kepada jiwa yang jahat atau pun dalam kata lain, hawa nafsu. Di dalam al-Quran, situasi ini dinamakan 'menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan' dalam ayat berikut:

Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmu-Nya dan Allah telah mengunci mati pendengaran

dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya? Maka siapakah yang akan memberinya petunjuk sesudah Allah (membiarkannya sesat). Maka mengapa kamu tidak mengambil pengajaran? Surah Al-Jatsiyah: 23

Di dalam al-Quran juga, mereka yang dipandu oleh keghairahan dan keinginan hawa nafsu dan sekali gus tidak memiliki jiwa yang mampu berfikir dengan baik diterangkan sebagai 'golongan yang pekak dan buta'. Para mukmin, sebaliknya telah dikurniakan dengan kemuliaan hati yang menjadi alat untuk membezakan di antara yang baik dan jahat, dan juga dengan kejernihan hati yang membantu mereka untuk memahami dengan lebih baik setiap peristiwa yang terjadi di sekeliling. Di dalam ayat berikut, situasi manusia dan masyarakat yang tandus dari sebarang pegangan akibat hawa nafsu mereka diterangkan sebagai berikut:

Katakanlah: "Wahai ahli kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia dan juga mereka telah tersesat dari jalan yang betul. Surah Al-Maa'idah: 77

Katakanlah: “Sesungguhnya aku dilarang menyembah tuhan-tuhan yang kamu sembah selain Allah”. Katakanlah: “Aku tidak akan mengikuti hawa nafsumu, sungguh tersesatlah aku jika berbuat demikian dan tidaklah (pula) aku termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk”. Surah Al-An’aam: 56

Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang halal) yang disebut nama Allah ketika membelinya padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas. Surah Al-An’aam: 119

Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datang kepadamu wahi pengetahuan, maka tiadalah engkau peroleh dari Allah sesuatu pun yang dapat mengawal dan memberi per-

lindungan kepadamu. Ar-Ra'd: 37

Nampakkah keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya; tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat? Surah Al-Furqan: 43

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri sendiri atau ibu-bapa dan kaum kerabat kamu.. Jika ia kaya atau pun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar-balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan. Surah An-Nisaa': 135

Orang-orang yang zalim itu bahkan menurut hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah, dan tiada pula bagi mereka sesiapa yang dapat menolong

melepask'an mereka dari azab. Surah Ar-Rum: 29

"Maka janganlah engkau dihalangi daripada mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadanya serta ia menurut hawa nafsunya; kerana dengan itu engkau akan binasa. Surah Ta-Ha: 16

Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya. Bahkan Kami memberikan kepada mereka al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya. Surah Al-Mukminun: 71

Dan Kami turunkan kepadamu kitab dengan membawa kebenaran untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalanlan hukum di antara mereka itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang

ada di antara kamu, Kami jadikan suatu syariat dan jalan agama. Dan kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat tetapi Dia hendak menguji kamu apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya. Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling maka ketahuilah hanyasanya Allah mahu menyiksa dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. Surah Al-Maa'idah: 48-49

Menurut hawa nafsu dan keghairahan hati akan membuatkan seseorang buta terhadap kesalahan yang jelas dilakukan. Orang seumpama ini pasti akan berterusan ditimpa bencana.

RUH, JIWA DAN NALURI FITRAH



Wahai jiwa yang tenang.
Kembalilah kepada Tuhanmu
dengan hati yang puas lagi
diredai-Nya. Surah Al-Fajr: 27-28

Kita telah pun memahami tentang dua aspek kejiwaan; membangkitkan keinginan jahat dan perbuatan keji dan yang mengawal dari sebarang keinginan berbuat jahat. Yang kedua ini bertanggungjawab memandu manusia menuju ke arah kebaikan seperti yang telah dijelaskan di dalam al-Quran. Allah meniupkan ke dalam diri manusia akan ruh-Nya; ia adalah ruh iaitu naluri kebaikan.

Dalam surah Sajadah, Allah memaklumkan kita mengenai hal ini:

Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan yang memulai penciptaan manusia dari tanah.

Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina. Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; tetapi kamu sedikit sekali bersyukur. Surah As-Sajdah: 7-9

Selama mana setiap individu menuruti bisikan kebaikan naluri ini, mereka pasti akan memamerkan bayangan sifat Allah di dalam keperibadian mereka. Naluri kemanusiaan adalah selaras dengan setiap perintah Allah. Dua baris ayat di dalam surah Ar-Rum adalah sangat jelas:

Orang-orang yang zalim itu bahkan menurut hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah, dan tiada pula bagi mereka sesiapa yang dapat menolong melepaskan mereka dari azab.

Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh dari kesesatan; Agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan

pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Surah Ar-Ruum: 29-30

Berdasarkan kepada ayat di atas, para kuffar akan menuju kebinasaan akibat menurut hawa nafsu. Sebaliknya, para mukmin pula akan mengikuti agama Allah yang disampaikan kepada manusia melalui wahyu. Agama ini menawarkan cara hidup yang sangat sesuai dan cocok dengan naluri manusia dan sifat-sifat mereka iaitu, ruh yang diitupkan ke dalam diri sewaktu proses penciptaan.

IHSAN, HIKMAH DAN BIJAKSANA



Kita telah mengetahui tentang dua aspek yang berhubung dengan hakikat kejiwaan manusia. Bijaksana atau pun berhikmah dengan tidak berhikmah adalah saling berkaitan terhadap dua aspek berkenaan. Al-Quran mengingatkan kita bahawa akibat daripada menuruti bisikan dan keinginan hawa nafsu pada asasnya bukanlah sifat berhikmah. Sebaliknya hikmah adalah tunduk kepada aspek kejiwaan yang mulia.

Mereka yang menjadi hamba kepada keghairahan dan nafsu yang berakhir dengan lalai dari mengingati Allah, suatu saat kelak akan mengalami kehancuran fungsi hikmah mereka. Al-Quran merujuk golongan ini sebagai '**manusia yang tidak berhikmah**' (Al-Hasyr: 14). Seimbang pandang, hal ini seolah-olah tidak dapat difahami. Sebahagian besar manusia menganggap mereka seolah-olah berkeperibadian hikmah, pendirian yang tetap dan tidak

berubah-ubah. Di sana, bagaimanapun, sebahagian besar kekeliruan adalah berpunca daripada memahami konsep bijaksana dan kecerdikan yang jauh berbeza. Bertentangan dengan keyakinan umum, kecerdikan dan hikmah adalah dua konsep yang sangat berbeza. Setiap orang berpotensi menjadi cerdik namun bijaksana hanya unik kepada golongan mukminin yang sejati.

Dengan menyedari bahawa dengan menuruti bisikan jahat di dalam hati akan menyebabkan manusia terhalang dari sebarang fungsi bijaksana, maka apakah jalan untuk memiliki hikmah tersebut? Jawapannya jelas, manusia memperoleh kebijaksanaan atau pun sifat hikmah ketika menurut tuntunan naluri kemuliaan hati yang membisiknya untuk mengelak dari sebarang kejahatan dorongan hawa nafsu.

Bijaksana, seperti yang dirujuk di dalam al-Quran adalah hakikat unsur kejiwaan yang dialami dalam diri seseorang. Dalam lebih dari sepotong ayat, di sana terdapat rujukan yang jelas kepada ekspresi 'hati-hati yang bijaksana'.

Berdasarkannya, kita dapat memutuskan secara jelas bahawa sifat bijaksana yang sebenar adalah berbeza jika dibandingkan dengan kecerdikan atau pun kecerdasan akal, iaitu sekadar sejenis fungsi otak. Bijaksana sebenarnya adalah terletak di hati, di dalam diri manusia. Al-Quran mengisyaratkan

bahawa kebijaksanaan berada di dalam hati, dan mereka yang tidak memiliki sifat ini pasti gagal memiliki kekuatan penghayatan dan menginsafi disebabkan hati yang telah ditutup:

Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada. Surah Al-Hajj: 46

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahanam banyak jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai. Surah Al-A'raaf:179

Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan dan hati mereka dimeteraikan di atasnya sehingga mereka tidak dapat memahami

sesuatu Surah at-Taubah: 87

Dan Kami jadikan tutupan yang berlapis-lapis atas hati mereka, juga sebagai penyumbat pada telinga mereka, yang menghalang mereka dari memahami dan mendengar kebenaran al-Quran; dan sebab itulah apabila engkau menyebut nama Tuhanmu sahaja di dalam al-Quran, mereka berpaling undur melarikan diri. Surah Al-Israa': 46

Di dalam al-Quran dinyatakan bahawa hanya mereka yang 'memiliki hati' sahaja yang akan mengambil peduli dan memiliki keimanan:

Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau yang menggunakan pendengarannya, sedang dia menyaksikannya. Surah Qaf: 37

Dengan itu, bijaksana yang dirujuk di dalam al-Quran adalah berkait secara langsung kepada hati dan jiwa.

Seperkara yang harus disebut di sini; bijaksana atau pun hikmah adalah sesuatu yang berubah-ubah. Sebaliknya kualiti cerdik atau cerdas, iaitu sebuah fungsi otak, adalah stabil kecuali dalam kes tertentu yang melibatkan kecederaan atau penyakit mental.

Setiap orang memiliki tahap 'I.Q' yang stabil. Bijaksana sebaliknya dapat bertambah atau berkurang, iaitu sebuah ciri-ciri yang berkait rapat dengan keimanan dan ketaqwaan jiwa. Melalui cara ini, mereka dilengkapi dengan kriteria untuk menilai antara yang baik dan buruk. Ciri-ciri ini yang seluruhnya adalah bersifat metafizik, telah pun dinyatakan kepada umat manusia di dalam ayat berikut:

Wahai orang-orang yang beriman! jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa) kamu. Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang besar. Surah Al-Anfal: 29

Mereka yang tidak bertakwa terhalang sepenuhnya terhadap kriteria untuk menilai antara yang baik dan buruk. Seseorang mungkin amat cerdik, contohnya seorang ahli fizik atau ahli sosiologi yang terkemuka ataupun seorang yang 'unggul' di dalam masyarakat melalui kecemerlangan yang dicapai. Akan tetapi, sekiranya mereka tidak memiliki jiwa yang celik, sudah pasti mereka tidak memiliki nurani yang tulus sekali gus, kebijaksanaan yang sebenar. Mereka menjadi seorang saintis terkemuka dan berjaya menyingkap pelbagai misteri tubuh

badan manusia, namun tanpa jiwa dan ketulusan untuk memahami hakikat Pencipta seluruh mekanisme tubuh badan, mereka gagal mengalami atau menghayati saat yang tak terbayang melalui kata-kata ketika berasa takjub dan terpesona terhadap hakikat kehebatan penciptaan apatah lagi untuk mengagungkan si Penciptanya, bahkan mereka berpaling kepada diri sendiri dan memuji-diri atas kejayaan penemuan tersebut. Mereka sudah pasti termasuk golongan yang 'menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan dan Allah sudah pasti akan menyekatkan mereka'.

Akan tetapi sebagai mana yang telah dinyatakan di dalam surah Ar-Ra'd, golongan mukmin adalah 'mereka yang beriman dan berasa tenang dengan mengingat Allah.... **Sesungguhnya dengan mengingat Allah hati akan tenang**'. Surah Ra'd: 28

Allah meteraikan atas hati mereka serta pendengaran mereka dan pada penglihatan mereka ada penutupnya dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar: al-Baqarah: 7

Dan juga dengan tujuan Dia hendak melahirkan dengan nyata akan orang-orang yang munafik yang dikatakan kepada mereka: "Marilah berperang pada jalan Allah atau pertahankanlah". Mereka menjawab: "Kalaulah kami

faham ada peperangan tentulah kami mengikut kamu". Mereka ketika itu lebih dekat kepada kufur dari dekatnya kepada iman. Mereka selalu menyebut dengan mulutnya apa yang tidak ada dalam hatinya. Dan Allah maha mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan. Surah A-li-'Imran: 167

Individu yang cerdik atau pintar juga berisiko kehilangan fungsi naluri kebaikan dan kemampuan membezakan di antara buruk dan jahat. Mereka mungkin adalah seorang pereka cipta yang terhebat atau seorang usahawan cemerlang atau juga tokoh yang cemerlang dalam kerjaya politik. Sewaktu melaksanakan semua tindakan mereka, malangnya, mereka adalah sangat jauh dari menyedari batas yang memisahkan baik dan buruk. Walaupun mereka diingatkan berkali-kali namun mereka tetap buta dan pekak terhadap kandungan ajaran al-Quran. Ini adalah manifestasi mereka yang tidak berakal.

'Hati mereka telah tertutup dan mereka tidak akan memahami' adalah kenyataan penting di dalam al-Quran yang menunjukkan kepentingan hati bagi mereka yang berakal.

Di dalam al-Quran, terdapat ruang yang besar diperuntukkan untuk menganalisis hubungan di antara peranan aspek hati terhadap tingkah laku

manusia. Hubungan ini timbul dalam bentuk yang berbeza-beza.

Allah hadir di antara manusia dan hatinya

Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila ia menyeru kamu kepada perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat antara seseorang itu dengan hatinya, dan sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan. Surah Al-Anfal: 24

Kasih sayang di antara hati-hati

Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka. Kalaulah engkau belanjakan segala yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara mereka. Sesungguhnya Dia maha kuasa lagi maha bijaksana. Surah Al-Anfal: 63

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan lalu Allah menyatukan di antara hati kamu maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu. Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya. Surah A-li-'Imran: 103

Menembusi hati sanubari

Dan (ingatlah) ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa kami angkatkan bukit Tursina itu ke atas kamu: "Ambillah yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh dan dengarlah. Mereka menjawab: "Kami dengar dan kami menderhaka". Sedang kegemaran menyembah anak lembu itu telah mesra dan sehati dalam hati mereka dengan sebab kekufuran mereka... :93

Hati yang beramal baik

Demikianlah; dan sesiapa yang menghormati syiar agama Allah, maka kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin. Surah Al-Hajj:32

Hati yang dijinakkan

Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan 'amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk jalan Allah, dan orang-orang Musafir. Sebagai suatu ketetapan dari Allah. Dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana. Surah At-Taubah: 60

Hati yang tenang-tenteram

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahulah! Dengan zikrullah

itu tenang tenteramlah hati manusia.
Surah Al-Ra'd: 28

Mereka berkata: "kami hanya ingin hendak makan dari hidangan itu dan supaya tenang tenteram hati kami dan juga supaya kami ketahui dengan yakin bahawa sesungguhnya engkau telah berkata benar kepada kami dan supaya menjadilah orang-orang yang menyaksikannya sendiri. Surah Al-Maa'idah: 113

Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhi; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus. Surah Al-Hajj: 54

Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu dan supaya hati kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah yang maha kuasa lagi maha bijaksana. Surah Ali-'Imran: 126

Hati yang kuat

Dan tiap-tiap berita dari berita rasul-rasul itu, Kami beritakan kepada untuk *menguatkan hatimu dengannya*. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman. Surah Hud: 120

Hati yang tidak bersemangat

Dan janganlah engkau menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang yang zalim; sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka, (dalam pada itu) mereka terburu-buru sambil mendongakkan kepala mereka dengan mata tidak berkelip dan hati mereka tidak bersemangat. Surah Ibrahim: 42-43

Melontarkan ketakutan di hati para kuffar

Akan Kami masukkan ke dalam hati orang-orang kafir rasa takut disebabkan mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah sendiri tidak menu-

runkan keterangan tentang itu. Tempat kembali mereka ialah neraka dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal orang-orang yang zalim. Surah Ali-Imran: 151

Hati yang diisi dengan kekejian dan liar ketakutan

Dan apabila disebut nama Allah semata-mata, geli-gelemanlah serta liar hati mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat; dan apabila disebut nama-nama yang mereka sembah dan puja yang lain dari Allah, mereka dengan serta merta riang dan gembira. Surah Az-Zumar: 45

Hati yang cenderung

Dan juga supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat cenderung kepada bisikan itu dan supaya disetujui oleh mereka dan juga supaya *mereka melakukan apa yang mereka lakukan itu*. Surah Al-An'aam: 113

Hati yang menyesal

Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah kufur dan berkata

kepada saudara-saudaranya apabila mereka pergi mengembara di muka bumi untuk berniaga atau keluar berperang (lalu mati atau terbunuh): “Kalau mereka tinggal bersama-sama kita tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh”. Bahkan akibatnya Allah menjadikan yang demikian itu penyesalan dalam hati mereka. Dan Allah yang menghidupkan dan yang mematikan dan Allah sentiasa melihat akan segala yang kamu lakukan. Surah A-li-‘Imran: 156

Mengatakan sesuatu yang bukan di hati

Dan juga dengan tujuan Dia hendak melahirkan dengan nyata akan orang-orang yang munafik yang dikatakan kepada mereka: “Marilah berperang pada jalan Allah atau pertahankanlah”. Mereka menjawab: “Kalaulah kami faham ada peperangan tentulah kami mengikut kamu”. Mereka ketika itu lebih dekat kepada kufur dari dekatnya kepada iman. Mereka selalu menyebut dengan mulutnya apa yang tidak ada di dalam hatinya. Dan Allah maha mengetahui akan apa yang mereka sembu-

nyikan. Surah Ali-'Imran:167

Merahsiakan isi hati

Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang berada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka dan nasihatilah mereka serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka. Surah An-Nisaa':63

Hati yang hancur

Bangunan-bangunan yang mereka dirikan itu senantiasa menjadi pangkal keraguan dalam hati mereka, kecuali bila hati mereka itu telah hancur. Dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana. Surah at-Taubah: 110

Hati yang memesong

“Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu, sesungguhnya

Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya. Surah Ali-'Imran: 8

Sesungguhnya Allah telah menerima taubat Nabi dan orang-orang Muhajirin dan Ansar yang mengikutnya dalam masa kesukaran sesudah hampir-hampir terpesong hati segolongan dari mereka kemudian Allah menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah amat belas lagi maha mengasihani terhadap mereka. Surah At-Taubah: 117

Hati yang serupa

Dan (orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan berkata: "Alangkah eloknya kalau Allah berkata-kata dengan kamu atau datang kepada kamu sesuatu keterangan?". Demikian pula orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka; hati mereka adalah bersamaan (degil dan kufur). Sesungguhnya Kami telah pun menerangkan ayat-ayat keterangan kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin. Surah Al-Baqarah: 118

Hati yang menolak

Bagaimana boleh (ada perjanjian dari sisi Allah dan Rasul-Nya dengan orang-orang musyrikin) padahal jika mereka memperoleh kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan terhadap kamu dan tidak (pula mengendahkan) perjanjian. Mereka menjadikan kamu bersenang hati hanya dengan mulut mereka sedang hati mereka menolaknya, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik. Surah at-Taubah: 8

Hati yang belum disinari keimanan

Orang-orang arab Badwi itu berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah: "Kamu belum beriman tetapi katakanlah "kami telah tunduk", kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu, dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Dia tidak akan mengurangi sedikit pun amalanmu; sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang. Surah Hujurat: 14

Hati yang berpenyakit

Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya; dan bagi mereka seksa yang pedih disebabkan mereka berdusta. Surah al-Baqarah: 10

Dalam pada itu engkau lihat orang-orang (munafik) yang ada penyakit dalam hatinya segera berusaha mendampingkan diri kepada mereka sambil berkata: "Kami takut bahawa kami akan ditimpa bencana". Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan atau mendatangkan sesuatu hukuman dari sisi-Nya maka sebab itu mereka akan menyesal mengenai apa yang telah mereka sembunyikan dalam hatinya. Surah Al-Maa'idah: 52

(yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada penyakit kufur ingkar dalam hati mereka, dan yang hatinya keras membatu; dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran. Surah al-Hajj: 53

Hati yang keras

Kemudian sesudah itu hati kamu juga menjadi keras seperti batu bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya, dan ada pula yang di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya, dan ada juga yang di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah, sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan. Surah Al-Baqarah: 74

Maka alangkah eloknya kalau mereka berdoa kepada kami dengan merendah diri ketika mereka ditimpa azab kami? Tetapi yang sebenarnya hati mereka keras dan syaitan pula memperelokkan pada mereka apa yang mereka telah lakukan. Surah Al-An'aam: 43

Jika demikian, adakah orang yang telah dilampirkan Allah dadanya untuk menerima Islam dari Tuhannya (sama seperti yang tertutup hatinya)? Maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang keras membatu hatinya daripada menerima peringatan yang diberi oleh Allah.

Mereka yang demikian keadaannya, adalah dalam kesesatan yang nyata.
Surah Az-Zumar: 22

Hati yang dimeterai dengan tutupan dan terkunci

Maka disebabkan mereka melanggar perjanjian itu dan kerana kekafiran mereka terhadap keterangan-keterangan Allah dan mereka membunuh nabinabi tanpa (alasan) yang benar dan mereka juga mengatakan: "Hati kami tertutup". Bahkan Allah telah memeteraikan hati mereka disebabkan kekufuran mereka. Oleh itu mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja. Surah An-Nisaa': 155

Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran atautkah hati mereka berkunci? Surah Muhammad: 24

Adakah tidak jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu sesudah penduduknya (lenyap ditimpa bencana), bahawa kalau kami kehendaki tentulah Kami akan menimpakan mereka pula dengan azab disebabkan dosa-dosa mereka, dan kami meteraikan di atas

hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar (nasihat pengajaran)?.
Surah Al-A'raaf: 100

Allah meteraikan atas hati mereka serta pendengaran mereka dan pada penglihatan mereka ada penutupnya dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar. al-Baqarah: 7

(Iaitu) orang-orang yang memperdebatkan ayat-ayat Allah tanpa alasan yang sampai kepada mereka. Amat besar kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demkianlah Allah mengunci mati hati orang yang sombong dan sewenang-wenang. Surah al-Ghafir: 35

Hai Rasul! Janganlah hendaknya kamu disedihkan oleh orang-orang yang bersegera (memperlihatkan) kekafirannya, iaitu di antara orang-orang yang mengatakan dengan mulut mereka: "Kami telah beriman", sedangkan hati mereka belum beriman; dan di antara orang-orang Yahudi. (Orang-orang Yahudi) itu amat suka mendengar (berita) bohong dan amat suka mendengar perkataan-perkataan orang lain yang belum per-

nah datang kepadamu; mereka merubah perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya. Mereka mengatakan: "Jika diberikan ini kepada kamu maka terimalah, dan jika kamu diberi yang bukan ini, maka berhati-hatilah". Dan sesiapa yang dikehendaki Allah kesesatannya maka engkau tidak berkuasa (menolak) sama sekali sesuatu apa pun dari Allah untuknya. Mereka ialah orang-orang yang Allah tidak mahu membersihkan hati mereka; bagi mereka kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksaan yang besar. Surah Al-Maa'idah: 41

Kemudian Kami utuskan sesudah Nabi Nuh, beberapa orang rasul kepada kamu masing-masing lalu rasul itu datang kepada kaum mereka dengan membawa keterangan yang nyata; dalam pada itu kaum mereka tetap juga tidak mahu beriman kepada apa yang mereka telah mendustakannya sebelum itu. Demikianlah Kami meteraikan atas hati orang-orang yang melampaui batas. Surah Yunus: 74

Negeri-negeri itu, Kami ceritakan sebahagian dari khabar beritanya ke-

padamu dan sesungguhnya telah datang kepada mereka Rasul-rasul mereka dengan keterangan yang nyata, sesudah itu mereka tidak juga beirman kepada apa yang mereka telah mendustakannya dahulu. Demikianlah Allah meteraikan di atas hati orang-orang yang kafir. Surah Al-A'raaf: 101

Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang meminta izin kepadamu padahal mereka itu orang-orang kaya. Mereka rela berada bersama-sama orang-orang yang tidak ikut berperang dan Allah telah mengunci mati hati mereka, maka mereka tidak mengetahui. Surah at-Taubah: 93

Katakanlah; "Bagaimana fikiran kamu jika Allah melenyapkan pendengaran serta penglihatan kamu dan Dia pula memeteraikan atas hati kamu? Siapakah Tuhan selain Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu?" Lihatlah bagaimana Kami berulang-ulang menerangkan tanda-tanda kebesaran kami dalam pada itu mereka tetap juga berpaling - ingkar. Surah Al-An'aam: 46

Semua ayat yang dibariskan di atas menedahkan suatu hakikat penting; Keimanan adalah sebuah konsep yang berkait dengan kualiti kepekaan dan sensitiviti hati. Seorang yang terlalu lemah atau pun yang telah dikunci mati hatinya tidak memiliki kecenderungan untuk memahami dan mematuhi perintah Allah. Bagi para mukmin, di saat isi kandungan al-Quran disampaikan kepada mereka, kejernihan hati menjadikannya mudah untuk melihat kebenaran dan beriman kepadanya. Akan tetapi, bagi para kafir adalah sebaliknya. Hati mereka telah mati dan 'ditutup'. Dan lagi, mereka juga tidak memiliki kualiti hikmah akibat hati yang kosong dari sebarang kualiti yang peka dan sensitif. Dalam situasi ini, di sana juga tidak terdapat sebarang kemungkinan untuk mendorong mereka beriman. Dalam ayat yang lain, mereka yang cenderung ke arah iman telah diingatkan agar berpegang kukuh sejurus mendengar hakikat kebenaran. Mereka yang kufur sebaliknya tidak pernah mempamerkan kecenderungan untuk beriman:

Sesungguhnya telah pasti berlaku perkataan terhadap (ketentuan Allah) terhadap kebanyakan mereka, kerana mereka tidak beriman. Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu di leher mereka, lalu tangan mereka (diangkat) ke dagu, maka kerana itu mereka ter-tengah. Dan Kami adakan di hadapan

mereka dinding dan di belakang mereka dinding, dan Kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat. Sama saja bagi mereka apakah kamu memberi peringatan kepada mereka ataukah kamu tidak memberi peringatan kepada mereka, mereka tidak akan beriman. Sesungguhnya kamu hanya memberi peringatan kepada orang-orang yang mahu mengikuti peringatan dan yang takut kepada Tuhan yang maha pemurah walaupun dia tidak melihat-Nya. Maka berilah mereka khabar gembira dengan ampunan dan pahala yang mulia. Surah Yasin: 7-11

Sesungguhnya orang-orang kafir sama saja bagi mereka kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak akan beriman. Allah telah mengunci-mati hati dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka seksa yang amat berat. Surah al-Baqarah: 6-7

Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mata (hatinya) itu menerima ajaranmu, dan tidak dapat menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar seruanmu, apabila

mereka berundur ke belakang.

Dan engkau tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang buta supaya menjauhi kesesatan mereka; engkau tidak dapat memperdengarkan melainkan kepada orang-orang yang sanggup beriman akan ayat-ayat keterangan Kami, kerana mereka orang-orang yang berserah diri dengan ikhlas. Surah An-Naml: 80-81

Selain dari para musyrik yang memiliki hati yang keras dan tanpa nilai hikmah, di sana juga terdapat golongan yang hatinya sangat sensitif tetapi amat jahil terhadap ajaran agama. Di saat risalah sampai kepada golongan ini, mereka dengan segera mengesan kebenaran lantas beriman kepadanya. Kedua golongan ini adalah berbeza dari sudut sikap yang sombong dan merendah hati. (Di dalam lembaran berikutnya, merendah diri dan sombong akan dilihat secara terperinci) Bangsa Yahudi dan sifat sombong mereka telah menjadi contoh yang nyata di dalam al-Quran. Sebaliknya penganut Kristian adalah berlemah lembut. Hal ini dijelaskan sebagai berikut:

Demi sesungguhnya engkau akan dapati manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-

orang musyrik. Dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "bahawa kami ini ialah orang-orang Nasrani". Yang demikian itu disebabkan ada di antara mereka pendita-pendita dan ahli ibadat dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong. Dan apabila mereka mendengar al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah engkau melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui dari kebenaran sambil berkata: "Wahai Tuhan kami, kami beriman oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi. Surah al-Maidah: 82-83

Ketika al-Quran disampaikan kepada manusia yang lengkap dengan naluri kecenderungan terhadap agama, mereka hanya berkata "**Dan kami telah beriman**" (Ali-Imran: 193). Mereka yang kuffar sebaliknya menentang para mukmin bahkan menunjukkan sifat permusuhan dan kebencian terhadap mereka.

GOLONGAN YANG BERAKAL DAN PERKARA YANG MENGABURI KEBIJAKSANAAN



Maka adakah orang yang mengetahui bahwa al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu perkara yang benar, sama dengan orang yang buta mata hatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.
Ar-Ra'd: 19

Apakah maksud frasa golongan yang berakal? Sebenarnya, jawabannya telah dibincangkan di dalam Quran. Hawa nafsu dan keghairahan yang sia-sia adalah faktor terbesar yang menghalang hati seseorang dari memanfaatkan fungsi akal fikiran. Sifat iri hati adalah sebuah contoh. Mereka yang diisi dengan perasaan iri hati sukar sekali untuk memutuskan tindakan yang bijak. Di bawah pengaruh hasad dengki, mereka terhimpit di dalam

kebingungan. Mereka gagal membebaskan diri dari terus memikirkan individu yang didengkingnya bahkan menyebabkan mereka merasa marah dan menyimpan dendam terhadapnya. Dalam keadaan ini, kemurnian akalnya telah dimusnahkan oleh perasaan hasad sekali gus terhalang dari memikirkan secara jelas atau membuat keputusan yang waras.

Setiap impian dan keghairahan individu juga adalah faktor yang menghalang sifat berhikmah. Godaan kemewahan dan kedudukan duniawi amat kuat mempengaruhi manusia. Keinginan yang tidak terkawal terhadap kedudukan dan kemewahan duniawi menjadikan diri sebagai hamba abadinya tanpa disedari. Seluruh kemampuan mental difokuskan untuk memiliki status kedudukan dan wang yang menggunung tinggi.

Rasa takut terhadap masa hadapan adalah antara lain sifat utama golongan yang kufur. Mereka hidup bermasalah dengan belunggu kerisauan dan kebimbangan terhadap sebarang musibah yang bakal menimpa diri atau harta kebendaan. Mereka meluangkan masa yang panjang memikirkan perancangan masa depan dan ini sudah pasti merupakan halangan terbesar untuk berfikir dengan jernih dan tenang. Rasa takut atau bimbang membuatkan mereka merasa tertekan dan menghalang fungsi mental sehingga ke tahap yang serius. Takut terhadap kematian yang pasti mempengaruhi mereka

dengan cara yang sama. Hati mereka sarat dipenuhi dengan rasa sedih dan suram. Akan tetapi, Kematian pasti datang walaupun tanpa undangan. Meskipun fakta ini benar, namun ia tetap kekal menjadi sumber yang menyakitkan sepanjang hidup mereka. Bagi para mukmin sebaliknya, kematian bukanlah isu yang harus membimbangkan.

Ini adalah rasa takut dan keghairahan yang menghalang fitrah yang waras. Manusia menjadi hamba kepada keinginan hawa nafsu tanpa kemampuan untuk mengalihkan pandangannya terhadap perkara lain yang lebih penting. Mereka seharusnya menumpukan seluruh keupayaan akal fikirannya terhadap sang Pencipta yang mencipta mereka di atas muka bumi melalui hakikat penciptaan yang amat kompleks dan sempurna. Akan tetapi, hati yang dipenuhi dengan impian duniawi gagal mengingati Allah. Hanya mereka yang 'dipenuhi dengan kefahaman yang terang', dalam kata lain, mereka yang telah disucikan dari impian khayalan, perasaan bimbang dan tamak haloba sahaja yang memiliki akal yang jernih terhadap Allah dan sekaligus mematuhi-Nya.

Golongan yang berakal adalah mereka yang menjaga batas larangan-Nya dan menerima kebenaran yang disampaikan. Mereka tidak pernah menunjukkan rasa sombong dan tidak berdegil mempertahankan kecurangan atau maksiat yang

dilakukan; mereka amat mudah berubah di saat menyedari sesuatu kesilapan. Dan tujuan sebenar mereka ketika mempertikaikan sesuatu adalah berobjektifkan mencari hakikat kebenaran, bukanlah untuk bertelagah sesama sendiri. Ini adalah sebab mengapa Allah menyatakan bahawa mereka..

“Yang berusaha mendengar perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya; mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah, dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna”. Surah Az-Zumar: 18

Disebabkan golongan yang kufur tandus daripada sebarang nilai kebijaksanaan dan kualiti akal fikiran, mereka dengan itu gagal menjejak Petanda Agung di sekeliling mereka. Langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya adalah sebuah manifestasi akan kewujudan Allah. Akan tetapi, mereka gagal melihat kebesaran ini. Pandangan mereka dikaburi dengan impian dan matlamat duniawi. Mereka memperuntukkan jiwa dalam keadaan lalai sibuk memikirkan manfaat yang sedikit dan memenuhi keinginan hawa nafsu. Jiwa mereka sudah pasti tidak berdaya untuk menghayati kewujudan-Nya. Ini adalah sebab Allah menyeru ‘golongan yang berakal’ untuk beriman

Dan Dialah yang menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa dan menyebarkan rahmah-Nya. Dan Dialah yang maha pelindung lagi maha terpuji. Surah as-Syura: 28

Adalah amat menarik bagaimana para kafirin *jelas diisyaratkan di dalam al-Quran*. Allah dan para utusannya menyeru mereka untuk berhikmah ditempat pertama:... **Kami tidak mengutus sebelum kamu, melainkan orang lelaki yang Kami berikan wahyu kepadanya di antara penduduk negeri. Maka tidakkah mereka berpergian di muka bumi lalu melihat bagaimana kesudahan orang-orang sebelum mereka dan sesungguhnya kampung akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memikirkannya? Surah Yusuf: 109**

Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab yang mengandung perkara yang menimbulkan perbuatan baik dan kelebihan untuk kamu, maka mengapa kamu tidak memahaminya? Surah Al-Anbiyaa': 10

Katakanlah: "Bawalah ke mari saksi-saksi kamu yang dapat mempersaksikan bahawasanya Allah telah mengharamkan (makanan yang kamu) haramkan ini." Jika mereka mempersaksikan,

maka janganlah kamu ikut menjadi saksi bersama mereka; dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, dan orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat sedang mereka mempersekutukan Tuhan mereka. Surah al-An'aam: 151

Maka datanglah sesudah mereka generasi (yang jahat) mewarisi Taurat, yang mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata: "Kami akan diberi ampun". Dan kelak jika datang kepada mereka harta benda dunia sebanyak itu, nescaya mereka akan mengambilnya (juga). Bukankah perjanjian Taurat sudah diambil dari mereka, yaitu bahawa mereka tidak akan mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar, padahal mereka telah mempelajari apa yang tersebut di dalamnya? Dan negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Tidakkah kamu mahu mengerti?. Surah Al-A'raaf: 169

Katakanlah: "Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak dapat membacanya kepada kamu, dan tentulah Dia tidak memberitahu kamu akan al-Quran ini;

kerana sesungguhnya aku telah tinggal dalam kalangan kamu satu masa yang lanjut sebelum turunya al-Quran ini; maka mengapa kamu tidak mahu memikirkannya. Surah Yunus: 16

Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu tidakkah kamu mahu berfikir? Surah Al-An'aam: 32

Satu-satunya golongan yang mampu memahami dan menghayati bukti penciptaan dan kewujudan Allah ialah golongan yang berakal:

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan; dan padanya ada kebun-kebun anggur dan jenis tanaman serta pohon tamar yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang berfikir serta memahaminya. Surah Ar-Ra'd: 4

Katakanlah; "Dialah yang berkuasa

menghantar kepada kamu azab siksa dari sebelah atas kamu atau dari bawah kaki kamu atau Dia menjadikan kamu bertentangan dan berpecah-belah dan Dia merasakan sebahagian daripada kamu akan perbuatan ganas dan kejam sebahagian yang lain". Perhatikanlah bagaimana kami menjelaskan ayat-ayat keterangan dengan berbagai cara supaya mereka memahaminya. Surah Al-An'aam: 65

Dan Dialah yang menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam) maka disediakan tempat tetap dan tempat simpanan. Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran satu persatu bagi orang-orang yang mengerti. Surah Al-An'aam: 98

Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat bagimu, agar kamu memahaminya. Surah an-Nur: 61

Dan dari buah tamar dan anggur, kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda bagi orang-orang yang mahu menggunakan akal-nya. Surah An-Nahl: 67

Dan Dia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintah-Nya untuk keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda bagi kaum yang mahu memahaminya. Surah An-Nahl: 12

Dia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu menerima sebahagian dari hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi kongsi kamu pada harta benda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu, mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (tanpa persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami menjelaskan keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya. Surah Ar-Ruum: 28

Musa berkata: "Dan apakah (kamu akan melakukan itu) walaupun aku tunjukkan kepadamu sesuatu (keterangan) yang nyata?". Surah as-Syuara: 28

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaran-Nya dan kekuasaan-Nya, Dia memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menakutkan dan memberi harapan; dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu Dia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahami-Nya. Surah Ar-Ruum: 24

Di sana juga terdapat perbezaan di antara beberapa tingkat hikmah. Tahap di mana seorang menyucikan diri dari keinginan duniawi dan mementingkan diri sendiri sekali gus menentukan tahap kebijaksanaan. Kesetiaan yang keterlaluan terhadap hidup dunia dan menuruti hawa nafsu adalah faktor terbesar dalam menentukan tahap kualiti hikmah.

Manusia dalam hidupnya dapat dibahagian kepada dua kategori: Samada manusia akan menuruti Allah atau pun keinginan sendiri. Dengan menuruti Allah, mereka akan diselamatkan dari keinginan yang membuak-buak sekali gus mengecapi kualiti hikmah. Sebaliknya, menyembah hawa nafsu adalah bermaksud merombak semula fitrah tingkah laku dan akal fikiran manusia untuk selaras dengan keghairahan jiwa yang tak terkawal.

Dalam situasi keinginan yang menguasai jiwa seseorang, hati juga akan turut tertutup. Ia menjadi tumpul terhadap keamatan cahaya Ilahi. Sekali gus hatinya akan kehilangan nilai **'untuk memahami'** (at-Taubah 87), **"mengetahui"** (at-Taubah 93) dan bosan serta hilang kepekaan. Hati akan kehilangan sifat Nur-nya.

Sewaktu proses ini, individu tersebut gagal menyedari bahawa dia telah kehilangan fungsi akal disebabkan kemusnahan kriteria yang membezakan antara yang baik dan keji. Individu yang bijaksana sentiasa menyedari setiap perubahan yang positif di dalam diri, namun hal yang sebaliknya menimpa golongan kufur. Ia umpama situasi seorang yang gugur pengsan atau terbujur kaku dalam keadaan koma, di mana kedua mereka tidak menyedari saat yang dilaluinya sehingga kembali pulih.

Di dalam al-Quran, mereka yang kosong dari sebarang kebijaksanaan juga diterangkan:

Dan bandingan orang-orang kafir samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya. Surah Al-Baqarah:

BIJAKSANA DAN SENTIMENTALISME



Satu daripada faktor terbesar yang berkuasa mengaburi mata hati seseorang ialah sentimentalisme. Ia adalah situasi berbahaya yang amat bertentangan dengan fungsi akal manusia yang normal.

Sebenarnya sentimentalisme adalah ancaman bahaya yang jelas terhadap akal fikiran. Ia menengkam seluruh kemampuan akal fikiran yang akhirnya menghasilkan pemikiran yang negatif. Dalam kehanyutan emosi, individu yang sentimental amat mudah terlibat di dalam tindakan yang mendedahkan sikap tidak bijak dan tidak berhati-hati. Individu mukmin sebaliknya sentiasa mengawal emosi mereka di bawah pengaruh akal fikiran.

Konsep cinta sebagai contoh, berkemungkinan memiliki dua dimensi yang berbeza; ia mungkin adalah emosional ataupun rasional. Individu

sentimental berasa keterikatan yang mendalam terhadap orang atau objek yang dicintai yang pada hakikatnya tidak layak menerimanya. Seperti yang jelas di dalam sebahagian besar masyarakat hari ini -khususnya masyarakat Barat- pemujaan dan pengagungan yang melampau-lampau ditujukan kepada mereka yang berkaitan atau pun yang bakal mengakibatkan mereka menanggung azab sengsara sebagai balasan.

Sebaliknya, cinta para mukmin yang sejati adalah sentiasa bergantung terhadap asas yang kukuh. Pada objek yang dicintainya, mereka akan sentiasa mempamerkan 'ciri-ciri keimanan' atau 'ciri-ciri mukminin' sebagai mana yang terkandung dalam al-Quran. Mereka tidak pernah menunjukkan kasih sayang terhadap mereka yang tidak layak menerimanya.

Allah SWT menyatakan di dalam banyak ayat yang menarik perhatian kepada bahaya yang terdedah di dalam konsep hubungan cinta ala-sentimentalisme.

Sesungguhnya telah ada suri teladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengan dia; ketika mereka berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari

**(kekafiran)mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah saja...
Surah al-Mumtahinah: 4**

Firman Allah dalam ayat di atas menerangkan asas yang menjadikan cinta para kafirin tidak berlandaskan akal yang rasional. Sikap seumpama ini dapat diterangkan melalui sentimentalisme.

Sejumlah lain potongan ayat di dalam al-Quran menasihatkan golongan mukmin agar berwaspada terhadap risiko bahaya akibat berasa kasih terhadap para kafirin. Kisah Nabi Nuh a.s memberi contoh berkenaan hal ini; baginda memohon agar Allah mengampunkan anaknya yang tergolong dalam golongan kufur dengan berdoa agar diselamatkan dari banjir. Allah memaklumkan Nabi Nuh a.s bahawa anaknya juga termasuk kalangan kafirin dan seharusnya baginda tidak menawarkan kasih sayang baginda terhadap anaknya.

(Mereka semua naik) dan bahtera itu-pun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan Nabi Nuh memanggil anaknya yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-

orang yang kafir". Anaknyanya menjawab: "Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan daku daripada ditenggelamkan oleh air". Nabi Nuh berkata; "Hari ini tidak ada suatu pun yang akan dapat melindungi dari azab Allah kecuali orang yang dikasihani oleh-Nya". Dan dengan serta merta ombak itupun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan. Dan diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu". Dan surutlah air serta terlaksanalah perintah itu. Dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas gunung "Judi" serta diingatkan: "Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim". Dan Nabi Nuh merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku itu dari keluargaku sendiri dan bahawa janjiMu itu adalah benar dan Engkau adalah sebijak-bijak Hakim yang menghukum dengan seadil-adilnya". Allah berfirman: "Wahai Nuh! Sesungguhnya anakmu itu bukanlah dari keluargamu: Sesungguhnya

perbuatannya bukanlah amal yang soleh, maka janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sebenarnya Aku melarangmu dari menjadi orang yang jahil". Nabi Nuh berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; dan jika Engkau tidak mengampunkan dosaku, dan memberi rahmat kepadaku, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang rugi". Surah Hud: 42-47

Mesej dalam ayat ini adalah jelas. Walaupun terhadap ahli-keluarga sendiri, para mukmin tidak harus terlalu berasa terikat dan lemah terhadap mereka. Menyintai mereka yang selayaknya adalah tindakan bijak yang sebenar. Namun begitu, para mukmin tidak sekali-kali memandang serong kepada seseorang yang jauh sesat.

Isteri Nabi Nuh dan Luth a.s juga adalah salah seorang antara mereka yang kuffar yang bakal menerima hukuman dari Allah. Kaum Luth telah melakukan kemungkaran dan sebagai balasan, mereka telah dibinasakan. Sejenak sebelum kemusnahan, malaikat telah datang kepada Luth mengkhabarkan kepada baginda agar meninggalkan

kota dan juga isterinya. Tanpa ragu-ragu, baginda tunduk dan ikhlas menuruti perintah dari yang Maha Agung.

Tetamunya berkata: "Wahai Luth! Sesungguhnya kami utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepadamu. Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorang pun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu, sesungguhnya ia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka. Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh; bukankah waktu Subuh itu sudah dekat?". Surah Hud: 81

Luth menuruti perintah Allah SWT dengan sepenuh hati. Ini adalah tabiat sebenar yang dilihat dari seorang mukmin sejati. Menyimpan rasa kesetiaan dan perasaan berlandaskan sentimentalisme bagi mereka yang mengingkari peraturan Allah bukanlah sifat golongan mukmin yang hakiki.

Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih-sayang dengan orang-orang yang menentang

Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang itu bapa-bapa atau anak-anak atau saudara-saudara atau pun keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang Allah telah tanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripada-Nya. Dan dimasukkan-Nya mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pun berasa puas terhadap rahmat-Nya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya golongan Allah itulah golongan yang beruntung. Surah al-Mujadilah: 22

Intipati sikap ini iaitu suatu perasaan yang suci tidak diragui lagi adalah lahir dari kejernihan dan kesucian hati yang hanya unik kepada para mukmin. Allah memaklumkan kita mengenai perbezaan asas konsep yang dipegang oleh kaum mukmin dan kafir di dalam sepotong ayat:

Ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah sekutu-sekutu (Allah) mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah sedang orang yang beriman itu lebih cinta

kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah dan bahawa sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman). al-Baqarah: 165

Seperti yang dinyatakan, mukminin hanya menyintai Allah yang Esa. Kasih sayang yang mereka tunjukkan terhadap manusia adalah merupakan sinaran rasa cinta mereka terhadap Allah. Mereka hanya mengasihi sesama mukmin kerana para mukminin adalah golongan yang 'berpegang teguh kepada ajaran al-Quran yang disampaikan buat manusia'. Para kafirin, sebaliknya hidup berdasarkan kepada bisikan dan keinginan. Dalam erti kata lain, mereka tunduk dan akur menuruti jejak syaitan, sekali gus amat mustahil bagi para mukmin untuk menghampiri atau mendirikan hubungan yang akrab dengan mereka. Para kafirin sebaliknya cenderung mengasihi seseorang ataupun objek lain. Mereka menganggap setiap sesuatu adalah wujud bebas tanpa sebarang ketergantungan terhadap Maha Pencipta, Allah SWT. Di dalam al-Quran, hal ini dinyatakan sebagai 'menyekutukan Allah dengan sesuatu' atau dalam perkataan lain, syirik.

Di dalam al-Quran, tabiat yang jauh dari sebarang orientasi emosionalisme yang terpamer jelas pada diri para mukminin tidaklah terbatas terhadap rasa kasih sayang semata. Di sana terdapat salah satu antara tabiat dan tingkah laku yang amat rasional sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran. Yang berikutnya adalah contoh sikap dan tabiat yang seumpamanya; naluri keibuan ibu Nabi Musa as tatkala memutuskan untuk menghanyutkan bayinya di sungai sama sekali tidak menyangkal bisikan suci kebaikan dari Tuhannya (surah al-Qasas 7). Sifat pemaaf dan upaya membendung kemarahan yang menyempurnakan ciri-ciri unik golongan mukmin (Ali-Imran 134) dan jauh dari berasa kecewa terhadap apa yang gagal ataupun tidak dimiliki (al-Hadid 23) dan melepaskan dengan keredaan yang tulus benda atau pun orang yang sangat mereka kasahi (Ali-Imran 92)

Akan tetapi, satu titik harus dijelaskan disini; bebas dari sifat sentimental bukanlah bermaksud kualiti kepekaan yang tumpul atau pun tidak sensitif. Sebaliknya mereka adalah golongan yang mudah tersentuh namun bukanlah mudah tersinggung. Sifat Nabi Adam a.s. dinyatakan di dalam al-Quran; **Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat lembut hatinya lagi penyantun.** (Surah at-Taubah 114). Sentimentalisme yang dibincangkan di sini ialah berleluasanya aspek negatif yang dinyalakan olehnya ke dalam masyarakat jahiliah yang

ada hari ini. Melalui corak pemikiran yang sentimental, emosi bertindak menghalang kemampuan untuk menilai dan menyimpulkan keputusan yang amat bertentangan dengan prinsip al-Quran. Di dalam masyarakat ini, selain dari ruh, fitrah kejiwaan yang jahat juga turut mengejolakkan emosi ini.

Di dalam sesebuah masyarakat, amat mudah untuk mengesan pelbagai contoh sikap yang serupa ini; sentimentalisme yang dipamerkan oleh seorang anak gadis muda adalah antara contoh yang jelas. Di bawah pengaruh emosi, seorang gadis muda dipupuk sebagai tindakan yang lazim untuk memuja dan menyintai rupa paras seorang lelaki melebihi keperibadian atau kemuliaan hatinya. Hal ini jelas berpunca dari mentaliti yang telah ditarbiyah di dalam jiwanya melalui norma sosial masyarakat sekeliling. Akan tetapi, pengalaman yang meninggalkan seribu satu pengajaran yang berguna untuk difikirkan akhirnya akan membawa kepada kebijaksanaan. Sebahagian besar pasangan yang telah meluangkan masa yang singkat menikmati hubungan ala-sentimentalisme, akhirnya akan menyedari hakikat sebenar tabiat buruk ataupun kebuasan egois lelaki yang selama ini menjadi pujaan dan kegilaan mereka.

SUMBER SIFAT HIKMAH



Di dalam Kitab Suci-Nya, Allah turut menunjukkan golongan yang dirahmati melalui anugerah hikmah dan kebijaksanaan. Berdasarkan sejumlah ayat tersebut, sumber nilai kebijaksanaan dan hikmah yang sebenarnya adalah takut atau pun bertakwa kepada Allah:

Wahai orang-orang yang beriman! jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa) kamu. Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang besar. Surah Al-Anfal: 29

Langkah permulaan untuk bertakwa kepada Allah adalah dengan memiliki konsep sifat-sifat Uluhiyyah dan beriman kepada hari pengadilan. Allah menganugerahkan manusia kemampuan untuk menilai di antara yang benar dan salah hanya

apabila manusia bertakwa kepada mereka. Ini sebenarnya adalah sejenis kekuatan di balik sadar yang dikecapi hasil dari kelembutan dan ketakwaan hati terhadap Allah:

Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain, yang berulang-ulang; yang kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya. Surah Az-Zumar: 23

Manusia seharusnya berjuang untuk memiliki ketakwaan yang tinggi ini. Ke arah matlamat ini, mereka harus meluangkan masa untuk merintih dan memanjatkan rayuan kepada-Nya dan memikirkan kekuasaan serta kebesaran dan hukuman Allah termasuk berikhtiar untuk memiliki kefahaman yang terang dan jelas terhadap-Nya:

Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu dan dengarlah serta taatlah; dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Surah at-Taghabun: 16

Memiliki kemampuan menyadari yang baik dan buruk adalah petunjuk kepada nilai kebijaksanaan seseorang individu. Golongan seperti ini sudah pasti dikurniakan dengan kapasitas penghayatan yang mendalam. Anugerah kemampuan ini dipanggil 'penglihatan' di dalam al-Quran. Dari sudut etimologinya, kalimah 'basirah' dalam bahasa Arab adalah bermaksud 'melihat'. Tetapi ini adalah berbeza jika dibandingkan dari perbuatan melihat yang normal. Individu yang tidak memiliki kelebihan ini diterangkan sebagai seorang yang memiliki hati dan jiwa yang telah ditutup sehingga gagal memahami konsep al-Quran:

Dan Kami jadikan tutupan yang berlapis-lapis atas hati mereka, juga sebagai penyumbat pada telinga mereka, yang menghalang mereka dari memahami dan mendengar kebenaran al-Quran; dan sebab itulah apabila engkau menyebut nama Tuhanmu sahaja di

**dalam al-Quran, mereka berpaling
undur melarikan diri. Surah Al-Israa': 46**

Perkataan 'memahami' di dalam ayat di atas adalah suatu pernyataan yang penting. Ayat di atas menerangkan fenomena kegagalan untuk memahami yang begitu lazim di kalangan individu manusia dewasa ini. Ia mengandungi mesej dari sudut pengertian fizikal bahawa mereka yang tidak beriman memahami (dalam perkataan lain, mereka mendengar) kebenaran yang disampaikan namun gagal untuk memahami hakikat pengertian dan kandungan risalah tersebut. Ini adalah umpama situasi dalam keadaan mabuk atau pun peralihan fungsi sedar dan yang sebenarnya adalah sebuah kenyataan bersifat metafizik. Allah telah memaklumkan manusia mengenai 'tabir yang menutup hati mereka' di dalam banyak ayat al-Quran.

Dari dahulu hingga sekarang, para kuffar mengakui sendiri kedangkalan memahami risalah yang disampaikan kepada mereka. Hal ini kelihatan jelas di dalam sepotong ayat yang merakamkan kata-kata kaum Madyan terhadap Nabi Musa a.s.

Mereka berkata: "Wahai Syuaib, kami tidak mengerti kebanyakan dari apa yang engkau katakan itu dan sesungguhnya kami melihat engkau orang yang lemah dalam kalangan kami; dan kalaulah tidak kerana kaum keluarga-

mu, tentulah kami telah melemparmu. Dan engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia dalam kalangan kami!"
Surah Hud: 91

Mereka yang tidak dilengkapi dengan kualiti kefahaman seumpama ini sama sekali tidak akan dapat dipandu menuju ke jalan yang benar kecuali hanya dengan keizinan Allah. Allah menyatakan ayat berikut:

Dan di antara mereka itu ada yang datang mendengar ajaranmu (tidak memberi faedah seperti orang pekak) maka engkau tidak berkuasa menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar, juga kalau mereka menjadi orang-orang yang tidak mahu memahami perkara yang didengarnya.

Dan di antara mereka pula ada yang memandang kepada perkara yang engkau tunjukkan; maka engkau tidak berfaedah menunjuk jalan kepada orang-orang yang buta, juga kalau mereka menjadi orang-orang yang tidak mahu melihat. Surah Yunus: 42-43

Kesimpulannya, mereka yang beriltizam di dalam memegang nilai ketauhidan dan keimanan adalah satu-satunya golongan yang dikurniakan dengan

kebijaksanaan dan penglihatan. Berdasarkan kepada ini, individu mukmin yang sejati pasti akan menunaikan kewajipan untuk 'menyeru ke jalan Allah dengan penglihatan yang jelas terang':

Katakanlah: "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah, dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain". Surah Yusuf: 108

**.... Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan dari Tuhan kamu; oleh itu sesiapa melihat maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa buta maka bahayanya tertimpalah ke atas dirinya sendiri....
Surah Al-An'aam: 104**

Akibat terhalang daripada anugerah penglihatan dan hikmah, golongan yang musyrik menganggapnya bermanfaat buat diri mereka sebagai jalan untuk mengelak dari berjuang pada jalan Allah. Dengan mentaliti ini, mereka sebenarnya telah menyediakan ruang yang khusus bagi mereka di dalam neraka buat selama-lamanya:

Orang-orang (munafik) yang ditinggalkan itu bersukacita disebabkan mereka tinggal di belakang Rasulullah; dan mereka tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah dan mereka pula berkata: "Janganlah kamu keluar beramai-ramai pada musim panas ini". katakanlah: "Api neraka jahannam lebih panas membakar", kalaulah mereka itu orang-orang yang memahami. Surah At-Taubah: 81

Dan apabila diturunkan satu surah al-Quran: "Berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah bersama-sama dengan Rasul-Nya", nescaya orang-orang yang kaya di antara mereka meminta izin kepadamu dengan berkata: "Biarkanlah kami tinggal bersama-sama orang-orang yang tinggal (tidak pergi berperang)". Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan dan hati mereka dimeteraikan di atasnya sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu. Surah At-Taubah: 86-87

SIKAP TIDAK MENGAMBIL PEDULI DAN PEKA



Di dalam al-Quran, Allah menerangkan secara terperinci mengenai golongan kuffar yang tidak memiliki sebarang fungsi kebijaksanaan. Allah SWT menerangkan di dalam al-Quran bahawa ciri-ciri umum bagi para kuffar adalah sikap mereka yang 'tidak mengambil peduli':

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahanam banyak jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka iitulah orang-orang yang lalai. Surah Al-A'raaf: 179

Mereka itulah orang-orang yang telah dimeteraikan Allah Ta'ala hati mereka dan pendengaran mereka serta penglihatan mereka; dan merekalah orang-orang yang lalai. Surah An-Nahl: 108

Tanpa memikirkan kesalahan yang mereka lakukan, individu yang tidak mengambil peduli terhadap perintah Allah bersikap acuh tak acuh terhadap kelakuan atau pun berusaha menyembunyikannya. Sifat berdegil dan hati yang keras akur menuruti tuntutan hawa nafsu yang akhirnya menyebabkan mereka lalai terhadapnya sehingga memandu mereka sesat daripada kebenaran yang diwahyukan Allah sebagai suatu panduan hidup, sebenarnya adalah usaha yang sia-sia untuk memamerkan penampilan diri yang 'suci dari sebarang dosa'. Usaha mewajarkan setiap kesalahan yang tidak sedikit pun membebaskan diri mereka dari kutukan dosa juga adalah jelas dari ayat berikut; **"Bahkan manusia itu menjadi saksi atas dirinya sendiri, meskipun dia mengemukakan alasan-alasan."** (Surah al-Qiyamah: 14-15)

Keinginan untuk mewajarkan dosa yang dilakukan adalah usaha yang sia-sia untuk menyembunyikan setiap perbuatan atau tindakan yang dikerjakan di bawah pengaruh hawa nafsu. Quran khususnya merujuk perkara ini:

Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka bubar untuk menuju kepadanya dan mereka tinggalkan kamu sedang berdiri. Katakanlah: “Apa yang di sisi Allah adalah lebih baik daripada permainan dan perniagaan”, dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki. Surah al-Jumuah: 11

Lebih dari sekadar memberi alasan, sebaliknya dengan gigih berusaha untuk memahami dan menyedari kesilapan akan membebaskan manusia dari sikap lalai dan tidak memperolehi pengajaran. Sekiranya hal yang sebaliknya berlaku, unsur degil dalam sikap ini pasti memandu manusia menuju saat kebinasaan. Di dalam al-Quran, Allah berfirman mengenai sikap manusia yang tidak mengambil peduli dan menanggung penyesalan di hari kemudian kelak:

Telah hampir datang kepada manusia hari perhitungan amalnya, sedang mereka dalam kelalaian, tidak hiraukan persediaan baginya. Surah Al-Anbiyaa’: 1

Dan hampirlah datangnya janji hari kiamat yang benar, maka dengan sertamerta pandangan mata orang-orang yang kufur ingkar terbeliak: “Aduhai celakanya kami! Sesungguhnya kami

telah tinggal dalam keadaan yang melalaikan kami daripada memikirkan perkara ini, bahkan kami telah menjadi orang-orang yang menganiaya diri sendiri". Surah Al-Anbiyaa': 97

Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkahlakunya pula adalah melampaui kebenaran. Surah Al-Kahfi: 28

Berbeza dengan keadaan jiwa yang gusar dialami oleh golongan musyrik, bagi para mukmin pula, kepekaan dan kesedaran terhadap keindahan fenomena dan pemandangan di sekeliling jelas terpamer pada diri mereka. Sikap mengambil peduli, pada asasnya harus ditumpukan kepada hakikat bahawa Allah meliputi dan mengetahui segalanya, dan Dia

juga akan menghimpunkan semua umat manusia di hadapan-Nya untuk diadili kelak. Individu mukmin yang mengambil peduli terhadap setiap kejadian dalam ruang kehidupan amat menyedari dan berwaspada dalam setiap tindakan yang diambil. Allah meliputi segalanya dan tiada yang terjadi dengan sembarangan atau tanpa sebarang maksud bahkan setiap satunya mengandungi hikmah yang tersendiri. Dengan menumpukan sepenuh hati, manusia dapat memahami pengertian dan hikmah serta aspek yang tersembunyi di sebalik kejadian tersebut. Sebaliknya, para kuffar pula yang menutup hatinya untuk memahami kejadian di dunia luar gagal menyimpulkan bahawa setiap yang wujud di muka bumi pada hakikatnya mempunyai maksud dari-Nya sekaligus mengabaikan setiap kejadian di sekeliling mereka dan tidak mengambil sebarang pengajaran darinya. Pertimbangan mereka hanya didorong oleh kepentingan diri sendiri dan ini adalah mengapa mereka hanya menumpukan aspek peristiwa yang tertentu sahaja. Di dalam kerangka minda seumpama itu, mereka tidak sedikit pun memiliki sebarang pemahaman terhadap kebenaran yang jelas dan sering memutuskan tindakan yang tidak bijak.

Sifat mengambil perhatian ini mempunyai pelbagai aspek. Sikap mudah mengambil pengajaran dari setiap peristiwa, menjadi golongan berakal yang mengambil peduli, menerima bukti jelas yang terjadi di sekeliling, menunaikan kewajipan tertentu dengan

mengakui segala kelemahan adalah antara ciri-ciri sikap yang mulia. Di dalam al-Quran, beberapa contoh khusus telah diberikan untuk menunjukkan tabiat mengambil peduli yang dimiliki para mukmin. Sebagai contoh, Nabi Musa a.s mengiktiraf kewujudan api. Dalam cara yang sama, di saat baginda sampai ke tempat api tersebut, baginda mendapatinya sebagai tempat yang telah diwahyukan oleh Allah kepada baginda.

Ketika ia melihat api, lalu berkatalah ia kepada isterinya; "Berhentilah! Sesungguhnya aku ada melihat api, semoga aku dapat membawa kepada kamu satu cucuhan daripadanya, atau aku dapat di tempat api itu petunjuk jalan. Maka apabila ia sampai ke tempat api itu, ia diseru, "Wahai Musa!" "Sesungguhnya Aku Tuhanmu! Maka bukalah kasutmu, kerana engkau sekarang berada di Wadi Tuwa yang suci". "Dan Aku telah memilihmu menjadi Rasul, maka dengarlah apa yang akan diwahyikan kepadamu. "Sesungguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Aku. "Sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang - yang Aku sengaja

sembunyikan masa datangnya- supaya tiap-tiap diri dibalas akan apa yang ia usahakan. "Maka janganlah engkau dihalangi daripada mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadanya serta ia menurut hawa nafsunya; kerana dengan itu engkau akan binasa. Surah Taha: 10-16

Perasaan bosan, acuh tak acuh atau pun lembap adalah sifat-sifat tipikal golongan kuffar. Para mukmin, sebaliknya adalah bersemangat, mengambil perhatian serta bertenaga dan juga turut menggalakkan Muslim yang lain melalui semangat mereka.

BERTINDAK MENURUT PRASANGKA



Situasi yang tidak mengambil peduli seringkali mengabaikan fungsi logik dan akal fikiran. Ini sesungguhnya adalah situasi yang pelik di mana keadaan mereka ketika itu adalah seperti setengah tidur-setengah jaga. Individu yang lalai mudah terlibat di dalam tindakan yang tidak rasional. Kehidupan individu seumpama ini menjadi suatu tindakan tidak rasional yang sentiasa berterusan dan akibat yang dahsyat kelak akan ditemuinya.

Satu daripada asas logik yang tidak mempercayai apa pun pada hakikatnya adalah berpunca dari akal yang lemah. Tidak ada sesiapa pun yang bijak akan melandaskan hidupnya di atas sistem di mana sifat semula jadinya adalah situasi yang sentiasa berasa sangsi dan prejudis. Sebagai contoh, tidak ada sesiapa pun secara sembarangan mengambil sebiji pil menganggap bahawa 'ia akan menyembuhkannya'. Setiap tindakan harus berdasarkan kepada kenyataan yang dapat dimengertikan.

Akan tetapi, para musyrik atau pun mereka yang menyekutukan sesuatu kepada Allah sering melakukan tindakan seumpama ini. Hal ini kerana hidup mereka seluruhnya berdasarkan kepada prasangka dan anggapan tertentu, seperti menganggap bahawa mereka tidak akan diadili di hari kemudian. Atau pun, walaupun sekiranya mereka diadili, mereka tetap tidak bersalah. Seluruh sistem dan ideologi yang mereka anuti juga adalah berdasarkan kepada kepercayaan yang tidak berasas. Mereka memandang dunia dari kaca mata yang palsu.

Surah al-Kahfi, merakamkan seorang kafir yang mendasarkan hidupnya kepada prasangka dan anggapan yang tidak berasas dan seorang mukmin.

Dan berikanlah kepada mereka satu misalan: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya dua buah kebun anggur; dan kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit pun dari hasil itu; dan Kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta; lalu berkatalah ia berbincang dengannya; "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikutku yang ramai". Dan ia pun masuk ke kebunnya, sedang

ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri, sambil ia berkata: “Aku tidak fikir kebun ini akan binasa selama-lamanya”. “Dan aku tidak fikir hari kiamat akan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku, tentulah aku mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini”. Surah Al-Kahfi: 32-36

Kenyataan di atas adalah sangat menarik. Golongan yang kufur malah berani berkata: “Aku kira kebun ini tidak akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak mengira hari kiamat itu akan datang, dan jika sekiranya aku dikembalikan kepada Tuhanku, pasti aku mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada kebun-kebun itu. Ini jelasnya adalah sekadar anggapan. Mereka tidak memiliki sebarang bukti yang mengesahkan anggapan mereka. Tetapi, pemilik kebun tersebut berdegil menyuarakan pandangannya yang menyeleweng. Akan tetapi, saat akhirnya adalah layak seperti mana sikapnya; kebunnya telah dibinasakan. Kisah ini diteruskan lagi:

Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: “Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau daripada tanah, kemudian dari air benih, kemudian Dia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? “Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhanku dan aku tidak sekutukan

sesuatu pun dengan Tuhanku. "Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: Ma Sya Allah (semuanya barang dikehendaki Allah), La Quwwata illa billahi (Tiada daya melainkan dengan pertolongan Allah)? kalau engkau memandangkanku sangat kurang tentang harta dan anak berbincang denganmu, "Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan aku lebih baik daripada kebunmu dan (aku bimbang) Dia akan menimpakannya dengan bala bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. "Ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi". Dan segala tanaman serta harta-bendanya itu pun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku". Dan tidak mendapat sebarang pertolongan yang boleh menolongnya selain dari Allah; dan ia pula tidak dapat membela

dirinya sendiri. Pada saat yang demikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya tertentu bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dialah sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi kesudahan yang berbahagia. Surah Al-Kahfi: 37-44

Seperti yang dijelaskan di dalam contoh ini, semua para kuffar berpegang kepada anggapan mereka sendiri berbanding kebijaksanaan yang sebenar. Kebenaran yang pasti adalah apa yang diwahyukan oleh Allah. Dengan itu, mereka yang ingin membina kehidupan berdasarkan kepada suatu yang benar harus berpegang kepada kriteria yang berdasarkan al-Quran. Setiap asas bagi ukuran moral sama ada ideologi, falsafah, sistem atau pun corak pemikiran yang dituruti manusia adalah sekadar prasangka. Al-Quran menyertakan maklumat terperinci berkenaan kenyataan ini di dalam sejumlah ayat:

“Dan mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan tentang itu. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan sedang sesungguhnya persangkaan itu tidak berfaedah sedikit pun terhadap kebenaran.” Surah an-Najm: 28

Al-Quran menerangkan keadaan mereka yang hanya mengikuti prasangka dan akhirnya berpaling jauh dari jalan Allah:

Terkutuklah orang-orang yang banyak berdusta, (yaitu) orang-orang yang terbenam dalam kebodohan lagi lalai, mereka bertanya: "Bilakah hari pembalasan itu?" (hari pembalasan itu ialah) pada hari ketika mereka diazab di atas api neraka. (Dikatakan kepada mereka): "Rasakanlah azabmu itu. Inilah azab yang dahulu kamu minta supaya di-segerakan. Surah Az-Dzariyat: 10-14

Mereka yang menyembah tuhan yang lain selain Allah sebenarnya, hanya menyembah suatu prasangka atau idea yang samar-samar. Di dalam al-Quran hal ini dijelaskan:

Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan bapa-bapa kamu mengada-adakannya; Allah tidak menurunkan suatu keterangan pun untuknya. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan, dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka dan sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dari Tuhan mereka. Surah An-Najm: 23

Ingatlah! Sesungguhnya kepunyaan Allah semua yang ada di langit dan semua yang ada di bumi. Dan orang-orang yang menyeru sekutu-sekutu selain Allah, tidaklah mengikuti (suatu keyakinan). Mereka tidak mengikuti kecuali prasangka belaka, dan mereka hanyalah

menduga-duga. Surah Yunus: 66

Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. Surah al-An'aam: 116

Dan kebanyakan mereka tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran. Sesungguhnya Allah maha mengetahui akan apa yang mereka lakukan. Surah Yunus: 36

Mereka yang bertindak berdasarkan prasangka semata menganggap bahawa mereka mampu memberi alasan untuk melindungi diri mereka menentang hukum Allah. Ini sebenarnya adalah sekadar anggapan yang bercanggah dengan hakikat kebenaran. Alasan mereka tidak akan diterima oleh Allah kelak:

Orang-orang musyrik akan mengatakan: "Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun". Demikianlah juga orang-orang yang dahulu sebelum mereka telah mendustakan sehingga mereka merasai azab siksa Kami... Surah Al-An'aam: 148

KETAATAN DAN KEPATUHAN



Al-Quran menerangkan perincian mengenai sifat naluri manusia. Semua sifat kerosakan dan kebiadapan golongan mungkir telah disebutkan seperti mana juga sifat bagi para mukmin. Sifat para mukmin yang patuh dan golongan yang Allah itupkan ruh-Nya kepada mereka adalah penuh dengan sifat-sifat kemuliaan.

Sudah pasti, sifat seumpama ini yang dimiliki oleh mereka sangat bertentangan dengan para musyrikin. Keikhlasan dan amanah tidak tertanding oleh kecurangan dan sikap berpura-pura golongan kuffar. Begitu juga, sifat bermurah hati, berani dan sederhana adalah berbeza daripada sombong, kejam dan tamak haloba. Satu daripada ciri yang jelas membezakan di antara dua golongan ini ialah ketaatan, ataupun patuh. Dalam erti kata sebenar, mereka yang musyrik tidak akan mampu mencapai kebenaran selamanya akibat dorongan tamak dan kepentingan diri sendiri. Ketika berpaling daripada

sahabat atau pun keluarga yang hampir, mereka hanya menganggapnya sekadar hubungan demi sesuatu kepentingan. Begitu juga halnya, mereka dengan mudah berselisih atau bertengkar untuk memenangkan diri masing-masing. Akan tetapi, sifat para mukmin adalah sangat berbeza. Kriteria yang mereka gunakan di dalam setiap amalan dan kehidupan secara jelas dimanifestasikan di dalam sepotong ayat;

.. “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Surah Al-An’aam: 162

Kesannya, tingkah laku para mukminin dilihat hanya mensasarkan keredaan-Nya dan kekal beristiqamah terhadap kepentingan manusia apa pun pertaruhannya. Mereka tidak sekali-kali menyimpang dari jalan kebenaran demi manfaat duniawi yang sedikit, bahkan mempamerkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi khususnya para pemimpin mukminin. Allah menerangkan ketaatan yang ditunjukkan oleh para mukmin di dalam ayat berikut:

Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah; maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu dan di antaranya ada yang menunggu

giliran; dan mereka pula tidak mengubah sedikit pun. Surah Al-Ahzab: 23

Ketaatan membawa mukmin yang berselisih akibat kepercayaan menuju ke matlamat yang satu. Sikap ini yang merupakan asas sikap ketabahan adalah penting bagi setiap masyarakat mukmin yang teguh. Individu mukmin akan gagal mempertahankan maruahnyanya akibat lalai di dalam masyarakatnya. Sekali maruahnyanya hilang, beransur-ansur mereka akan menghampiri ambang kesesatan. Bahkan, pegangannya akan musnah dan bisikan jahat mula terlihat seperti yang dilakukan oleh para kuffar dan munafik. Ini kerana ketandusan rasa iman menggalakkan seseorang untuk melakukan pencabulan. Mereka berpura-pura berlaku setia malahan berusaha meyakinkan mereka. Setelah itu, 'bakat' berbohongnya menjadikan ia yakin dapat memperbodohkan kaum mukmin dan mula mengambil kesempatan terhadap golongan mukmin. Ini menunjukkan jiwa mereka amat bertentangan terhadap keperibadian individu mukmin. Bahkan, mereka menjadikan keredaan orang lain berbanding Allah sebagai tujuan. Ini adalah sebab mengapa kedudukan yang tinggi sentiasa menjadi igauan. Apa sahaja yang berpotensi memusnahkan kedudukannya akan dilihat sebagai suatu ancaman dan berjuang melindungi diri dengan terus berbohong. Sementara itu, sifat-sifat munafik semakin menyerlah di saat pembohongannya mula disedari. Usaha untuk membela diri sendiri akan menukarkan dirinya menjadi individu yang tidak

ragu-ragu untuk membentuk kesatuan dengan para kuffar dan munafik. Kronologi yang disebutkan di atas menarik dari sudut ia mendedahkan bagaimana sikap khianat yang dianggap remeh dan kecil dapat menyebabkan seseorang individu hanyut ke dalam kekufuran. Mukmin yang sejati, sebaliknya sentiasa berusaha memastikan kebenaran sehingga ke saat kematian datang menjemput disebabkan mereka menyerahkan kepatuhan dan ketaatan hanya mutlak kepada Allah. Hal ini dinyatakan di dalam ayat berikut:

Sesiapa yang taat kepada Rasulullah maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang berpaling ingkar maka (jangan berduka-cita) kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal. Surah An-Nisaa':80

Menjadi manusia yang benar adalah subjek penting yang menagih sensitiviti para mukmin. Sementara mengkhabarkan mengenai para munafik yang bila-bila masa bersedia melepaskan kewajipan mereka, Allah turut memaklumkan berkenaan jaminan mereka di dalam al-Quran untuk tidak berpaling dan berfirman bahawa golongan seperti ini memikul tanggungjawab yang besar:

Padahal sesungguhnya mereka telah pun mengikat janji dengan Allah sebelum itu, iaitu mereka tidak akan berpaling undur. Dan janji setia dengan

Allah itu akan ditanya kelak. Surah Al-Ahzab: 15

Perjanjian yang dibuat kepada Allah sesungguhnya adalah tanggungjawab yang berat. Dengan itu Allah memerintahkan kepada para mukmin:

Dan janganlah kamu tukar perjanjianmu dengan Allah dengan harga yang sedikit. Sesungguhnya apa yang ada di sisi Allah, itulah yang lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Surah An-Nahl: 95

Apa yang jelas, petanda penting ketaatan adalah rasa patuh. Patuh adalah sikap yang penting bagi para mukmin seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran. Ia sebenarnya adalah kunci untuk meraih keampunan Allah, untuk mendapat syurga dan menumpaskan para kafirin:

Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat. Surah Ali-Imran: 132

Itu adalah ketentuan-ketentuan dari Allah. Barang siapa taat kepada Allah dan Rasul-Nya, nescaya Allah memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya; dan itulah kemenangan yang besar. Surah an-Nisaa': 13

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah

kamu kepada Rasulullah dan kepada "Uli-l-Amri" (orang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah dan Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik dan lebih elok kesudahannya. Surah An-Nisaa':59

Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu lalu memohon ampun kepada Allah dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka tentulah mereka mendapati Allah maha penerima taubat lagi maha mengasihani. Maka demi Tuhanmu, mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya. Surah An-Nisaa': 64-65

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan bersama-

sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka iaitu nabi-nabi dan orang-orang siddiqin dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan. Surah An-Nisaa': 69

Di dalam setiap keadaan, mereka harus mematuhi dan tunduk kepada-Nya. Munafik juga adalah orang yang patuh tetapi hanya dalam keadaan yang biasa dan tidak menuntut. Namun di saat kesukaran dan masalah, hanya mukmin yang sejati sahaja yang akan mengekalkan kepatuhan mereka. Di dalam al-Quran, Allah memberitahu bahawa munafik yang hidup di zaman Nabi melihat bahawa berjihad adalah suatu yang sukar. Akan tetapi mereka tetap menyertainya di saat mendapati bahawa ia adalah 'keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh:

Berangkatlah kamu baik dalam keadaan berasa ringan atau pun berasa berat, dan berjihadlah dengan harta dan dirimu di jalan Allah. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Kalau yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh, pastilah mereka mengikutimu, tetapi tempat yang dituju itu amat jauh terasa oleh mereka. Mere-

ka akan bersumpah dengan (nama) Allah: "Jikalau kami sanggup tentulah kami berangkat bersama-samamu". Mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya mereka benar-benar orang-orang yang berdusta. Surah at-Taubah: 41-42

Satu daripada ciri-ciri mukmin ialah mempertahankan kepatuhan mereka di dalam setiap keadaan dan lingkungan. Al-Quran menerangkan kita mengenai perbezaan sikap di antara mukmin dan munafik:

Dan mereka yang berkata : "Kami beriman kepada Allah dan kepada Rasul-Nya serta kami taat"; kemudian sepuak dari mereka berpaling sesudah pengakuan itu, dan tidaklah mereka itu menjadi orang-orang yang sebenarnya beriman. Dan apabila mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakiim memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan sertamerta sepuak dari mereka berpaling ingkar. Dan jika keputusan itu memberi hak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan tunduk taat. Adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit, atau kerana mereka ragu-ragu, atau pun kerana mereka

takut bahawa Allah dan Rasul-Nya akan berlaku zalim kepada mereka? Bahkan merekalah sendiri orang-orang yang zalim. Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat"; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah, serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan. Dan mereka (yang munafik) bersumpah dengan nama Allah, dengan sesungguhnya-sungguh sumpahnya; bahawa jika engkau perintahkan mereka (berjihad) tentulah mereka akan keluar. Katakanlah: "Janganlah kamu bersumpah taat yang terkenal (dustanya). Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan". Katakanlah: "Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada rasul Allah. kemudian jika kamu berpaling ingkar, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasul Allah hanya bertanggung-jawab akan apa

yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu peroleh hidayah petunjuk; dan Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata". Surah An-Nur: 47-54

Patuh kepada keputusan seharusnya berputik di dalam hati yang paling dalam dan dengan penuh istiqamah. Mereka harus mengiktiraf bahawa keputusan Nabi adalah benar dan berdasarkan, tidak berasa ragu di dalam rasa patuh mereka. Ini adalah isu yang sangat penting, disebabkan enggan mematuhi diterangkan di dalam al-Quran sebagai petanda kufur:

Maka demi Tuhanmu mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak berasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya. (Surah an-Nisaa' 65)

Patuh adalah tanda yang jelas tentang keimanan seseorang terhadap Allah dan keredaan menjadi hamba-Nya. Ini adalah satu-satunya jalan kepada keselamatan manusia. Sebagaimana dijelaskan di

dalam (Surah Al-Anfal: 24). "Wahai orang-orang yang beriman! Penuhilah seruan Allah dan seruan Rasul apabila Rasul menyeru kamu kepada suatu yang memberi kehidupan kepada kamu". Rasul mengajak manusia kepada kebahagiaan yang abadi. Dalam sepotong ayat lain, Allah menyatakan bahwa Nabi memperingatkan para mukmin ke arah keselamatan, kebebasan, kepuasan dan mengelak dari kejahatan; Firman Allah:

Maka akan aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. (Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasul, nabi yang ummi yang mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka bebanan dan belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya dan memuliakannya juga menolongnya serta mengikut nur yang diturunkan kepadanya, mereka itulah orang-orang yang berjaya. Surah al-A'raf: 156-157

Kemenangan mukmin ke atas kuffar juga adalah bergantung kepada kepatuhan mereka terhadap Nabi dan mereka yang dilantik memegang panji di kalangan mereka. Berkenaan dengan kepatuhan mereka, Allah membalas dengan memberi bantuan dan menganugerahkan mereka kemenangan yang besar. Hal yang sebaliknya, bagi para pengkhianat, mereka kehilangan kuasa mereka terhadap para kuffar. Allah mengaitkan sebuah kisah di zaman Nabi di dalam al-Quran sebagai berikut:

Dan demi sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya kepada kamu ketika kamu membunuh dengan izin-Nya sehingga ke masa kamu lemah dan kamu berbalah dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai. Di antara kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji kamu, dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu. Dan Allah sentiasa melimpahkan kurniaan-Nya kepada orang-orang yang beriman. Surah Ali-'Imran: 152

Kebahagiaan dan keselamatan hanya dapat dikecapi melalui kepatuhan. Mereka yang tidak

mematuhi Nabi dan menuruti jejak yang lain selain kepada kebaikan, akhirnya akan berakhir dengan neraka. Allah menawarkan kenyataan ini sebagai berikut:

Dan sesiapa yang menentang Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk dan ia pula mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan kesesatan yang dipilihnya dan Kami akan memasukkannya ke dalam neraka Jahanam dan neraka Jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. Surah An-Nisaa': 115

ISTIQAAMAH



Istiqamah adalah ciri-ciri penting seorang mukmin. Para mukmin sekali-kali tidak akan hilang semangat dan ketaatannya. Mereka sentiasa berjuang untuk meraih keredaaan Allah. Ini kerana, tidak ada apa yang menghalang kegigihannya. Mereka tidak kisah terhadap apa yang orang lain fikir atau perkatakan mengenai mereka. Satu-satunya matlamat ialah mencari rahmat Tuhan dan membina hidup berdasarkan matlamatnya.

Allah sudah pasti menguji ketabahan mukmin dalam berbagai cara; sama ada dengan menimpakan masalah yang kerap atau menderita pelbagai kesengsaraan. Perincian ujian dinyatakan di dalam ayat di bawah:

Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil

tanaman, dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Surah Al-Baqarah: 155

Akan tetapi, mukmin yang benar-benar istiqamah mempamerkan kesabaran dalam apa keadaan sekalipun. Allah memuji sikap mereka sebagai berikut:

Dan berapa banyak dari Nabi-nabi telah berperang dengan disertai oleh ramai orang yang taat kepada Allah maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk. Dan Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar. Dan tidaklah ada yang mereka ucapkan selain daripada berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau dalam urusan kami dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir".. Surah Ali-Imran: 146-147

Sebaliknya, tanpa sebarang sifat keteguhan adalah merupakan sifat yang bertentangan dengan peribadi mukmin sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan yang hati mereka ragu-ragu. Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya. Surah At-Taubah: 45

Selain kesukaran, masalah dan tekanan, harta kemewahan dan kedudukan juga sering menggoncang istiqamah seseorang. Keselesaan yang melimpah ruah melembapkan semangat dan iltizam sebahagian besar individu. Menjadi angkuh dan berpaling dari jalan-Nya setelah menerima segala pemberian rahmat adalah jelas ciri-ciri kuffar. Hal ini diterangkan sebagai berikut:

Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah ia kepada Kami samada ia sedang berbaring atau duduk atau pun berdiri dan manakala kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, ia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang kesusahan yang menyimpannya. Demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan. Surah Yunus: 12

Akan tetapi, hal yang sebaliknya bagi para mukmin. Kemewahan, kehebatan, wang atau kekuasaan tidak pernah mengubah sikap para mukmin. Mereka amat menyedari bahawa semua rahmat ini adalah anugerah-Nya dan ia pasti akan ditarik pada bila-bila masa. Dengan itu, mereka tidak pernah bersikap melampau terhadap kehebatan yang dimiliki.

Mengingati hari kemudian dan berusaha gigih untuk menghadapinya dengan mengelak pembaziran dalam hidup seharian adalah petunjuk istiqamah yang jitu para mukmin. Mereka berjuang dengan 'usaha yang layak baginya' sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran:

Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya. Surah Al-Israa': 19

Allah memerintahkan agar mereka tidak berputus asa dan menunjukkan semangat yang membara:

Jangan kamu bersikap lemah dan jangan kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi

**jika kamu orang-orang yang beriman.
Surah Ali-Imran: 139**

Kemuncaknya, istiqamah, adalah sikap yang penting bagi para mukmin. Mereka yang mencari keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh....(Taubah: 42) gagal melihat istiqamah yang hebat. Para mukmin sebaliknya menunaikan apa yang diperintahkan dan mempamerkan kepatuhan beristiqamah sehingga bertemu dengan malaikat maut:

Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah; maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah sedikit pun. Surah Al-Ahzab: 23

Munafik sebaliknya mempamerkan sikap tidak tetap dan berubah-ubah bergantung kepada masyarakat di mana mereka hidup. Di saat mukmin berjaya, mereka juga ingin berkongsi kejayaan mereka, sementara di saat kesusahan mereka menjauhkan diri dari golongan mukmin. Ini sesungguhnya adalah petunjuk tabiat kemunafikan mereka.

Golongan Kahfi, golongan yang diilhamkan dengan sifat keberanian oleh Allah, .. **“dan Kami**

telah meneguhkan hati mereka.... (Surah Al-Kahfi: 14) memberi contoh terbaik bagi mukmin dari sudut istiqamah. Mengekalkan ibadah juga adalah penting dari sudut ketetapan. Hanya kematian yang menghentikan istiqamah para mukmin. Seorang mukmin bertanggungjawab untuk menunjukkan rasa sabar dan menunaikan tanggungjawab mereka kepada Allah sehingga mereka kembali menemui-Nya:

Bahawasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan mereka, maka barang siapa yang melanggar janjinya nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri dan barang siapa menepati janjinya kepada Allah maka Allah akan memberinya pahala yang besar. Surah Al-Fath: 10

KESABARAN



Sepanjang hidup mukminin terdapat dua prinsip ibadah; hidup berlandaskan prinsip al-Quran dan mengelak dari sebarang pelanggaran batas suruhan dan larangan.

Istilah sabar meliputi kebaikan yang cekal, tidak lalai dari mengerjakan kebaikan dan melindungi diri dari hanyut ke lembah kufur.

Ini adalah sebab mengapa sabar dan ketabahan merupakan dua konsep yang terpisah. Ketabahan menggambarkan perasaan tega dan ketahanan. Ia sebenarnya suatu pengalaman yang sukar. Mukmin yang bersabar sebaliknya menunjukkan kelakuan yang berbeza. Seorang sabar tidak berasa tewas atau tidak bersemangat. Bahkan, merasa hampir kepada Allah dan menikmati saat gembira terhadap sebarang musibah yang menimpa. Ini sudah pasti sumber kekuatan dan semangat bagi mereka. Beberapa ayat al-Quran membincangkan mengenai kesabaran:

Oleh itu bersabarlah, sesungguhnya janji Allah itu benar; dan janganlah orang-orang yang tidak meyakini apa yang engkau sampaikan itu menjadikan engkau rasa gelisah. Surah Ar-Ruum: 60

Wahai orang-orang yang beriman! bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu dan bersedialah serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya. Surah Ali-'Imran: 200

Dan bersabarlah; dan tialah berhasil kesabaranmu melainkan dengan Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan. Surah An-Nahl: 127

Bahkan dinyatakan di dalam al-Quran bahawa mukmin akan bersabar dengan seribu satu macam ujian yang menimpa:

Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu; dan agar Kami menyatakan hal ehwalmu. Surah Muhammad: 31

Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan kamu sungguh-sungguh akan mendengar dari orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutukan Allah, gangguan yang banyak yang menyakitkan hati. Jika kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan. Surah Ali- Imran: 186

Kesabaran juga adalah kunci kemenangan bagi para mukmin. Allah memperkukuhkan mereka dengan mengurniakan kesabaran diri kepada mereka:

Oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang; dan jika ada di antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. Dan Allah berserta orang-orang yang sabar. Surah al-Anfal: 66

Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah;

sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar. Surah Al-Anfal: 46

Kesabaran adalah sifat penting seorang mukmin dan ia juga adalah kunci kepada kerahmatan Allah dan nikmat syurga kelak. Dalam sepotong ayat, Allah menyatakan sifat para mukmin, "orang-orang yang bersabar dan berserah diri kepada Tuhannya." (Surah an-Nahl: 42).

Kepentingan hal ini ditekankan di dalam ayat yang lain;

(sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya Kami akan membalas orang-orang yang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan. Surah An-Nahl: 96

Mereka itu semuanya akan dibalas dengan mendapat tempat yang tinggi di syurga disebabkan kesabaran mereka, dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan selamat di dalamnya. Surah Al-Furqan: 75

Dan dia termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan untuk

**bersabar dan saling berpesan untuk
berkasih sayang. Surah al-Balad: 17**

Sebaris doa yang diamalkan para mukmin agar dikurniakan kesabaran:

**Tatkala mereka nampak oleh Jalut dan
tenteranya, mereka pun berdoa: “Ya
Tuhan kami, tuangkanlah kesabaran
atas diri kami, dan kukuhkanlah pen-
dirian kami dan tolonglah kami ter-
hadap orang-orang kafir”. Surah al-
Baqarah: 250**

AMALAN SOLEH



Amalan baik (amalan soleh) adalah satu dari konsep asas di dalam al-Quran. Di dalam bahasa Arab, perkataan soleh' mengandungi pengertian kebaikan dan benar. Di dalam bahasa Arab, kata perbuatan, 'islah' juga timbul dari perkataan yang sama. Di dalam pengertian yang lebih umum, setiap jenis pekerjaan dan kelakuan yang baik demi kebaikan agama adalah dinyatakan sebagai 'amalan yang baik'. Dari sudut al-Quran pula, setiap tindakan dan tingkah laku yang diusahakan untuk mencari keredaan Allah adalah 'amalan yang baik'.

Keselamatan yang abadi bukan sahaja dikecapi melalui keimanan tetapi juga adalah amalan yang baik. Tanda keimanan yang ikhlas juga akan bermanfaat di hari kemudian kelak. Dengan berkata 'saya beriman' namun gagal mematuhi perintah agama tidak mampu memberi apa-apa makna. Di dalam al-Quran, Allah menyatakan hal berikut mengenainya:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji.

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta.
Surah Al-Ankabut: 2-3

Jalan di mana para mukmin melakukan kebaikan membuktikan kecekalannya. Amalannya menunjukkan ketabahan, kemampuan, dan keazaman serta ketaatan- dalam perkataan lain, keimanan yang hakiki.

Di dalam al-Quran, Allah menerangkan pelbagai jenis amalan yang baik. Menyampaikan ajaran Islam kepada setiap individu, mengejar kenikmatan demi matlamat umat Islam, berusaha memahami al-Quran lebih baik, menyelesaikan setiap masalah berhubung peribadi dan masyarakat Muslim adalah antara contoh amalan dan perbuatan yang besar nilai signifikannya. Konsep ibadah paling asas seperti menunaikan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat, dan menunaikan haji juga adalah antara amal soleh yang terpuji:

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak

timur dan barat tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala Kitab dan sekalian Nabi dan mendermanya seseorang akan hartanya - sedang ia menyayangnya-kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hambahamba abdi dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian, dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa. Surah Al-Baqarah: 177

Namun, di sana seperkara harus disebutkan; apa yang menjadikan sesuatu perbuatan adalah soleh bukanlah hasilnya tetapi 'niat' di sebaliknya. Ini adalah sebab mengapa sesuatu perbuatan yang baik adalah ikhlas dilakukan untuk mencari keredaannya. Inilah yang membezakan di antara 'amalan yang soleh' dan 'membuat kerja amal', iaitu konsep yang biasa terlihat di dalam masyarakat. Amalan

yang soleh dilakukan semata-mata kerana-Nya, sebaliknya, konsep kerja amal di dalam sesebuah masyarakat adalah berdasarkan kepada kesatuan masyarakat dan keinginan peribadi untuk tampil sebagai 'aktivis amal'.

Ayat di bawah menerangkan mengapa perbuatan baik mukmin tidak sama dengan memberi zakat.

Mereka menunaikan nazar dan takut akan suatu hari yang azabnya merata di mana-mana. Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan. Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula terima kasih. Sesungguhnya kami takut akan (azab) Tuhan kami pada suatu hari yang orang-orang bermuka masam penuh kesulitan. Surah al-Insan: 7-10

Sekiranya sebarang amalan selaras dengan definisi amalan baik yang tidak diikhlasakan kerana-Nya, ia bukanlah amalan soleh yang sebenar. Ini adalah kerana ia dilakukan untuk orang lain. Ini adalah, sebagai mana yang diistilahkan di dalam al-Quran; 'menyekutukan Allah dengan sesuatu' yang merupakan dosa besar. Di dalam ayat berikut, Allah menerangkan bagaimana sesuatu perbuatan ibadah

yang dilakukan jauh dari berniat semata-mata kerana-Nya menjadi tidak bernilai dan tidak berharga di sisi-Nya.

Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang bersolat, (iaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya. Surah Al-Maun;; 4-6

Hal yang sama, bersedekah yang merupakan amalan baik di sisi Allah, tidak memiliki sebarang faedah di sisi-Nya sekiranya dilakukan untuk menunjuk-nunjuk kemurahan hati untuk mendapat sanjungan orang lain. Allah menerangkan perbezaan di antara bersedekah untuk mendapatkan keredaan-Nya dengan yang memuaskan hawa nafsu semata:

Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan menyakiti seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya kemudian batu itu ditimpa hujan lebat lalu ditinggalkannya bersih licin. (Demikianlah orang kafir yang riak), mereka tidak akan mendapat sesuatu pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum

yang kafir. Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman) yang timbul dari jiwa mereka adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi yang ditimpa hujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan. Surah al-Baqarah: 264-265

Dan Kami telah sediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina. Dan juga orang-orang yang membelanjakan hartanya dengan menunjuk-nunjuk kepada manusia dan mereka tidak pula beriman kepada Allah dan tidak juga beriman kepada hari akhirat. Dan sesiapa yang (mengambil) syaitan itu menjadi kawannya, maka seburuk-buruk kawan ialah syaitan. Dan apakah yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka? dan Allah sentiasa mengetahui akan keadaan mereka. Surah An-Nisaa':37-39

Ringkasnya, apa yang menjadikan sesuatu amalan soleh bergantung kepada niat. Sekiranya niat adalah yang benar, maka ia pasti akan menjadi suatu amalan soleh walaupun hasil yang diharapkan tidak berjaya. Sebagai contoh, dengan niat mencari keredaan Allah, seorang mukmin berusaha segigihnya demi mencapai matlamat tetapi tidak berjaya. Akan tetapi, ini tidaklah penting, kerana ia masih tetap akan menerima ganjaran dari Allah. Setiap mukmin harus mengetahui bahawa di sana ada sebab mengapa Allah tidak mengabulkan impian mereka:

.... Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu.... Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahu. (Surah al-Baqarah 216).

Hanya Allah sahaja yang mengetahui faedah matlamat yang diinginkan oleh manusia. Dengan itu, hasil setiap amalan yang baik adalah berada di sisi Allah. Setiap tugas harus dilakukan semata-mata kerana-Nya.

Seperti dinyatakan di atas, niat adalah intipati penting bagi amalan yang baik. Ini adalah kerana hakikatnya Allah bebas dari sebarang keperluan. Natiyahnya, Dia tetap tidak memerlukan sebarang tindakan yang dilakukan oleh hamba-Nya. Allah menyatakan hal berikut di dalam ayat:

Wahai manusia! Kamulah yang ber-

kehendak kepada Allah; dan Allah Dialah yang maha kaya lagi maha terpuji. Jika Dia menghendaki, nescaya Dia memusnahkan kamu dan mendatangkan makhluk yang baru. Dan yang demikian itu sekali-kali tidak sukar bagi Allah. Surah al-Fatir: 15-17

Dia mampu berbuat apa sahaja yang diingini-Nya ketika Dia menghendaki-Nya. Dia tidak memerlukan amalan perbuatan atau usaha para mukmin untuk menegakkan agama-Nya di muka bumi;

Maka tidakkah orang-orang yang beriman itu mengetahui bahawa seandainya Allah menghendaki, tentu Allah memberi petunjuk kepada manusia semuanya. Surah Ar-Ra'd: 31

Ringkasnya, sekiranya seorang manusia melakukan kebaikan, ia akan menambah manfaat bagi dirinya sendiri. Amalan yang soleh akan diganjar kebahagiaan yang abadi. Seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

Dan sesiapa yang berjuang (menegakkan Islam) maka sesungguhnya dia hanyalah berjuang untuk kebaikan dirinya sendiri; sesungguhnya Allah maha kaya daripada sekalian makhluk. Surah Al-Ankabut: 6

Orang yang mendirikan solat, berpuasa, berzakat dan membantu menegakkan syiar Islam dengan sendirinya akan mendatangkan faedah buatnya. Dialah yang memerlukan untuk melakukan kerja mulia. Mereka pasti beroleh keampunan dan diberikan ganjaran yang besar sebagai balasan.

Atas sebab yang sama, di hadapan Allah, sesuatu perbuatan baik hanya diterima sekiranya ia diriingi dengan niat yang tulus:

Daging-daging dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredaaan) Allah, tetapi ketakwaan dari kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik.
Surah Al-Hajj: 37

Sekali gus, sementara melakukan perbuatan baik, ia juga adalah penting untuk memastikan diri seseorang agar terus mengingati Allah. Untuk matlamat ini, mereka harus berdoa agar perbuatan baik mereka diterima oleh Allah. Doa Nabi Ibrahim dan Ismail a.s. memberi contoh yang baik.

“Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami, sesungguhnya Engkaulah yang maha mendengar lagi maha mengetahui.
“Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami

orang-orang Islam kepada-Mu dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kamu dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah maha penerima taubat lagi maha mengasihani. Surah Al-Baqarah: 127-128

Isyarat yang ditujukan buat Nabi Daud a.s dan rakyatnya juga menekankan kepentingan berdoa dan bersyukur sewaktu melaksanakan perbuatan yang baik:

Mereka membuat untuk Sulaiman apa yang dikehendaknya dari gedung-gedung yang tinggi dan patung-patung dan piring yang seperti kolam dan periuk yang tetap. Bekerjalah hai keluarga Daud untuk bersyukur. Dan sedikit sekali dari hamba-hamba-Ku yang bersyukur. Surah Saba': 13

Ini sudah pasti menjadi usaha untuk memperkukuhkan keimanan seseorang pada Allah. Mengisytiharkan bahawa 'saya beriman' harus diriingi dengan usaha dan berbakti kepada-Nya.

Kepada-Nyalah naik perkataan-perkataan yang baik; dan amal yang soleh dinaikkan-Nya. Surah Fatir: 10

Mukmin soleh yang melaksanakan perbuatan

baik sepanjang hidup sudah pasti akan menikmati taman syurgawi dan diganjari nikmat yang tak terhitung oleh Allah di hari kemudian:

Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, Kami tidak memberati diri seseorang melainkan sekadar yang terdaya olehnya - merekalah ahli syurga; mereka kekal di dalamnya. Dan kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka (di dalam syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah masing-masing dan mereka pula bersyukur dengan berkata: "segala puji bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk ini padahal kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami; sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan Kami dengan membawa kebenaran". Dan mereka diseru; "Itulah syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan". Surah Al-A'raaf: 42-43

BERSYUKUR KEPADA ALLAH



Berterima kasih kepada manusia yang memberi kebaikan menyebabkan rasa terima kasih seseorang menjadi suatu sentimen penghargaan yang keliru. Konsep berterima kasih kepada Allah sebaliknya ialah memahami dan meyakini bahawa setiap anugerah dan rahmat adalah dikurniakan oleh Allah. Di dalam al-Quran, lawan bagi bersyukur ialah 'kufur' yang sinonim dengan tidak berterima kasih. Hanya definisi ini menunjukkan kepentingan rasa bersyukur sebagai suatu bentuk ibadah dan akibat merbahaya yang bakal menimpa para mukmin.

Bersyukur kepada Allah adalah satu daripada konsep yang pada asasnya ditekankan di dalam al-Quran. Di dalam hampir 70 ayat, kepentingan bersyukur kepada Allah telah dinyatakan, contoh mereka yang bersyukur dan tidak bersyukur diberikan dan balasan kebahagiaan yang menanti mereka diterangkan. Punca mengapa kepentingan yang besar diberikan kepada konsep ini adalah kerana ia adalah indikasi

yang jelas berhubung keimanan dan pengakuan keesaan Allah s.w.t. Dalam sepotong ayat, 'bersyukur' diterangkan sebagai 'hanya menyembah kepada Allah':

Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya. al-Baqarah:172

Dalam sepotong ayat lain, bersyukur diterangkan sebagai lawan bagi sifat syirik:

Dan sesungguhnya telah diwahikan kepadamu dan kepada nabi yang terdahulu daripadamu; "Demi sesungguhnya! Jika engkau mempersekutukan tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi. "Bahkan maka hendaklah engkau menyembah Allah semata-mata, dan hendaklah engkau menjadi dari orang-orang yang bersyukur". Surah Az-Zumar: 65-66

Keingkaran syaitan kepada Allah (di saat ia enggan sujud kepada Nabi Adam a.s) menekankan kepentingan rasa syukur kepada Allah:

Iblis berkata; "Oleh kerana Engkau menyebabkan daku tersesat (maka)

dem i sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalang mereka (dari) jalan-Mu yang lurus; “Kemudian aku datangi mereka dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur”. Surah Al-A’raaf: 16-17

Seperti yang dinyatakan di dalam ayat di atas, syaitan bersumpah mengabdikan diri untuk menyesatkan Bani Adam a.s disebabkan iri-hati terhadap baginda. Matlamat utamanya ialah menghasut manusia agar tidak bersyukur kepada-Nya. Ketika matlamat syaitan ini dipertimbangkan, ia menjadi jelas bagaimana seorang manusia binasa ketika enggan bersyukur kepada-Nya.

Syukur adalah sebahagian dari ujian Allah SWT. Manusia sudah jelas dikurniakan rahmat malah dinyatakan sekali bagaimana ia harus memanafaatkannya. Sebagai balasan, ia harus tunduk patuh kepada Penciptanya. Akan tetapi, sekali lagi manusia sendiri yang memilih untuk bersyukur atau pun tidak:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya, kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah

menunjukinya jalan yang lurus; ada yang bersyukur dan ada pula yang kafir. Surah al-Insan: 2-3

Seperti yang dinyatakan, pilihan sama ada ingin bersyukur atau tidak adalah tanda yang jelas keimanan atau kekufuran seseorang.

Syukur juga berkait rapat kepada pembalasan di hari akhirat. Mereka yang beriman dan bersyukur akan terlepas dari sebarang hukuman azab siksa:

Apa gunanya Allah menyiksa kamu sekiranya kamu bersyukur serta kamu beriman (kepada-Nya)? Dan Allah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya lagi maha mengetahui. Surah An-Nisaa': 147

Ayat ini, bersama dengan ayat yang lain, memberi khabar gembira bahawa Allah membalas mereka yang sentiasa memanjatkan rasa kesyukuran dan berterima kasih kepada Pencipta mereka:

Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras". Surah Ibrahim: 7

Itulah kurnia yang Allah menggembarakan hamba-hamba-Nya yang beriman

dan mengerjakan amal soleh. Katakanlah: "Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan". Dan siapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha menyukuri. Surah asy-Syura: 23

Kaum Luth telah mendustakan ancaman nabinya. Sesungguhnya kami telah menghembuskan kepada mereka angin yang membawa batu-batu kecuali keluarga Luth. Mereka Kami selamatkan di waktu sebelum fajar menyingsing, sebagai nikmat dari Kami. Demikianlah kami memberi balasan kepada orang yang bersyukur. Surah Qamar: 33-35

Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya kamu tak dapat menentukan jumlahnya. Sesungguhnya Allah benar-benar maha pengampun lagi maha penyayang. Surah An-Nahl: 18.

Dapat disimpulkan dari ayat ini bahawa jangan menghitung rahmat Allah, bahkan untuk mengkatégorikannya juga tidak terbayangkan. Disebabkan di sana tidak ada batas terhadap rahmat Allah, para mukmin harus sentiasa memastikan diri mereka agar sentiasa mengingati dan meluahkan

rasa kesyukuran kepada-Nya.

Dengan berharap rahmat yang besar, segelintir manusia menunggu kepada kurniaan besar tertentu untuk melafazkan kesyukuran mereka kepada Allah. Berjaya mencapai kedudukan yang tinggi atau pun sembuh dari penyakit maut adalah saat-saat untuk meluahkan rasa syukur kepada Allah pada anggapan mereka. Akan tetapi, sekiranya difikirkan dengan mendalam, sebenarnya di sekeliling mereka sudah tepu dan penuh dengan limpahan rahmat. Setiap detik, setiap saat, mereka sentiasa dibanjiri rahmat-Nya; nyawa, kesihatan, kecerdasan, kesedaran, pancaindera, udara, ringkasnya segala yang membantu memudahkan kehidupan adalah kurniaan daripada-Nya. Sebagai balasan semua ini, mereka diperintahkan untuk bersyukur. Mereka yang tidak mengambil peduli kesemua ini dan lalai untuk kembali kepada Allah dan meluahkan rasa tidak bersyukur mereka akan menyedari betapa pentingnya ia hanya di saat semuanya telah hilang dari pandangan.

Al-Quran menyertakan perhatian yang besar berkenaan rahmat Allah dan berulang kali mengingatkan manusia tentang hal ini yang sering diabaikan. Untuk menyebut satu persatu setiap rahmat-Nya adalah jelas tidak siuman. Allah mencipta seorang manusia dan menganugerahkannya dengan lima pancaindera sekali gus membantunya melihat dunia sekeliling, memandunya menuju ke jalan yang benar melalui kitab dan utusannya.

Wahyu kitab suci, tidak membebaskan hambanya dan menyelamatkan mereka dari penindasan golongan kuffar, mencipta lingkungan yang tenang dan damai, mencipta udara segar dan sumber makanan yang melimpah ruah, di laut, kapal yang belayar, malam dan siang, semuanya adalah kurniaan demi kebaikan umat manusia.

Tiada siapa yang layak berkata 'saya mengerjakan solat dan melakukan amalan baik tetapi tidak harus bersyukur kepada Allah'. Mereka yang tidak bersyukur kepada-Nya adalah lalai dari mengingati-Nya. Manusia yang bertingkah-laku seperti haiwan yang menggunakan segala-gala diberikan tanpa memikirkan mengapa ia dianugerahkan dan siapa Zat yang menganugerahkannya sudah pasti harus mengubah tabiatnya. Sekiranya tidak, untuk berharap syurga dan menerima ganjaran yang baik dari Allah adalah suatu yang sia-sia. Ini adalah mengapa para mukmin tidak harus lalai dari bersyukur kepadanya.

Kita juga mengetahui berdasarkan wahyu Allah bahawa hanya mereka yang bersyukur kepada Allah dapat mengenali petanda di dunia luar dan mengambil pengajaran untuk manfaat diri mereka. Ayat berikut menghuraikan tema ini:

Dan tanah yang baik, tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan seizin Allah; dan tanah yang tidak subur, tanamannya hanya tumbuh merana.

Demikianlah kami menerangkan tanda-tanda Kami dengan berbagai cara bagi orang yang (mahu) bersyukur. Surah Al-A'raaf: 58

Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Musa dengan membawa mukjizat Kami sambil Kami berfirman: "Hendaklah engkau mengeluarkan kaummu dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman; dan ingatkanlah mereka dengan hari-hari Allah". Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi tiap-tiap seorang yang kuat bersabar lagi kuat bersyukur. Surah Ibrahim: 5

Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar dilaut dengan nikmat kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahan-Nya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan dan bukti bagi tiap-tiap yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur. Surah Luqman: 31

Maka mereka berkata: "Ya Tuhan kami jauhkanlah jarak perjalanan kami", dan mereka menganiaya diri mereka sendiri; maka Kami jadikan mereka buah mulut

dan Kami hancurkan mereka sehancur-hancurnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi setiap orang yang sabar lagi bersyukur. Surah Saba': 19

Kebijaksanaan yang dinyatakan di dalam ayat ini dan bukti yang menghiasinya dapat difahami hanya oleh mereka yang dikurniakan dengan pemahaman dan kepekaan rasa bersyukur. Ini adalah jelas ganjaran bagi yang bersyukur kepada-Nya. Mereka yang lalai dan tumpul sensitivitinya tidak akan memahami ayat ini.

Dalam ayat lain, Allah menasihatkan rasulnya, salah seorang dari mereka ialah Nabi Musa a.s untuk bersyukur:

Allah berfirman: "Hai Musa, sesungguhnya Aku memilih kamu dari manusia yang lain untuk membawa risalah-Ku dan untuk berbicara langsung dengan-Ku, sebab itu berpegang teguhlah kepada apa yang Aku berikan kepadamu dan jadikanlah dirimu dari orang-orang yang bersyukur". Surah Al-A'raaf: 144

Dalam surah Ahqaf ayat 15, para mukmin di dalam usianya yang matang (umur 40 adalah usia kematangan di dalam al-Quran) berdoa agar menjadi orang yang bersyukur.

Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada kedua orang tua. Ibu mengandungnya dengan susah payah, dan melahirkannya dengan susah payah (pula). Mengandungnya sampai menyapihnya adalah tiga puluh bulan sehingga apabila dia telah dewasa dan umurnya sampai empat puluh tahun ia berdoa: "Ya Tuhanku, tunjukilah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapakku dan supaya aku dapat berbuat amal yang soleh yang Engkau redai; berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi kebaikan) kepada anak cucuku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri".
Surah al-Ahqaf: 15

TIDAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI



Berusaha selaras dengan kehendak Allah dan tidak menunjukkan sikap tamak haloba dalam mengejar nikmat pribadi adalah manifestasi jelas keimanan yang ikhlas. Mereka yang menyadari bahawa segala rahmat yang diberikan dan yang ikhlas mentaati-Nya dengan penuh ketakwaan pasti tidak akan menjadikan keuntungan duniawi yang sedikit sebagai matlamat paling agung dalam hidup

Mencari nikmat duniawi berbanding ketaatan kepada Allah adalah berbeza dengan keimanan yang hakiki. Seorang yang benar sedar akan kewujudan Allah dan hari kemudian sudah pasti tidak meletakkan kepentingan yang besar terhadap manfaat yang sedikit, dan melalui perintah Allah, tidak sekali-kali menjadi tamak haloba demi kepentingan sendiri. Sebaliknya, mereka yang mengekang diri dari menikmati kurniaan kebendaan atau kehidupan duniawi juga pasti merosakkan diri sendiri.

Al-Quran berulang kali mengingatkan para mukmin agar tidak mencari sebarang manfaat pribadi di dalam melakukan amalan yang khusus kepada Allah. Setiap para utusan yang dirujuk di dalam al-Quran menyampaikan risalah Allah tanpa meminta sebarang ganjaran sebagai balasan. Beberapa dari ayat yang menjelaskan kemuliaan ini adalah berikut:

Dan kepada kaum “Aad, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Hud berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Kamu hanyalah orang-orang yang mengadakan perkara-perkara yang dusta. “Wahai kaumku! Tiadalah aku meminta sebarang upah daripada kamu tentang itu. Upahku hanyalah dari Allah yang menciptakan daku; maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal? Surah Hud: 50-51

Katakanlah: “Aku tidak meminta kepada kamu sebarang balasan bagi apa yangku sampaikan kepada kamu, selain daripada berimannya seseorang yang mahu mendapatkan jalan sampainya kepada keredhaan Allah”. Surah Al-Furqan: 57

Tatkala saudara mereka – Nabi Nuh berkata kepada mereka: “Hendaknya

kamu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya, Sesungguhnya aku ini ialah Rasul yang amanah (ditutus) kepada kamu. Oleh itu, takutilah kamu akan Allah, dan taatlah kepadaku. Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan; balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam” Surah Asy-Syu’araa’: 106-109

Jelas dalam ayat di atas, tidak terdapat sebarang keuntungan duniawi yang dijadikan matlamat di dalam perjuangan fisabilillah. Mereka yang mukmin tidak menjadikan penghargaan manusia atau harta benda atau kedudukan sebagai balasan usahanya di jalan Allah. Satu-satunya matlamat mereka ialah keredaan. Akan tetapi, dengan kehendak Allah, Dia akan membantu, memenangkan dan merahmati mereka di dalam dunia ini.

Natijahnya, nilai perjuangan mereka demi di jalan Allah tidak bergantung kepada penghargaan manusia tetapi adalah khusus kepada Allah iaitu keinginan untuk meraih rahmat dan keampunan dari-Nya. Sepanjang hidup mereka, para utusan tanpa henti menyampaikan risalah Allah kepada manusia. Di sana terdapat sebahagian utusan yang bahkan dikutuk dan dicaci bahkan ditindas.

Akan tetapi, ini bukanlah sekali-kali kegagalan di pihak mereka. Di dalam al-Quran, kejayaan

sebenarnya bukanlah kejayaan menarik manusia tetapi adalah reda dari-Nya. Para mukmin bertanggungjawab berdoa, membina kesedaran tanggungjawab terhadap Allah melalui akal fikiran dan menjadi hamba-Nya yang soleh. Kemenangan hakikatnya adalah di tangan Allah. Para mukmin harus menunaikan tanggungjawab dan tidak mempertikaikan takdir mereka.

Mereka yang menjejaki keredaan Allah tidak akan berhenti dari menyembah-Nya. Mereka menyedari bahawa dunia adalah amat menarik tetapi adalah menipu. Ini adalah sebab mengapa harta benda, rumah besar, kereta mewah, mutiara zamrud, status dan kedudukan tidak mampu memperdayakan mereka. Ini adalah selaras dengan perintah Allah di dalam al-Quran:

Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam al-Quran, serta ia menurut

hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran. Surah Al-Kahfi: 28

Seperkara yang penting di sini; ketika mendekati agama, seseorang harus bertanya, apakah khidmat lain yang dapat saya laksanakan untuk memperoleh kerediaan Allah? Daripada bertanya, apakah yang saya dapat dari agama? Pendekatan ini akan menjelaskan mentaliti ketidak-ikhlasan. Di dalam al-Quran, mereka yang melakukan sikap yang licik diterangkan sebagai munafik. Mereka adalah orang yang berpura-pura beriman dan memperalatkan agama demi keinginan duniawi. Sebenarnya, mereka adalah manusia yang layak kepada neraka dan hukuman azab di hari kemudian. Di dalam al-Quran, Allah menerangkan situasi mereka:

Dan mereka yang berkata: “Kami beriman kepada Allah dan kepada Rasul-Nya serta kami taat”; kemudian sepuak dari mereka berpaling sesudah pengakuan itu, dan tidaklah mereka itu menjadi orang-orang yang sebenarnya beriman. Dan apabila mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta-merta sepuak dari mereka berpaling ingkar. Dan jika keputusan itu memberi hak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan

tunduk taat. Surah an-Nur: 47-49

Seperti yang jelas, para munafik mengaku beriman sekiranya di sana ada kepentingan pribadi yang hendak dicapai dan suatu saat kelak akan menariknya kembali. Mereka seolah-olah warak dan soleh pada masa tertentu, tetapi sebagai mana yang dijelaskan di dalam al-Quran, mereka sebenarnya adalah golongan yang 'mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh':

Maka adakah orang yang membangun masjid yang didirikannya di atas dasar takwa kepada Allah dan keredaaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangun masjid yang didirikannya di tepi jurang yang runtuh, lalu runtuhlah ia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim. Surah At-Taubah: 109

Di sana terdapat pelbagai ayat lain di dalam al-Quran yang menekankan kepentingan memperolehi keredhaan Allah:

Adakah orang yang menurut keredaaan Allah itu sama seperti orang yang kesudahannya mendapat kemurkaan dari Allah? sedang tempat kembalinya ialah neraka Jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali. Ali-'Imran: 162

Setelah mereka kembali dengan mendapat nikmat dan limpah kurnia dari Allah mereka tidak disentuh oleh sesuatu bencana pun serta mereka pula menurut keredaan Allah. Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar. Surah Ali-'Imran: 174

Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka kecuali orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia. dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar. Surah An-Nisaa': 114

Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya dan Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita kepada cahaya yang terang benderang dengan izin-Nya dan Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus. Surah Al-Maa'idah: 16

Allah menjanjikan kepada orang-orang yang mukmin lelaki dan perempuan, syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, kekal mereka di dalam-

nya, dan tempat-tempat yang bagus di syurga 'Adn. Dan keredaan Allah adalah lebih besar; itu adalah keuntungan yang besar. Surah at-Taubah: 72

Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata, dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terang; dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya di akhirat. Ar-Ra'd: 22

Matlamat agung mukminin ialah memperoleh keredaan Allah dan mendapat ganjaran syurga yang abadi

Dengan itu, sementara merujuk kepada para mukmin, Allah berfirman; "Sesungguhnya Kami telah menyucikan mereka dengan akhlak yang tinggi iaitu selalu mengingatkan (manusia) kepada hari akhirat". (Surah Sad: 46) Sesungguhnya, mengingati hari kemudian adalah sikap mukmin yang penting.

Kurniaan dan kerahmatan sebenar yang akan diperoleh wujud di hari kemudian. Dunia adalah kediaman sementara bagi mereka; apa yang penting,

rahmat di dunia ini adalah terhad dan sementara. Dengan sifat seperti ini, dunia sebenarnya memberi contoh yang terbatas mengenai hari kemudian. Sesungguhnya, ia diciptakan sebagai peringatan terhadap hari kemudian:

Dijadikan indah pada manusia ke-cintaan kepada apa-apa yang diinginkan iaitu; wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia; dan di sisi Allah tempat kembali yang baik. Surah Ali-Imran: 4

Ketahuiilah! Bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan suatu yang melalalikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-banggaan tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya meng-agumkan para petani; kemudian tana-man itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keredaan-Nya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu. Surah al-Hadid: 20

Mereka yang mukmin mengambil manfaat kebaikan dan rahmat di dalam hidup ini. Tetapi

ketika melakukannya, mereka tetap tidak lalai dari mengingat Allah dan hari kemudian, dan tidak sekali-kali melupakan matlamat sebenar hidup di dunia ini.

Allah mengingatkan mereka terhadap godaan dan tarikan duniawi ini:

Katakanlah: "Jika bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri kamu dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik. Surah At-Taubah: 24

Dalam surah al-Jumuah, Allah mengingatkan sikap yang harus dijauhi:

Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka bubar untuk menuju kepadanya dan mereka tinggalkan kamu sedang berdiri (berkhutbah). Katakanlah: "Apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik daripada permainan dan perniagaan", dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki. Surah al-Jumuah: 11

PERSAUDARAAN DAN JEMAAH



Kesetiaan dan keikhlasan kepada Allah, persaudaraan dan berjemaah adalah antara dua sifat mukmin yang penting. Al-Quran mengkhabarkan bahawa setiap mukmin adalah bersaudara; mereka berkongsi perasaan yang sama, yang berjuang di atas matlamat yang sama, beriman kepada kitab dan tujuan hidup yang sama. Akhirnya, perpaduan jemaah menjadi ciri-ciri umum sebuah masyarakat yang terdiri dari kalangan mukmin. Allah memerintahkan ikatan ini di dalam ayat berikut:

Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh. Surah As-Saf: 4

Seperti yang jelas, berjuang di dalam kebersamaan demi semata-mata menunaikan perintah Allah adalah suatu tuntutan:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan lalu Allah menyatukan di antara hati kamu maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu. Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya. Surah A-li-'Imran: 103

Para mukmin adalah golongan bersederhana yang memiliki perasaan persaudaraan dan belas kasihan antara satu sama lain. Dengan itu, kesatuan dan jemaah di kalangan mereka terpelihara dengan sendirinya. Tetapi walaupun dalam sebuah masyarakat seperti ini, mereka juga harus mengambil langkah berjaga-jaga disebabkan tabiat curang tertentu berupaya menyebabkan bahaya kepada ikatan ini dan menimbulkan perbalahan di kalangan mereka.

Semuanya berpunca dari jiwa manusia sendiri. Memang benar seorang mukmin adalah bersifat toleransi dan mudah dihampiri. Namun setiap individu adalah lemah dan berisiko melakukan

kesilapan yang menyebabkan mereka dipandu menuju ke arah jiwa yang negatif. Dalam kata lain, terpengaruh oleh rasa dengki, tamak atau pun keinginan duniawi.

Ini adalah mengapa al-Quran menekankan impak aspek negatif ini sebagai ancaman besar kepada kesatuan mukmin. Dengan mempertimbangkan aspek ini yang menimbulkan bebayang syaitan di dalam manusia berupaya menyesatkan para mukmin, maka seharusnya mereka menjauhi sebarang sentimen yang berupaya menimbulkan hasutan jiwa yang jahat terhadap mukmin yang lain. Dalam al-Quran Allah berfirman:

Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku: "Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik. Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka; sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. Surah Al-Israa': 53

Ayat di atas memberi pesanan penting; Allah memerintahkan hamba-Nya untuk melayan antara satu sama lain sebaik yang mungkin. Di sini ciri-ciri penting syaitan turut dinyatakan. Syaitan berusaha mencipta pertelingkahan di kalangan mereka.

Kaedah yang biasa digunakan ialah menimbulkan perpecahan untuk menyemai perasaan per-

saingan di hati mereka. Dalam keadaan terlalai, mereka akan tertipu terhadap kehebatan dan mengimpikan kedudukan yang khusus di dalam masyarakat. Dalam suasana ini, tidak mustahil mereka akan tampil dengan penuh rasa kehebatan berbanding orang lain. Hal yang sama, mereka mungkin berasa cemburu terhadap saudaranya atas sesuatu sebab. Walaupun perasaan hasad seolah sesuatu perasaan yang dimaafkan, ia sebenarnya mempunyai kesan serius iaitu mendedahkan tentangan terhadap Allah. Di dalam al-Quran dinyatakan, **“Ataukah mereka dengki kepada manusia lantaran kurnia Allah telah berikan kepadanya?”** (Surah an-Nisaa’: 54). Jelas terlihat, setiap anugerah rahmat dari-Nya yang mendorong timbul rasa dengki terhadap orang lain adalah menentang kehendak Allah. Ini adalah mengapa para mukmin harus menjarakkan diri dari sifat ini. Sekiranya tidak, ia pasti akan menghapuskan segala amalan dan perbuatan yang diusahakan untuk mendapat keredhaan Allah. Selain itu, ayat di bawah menjelaskan bahawa ia adalah bersifat sangat mengancam terhadap jemaah mukmin:

Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah; sesungguhnya Allah beserta orang-

orang yang sabar. Surah Al-Anfal: 46

Ia menyatakan bahwa para mukmin tidak harus bertelingkah atau berselisih di kalangan mereka. Dengan menimbangkan keburukan sifat ini, mereka harus mengelak daripada terjerumus ke dalam sebarang lembah kemusnahan. Bahkan, mereka harus tidak menimbulkan kedengkian antara satu sama lain. Sifat sederhana dan merendah diri akan menghapuskan bahaya pertelingkahan di kalangan mereka. Antara lain sifat mereka dinyatakan di dalam al-Quran ialah berkorban demi kepentingan orang lain. Mereka sentiasa mengutamakan keperluan dan harapan orang lain dan mempamerkan kehebatan jiwa nurani yang suci.

Bahkan, mereka gembira ketika melakukannya. Al-Quran menerangkan sikap ini sebagai berikut:

Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka; dan mereka mengutamakan (Muhajirin) atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka memerlukan. Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-

orang yang beruntung. Surah al-Hasyr: 9

Pada dasarnya, persaingan, dengki mendengki dan perbalahan adalah tiga faktor asas yang memberi ancaman kepada kekuatan persaudaraan dan perpaduan di kalangan mukmin. Persaingan yang berupaya ditimbulkan melalui impian akan membahayakan ikatan mereka. Ini adalah kemusnahan kepada diri dan membawa kepada kehancuran nilai-nilai kemuliaan.

Dengan itu, adalah tidak berfaedah untuk membazirkan masa dengan menyekat usaha mukmin lain melalui persaingan dan dengki mendengki, sementara peluang yang tak terhitung masih terbentang di hadapan untuk meraih reda dari-Nya. Sesungguhnya perbalahan tidak akan timbul di dalam lingkungan yang menjadikan keredaan Allah SWT sebagai matlamat. Para mukmin tidak harus lupa bahawa sebuah masyarakat mukmin adalah seumpama tubuh badan di mana setiap organ berfungsi saling berkaitan dan bekerjasama dengan yang lain demi kesempurnaan. Dalam konteks ini, mereka harus melihat kejayaan orang lain sebagai kejayaan mereka juga. Ini adalah konsep yang sangat penting. Di sana terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang menekankan kepentingan persaudaraan. Di dalam sepotong ayat, doa yang diamalkan oleh para mukimin dijelaskan:

Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: “Ya Tuhan kami! Beri ampunlah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman; Ya Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau maha penyantun lagi maha penyayang. Surah al-Hasyr: 10

Pertelingkahan atau ketegangan di kalangan mereka akan merusakkan seluruh perjuangan. Kejadian seumpama ini akan melemahkan kesatuan dan kekuatan mereka, sementara ia menjadi kelebihan bagi para kuffar. Sesungguhnya, tanpa sifat melindungi sesama lain, penindasan pasti akan timbul.

Al-Quran menjelaskan situasi ini:

Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi yang lain. Jika kamu tidak menjalankan itu, nescaya akan berlakulah fitnah di muka bumi dan kerosakan yang besar. Surah Al-Anfal: 73

Sebuah perintah yang jelas terhadap ikatan persaudaraan dan jemaah di kalangan mereka:

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah bercerai-berai dan berselisihan sesudah datang kepada mereka keterangan yang jelas nyata. Dan mereka yang bersifat demikian akan beroleh azab siksa yang besar. Surah Ali-'Imran: 105

Mereka menanyakan kepadamu tentang (pembahagian) harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu kepunyaan Allah dan Rasul, sebab itu bertakwalah kepada Allah dan perbaikilah perhubungan di antara sesama kamu, dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu adalah orang-orang yang beriman". Surah al-Anfal: 1

Bahawasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka dan mereka menjadi berpuak-puak tiadalah engkau terkait sedikitpun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan..... Surah Al-An'aam: 159

Mereka diwajibkan menyayangi dan belas kasihan sesama lain. Merendah hati adalah sifat tipikal bagi seorang mukmin. Sombong dan bongkak

serta iri hati sebaliknya adalah milik kuffar. Sekali gus mereka akan menjauhi daripada dibelenggu oleh nafsu ammarah dan sentiasa memohon perlindungan dari Allah, bertaubat dan mengislah diri.

Kemuncak yang menanti mereka yang tidak mengawal kejahatan diri diterangkan di dalam ayat berikut:

**Wahai orang-orang yang beriman!
Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintai-Nya, yang bersikap lemah-lembut terhadap orang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang bersungguh-sungguh di jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, kerana Allah maha luas limpah kurnia-Nya lagi meliputi pengetahuan-Nya.
Surah Al-Maa'idah: 54**

SIKAP MERENDAH DIRI DAN SIKAP SOMBONG



Merendah diri adalah salah satu dari konsep paling penting yang diingatkan berulang kali di dalam al-Quran. Merendah diri atau berkelakuan sederhana adalah selaras dengan keimanan manakala sombong serta takabbur pula kepada kekufuran. Ini kerana disebabkan keimanan membawa manusia menjadi orang yang berakal dan bijaksana, sementara kekufuran menghalangnya dari memanfaatkan semua kebaikan ini. Dengan memahami sebenarnya sifat Allah melalui kebijaksanaan, mereka yang beriman di hatinya tidak berani melakukan kesombongan di atas muka bumi. Mereka memahami bahawa Allah berkuasa mengawal segalanya dan mereka sebagai manusia hanyalah hamba yang dianugerahkan dengan kelebihan yang tak terhitung. Manusia yang berakal menyedari kelemahannya bahawa manusia adalah bersifat lemah, berasa lapar, terdedah kepada jangkitan penyakit dan menderita kesakitan. Mereka tidak

mampu menghalang diri sendiri daripada menjadi tua. Mereka tidak mencipta diri sendiri dan juga tidak mampu mengelak dari mati. Dengan tubuh jasmani yang terlalu lemah, mereka ditakdirkan hidup untuk suatu jangka masa yang terhad di muka bumi, kemudian akan terbaring kaku di liang lahad. Akhirnya mereka akan berhadapan dengan Penciptanya. Mereka tidak memiliki sebarang alasan pun untuk berasa takabur dan bongkak sewaktu hidup. Walaupun mereka yakin mereka memilikinya, namun pada hakikatnya semua itu adalah nikmat pemberian Allah. Tugasnya adalah untuk berterima kasih bukanlah berlaku sombong. Mengakui akan Pencipta akan menentukan secara langsung tingkahlaku seseorang individu. Mereka pasti menyedari betapa lemahnya mereka di sisi Allah pun begitu tidak mempamerkan kelemahan ini di hadapan orang lain. Sebaliknya, mereka dikenali di kalangan manusia kerana sifat kemuliaan, kesederhanaan, keyakinan diri dan kematangan.

Tanpa sebarang kemampuan untuk menghayati kewujudan Allah, para musyrikin kekal berada di dalam cengkaman rasa sombong dan bongkak. Mereka menganggap diri mereka memiliki identiti yang terpisah dari kewujudan Allah. Kelebihan peribadi seperti kepintaran, kekayaan, menarik dan terkenal menjadi sebab mereka memuji-muji dan membandingkan diri mereka. Mereka tidak pernah memahami bahawa semua ini adalah anugerah pemberian dari Allah dan pada sebarang masa akan ditarik semula. Antara lain sifat mereka juga ialah

tidak yakin dengan diri sendiri. Ini adalah akibat yang umum akibat gagal memperoleh kedudukan, status, atau taraf hidup yang tertentu. Tanpa menyadari konsep seperti tunduk dan berserah kepada Allah, mereka yang musyrik ini menderita akibat menanggung pelbagai kesukaran yang sebahagian besarnya diakibatkan oleh tidak yakin atau pun terlalu merasa gah. Keadaan mereka diterangkan di dalam al-Quran sebagai berikut:

Sesungguhnya orang-orang yang memperdebatkan tentang ayat-ayat Allah tanpa alasan yang sampai kepada mereka, tidak ada dalam dada mereka melainkan hanyalah kebesaran yang mereka sekali-kali tiada mencapainya, maka mintalah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia maha mendengar lagi maha melihat. Surah Ghafir: 56

Mereka yang dibelenggu situasi seumpama ini melihat segala-galanya kecuali diri sendiri sebagai tidak penting. Di matanya, segala-galanya adalah cara untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu. Mereka sentiasa menyakiti diri untuk mengagungkan diri sendiri. Mereka menafikan kegagalan dan tidak pernah mengaku bahawa mereka adalah tergolong dari jenis manusia yang sering melakukan kesalahan. Pada keadaan tertentu, mereka menyimpan perasaan benci terhadap agama. Ini pada asasnya adalah berpunca dari suatu kebenaran hakiki iaitu mereka hanyalah sekadar hamba Allah yang memiliki

kewujudan yang bergantung penuh kepada Allah. Akan tetapi, akibat dibelenggu dengan rasa bermegah diri, mereka menjadi buta kepada kebenaran yang didedahkan melalui agama. Di dalam situasi menyangkal kebenaran ini, mereka berpegang degil kepada pendirian hidup mereka. Al-Quran merujuk golongan seperti ini sebagai berikut:

Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh, sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan. Surah An-Naml: 14

Terperangkap di dalam keangkuhan, individu seumpama ini hidup hanya untuk hawa nafsu tanpa menyedari sifat keji peribadi sendiri. Ayat berikut mengingatkan kita tentang penipuan mereka:

Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia menyebabkan engkau tertarik hati dan ia (bersumpah dengan berkata) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya padahal ia adalah orang yang sangat keras permusuhannya. Kemudian apabila ia pergi berusahalah ia di bumi untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanam-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia) sedang Allah tidak

suka kepada bencana kerusakan. Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertakwalah kepada Allah", bangkitlah kesombongannya yang menyebabkannya berbuat dosa. Maka cukuplah neraka Jahannam. Dan sungguh neraka Jahannam itu tempat tinggal yang seburuk-buruknya. Surah al-Baqarah: 204-206

Dalam sepotong ayat lain, sikap mereka yang sombong diperjelaskan:

Dia mendengar ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya kemudian dia tetap menyombongkan diri seakan-akan dia tidak mendengarnya. Maka berilah khabar gembira kepadanya dengan azab yang pedih. Surah Jatsiyah: 8

Menafikan apa yang dianggap benar oleh naluri adalah akibat rasa sombong dan bongkak. Ini adalah kunci untuk memahami akibat berbangga-bangga di hari kemudian kelak. Dengan mempamerkan kesombongan di muka bumi, mereka memilih hidup yang penuh dengan kesedihan dan penyesalan di dunia dan di hari kemudian. Ini adalah punca mengapa sikap sombong dan takabbur adalah musuh paling pahit bagi manusia.

Punca di sebalik penderhakaan dan kesesatan syaitan juga adalah sombong. Ia pada asasnya adalah faktor utama bagi setiap kelakuan keji dan jahat. Kenyataan ini dijelaskan di dalam al-Quran ber-

hubung kisah kesesatan syaitan.

Tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menciptakan manusia - Adam - dari tanah;

"Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya".

Maka sujudlah sekalian malaikat, kesemuanya sekali,

Melainkan Iblis; ia berlaku sombong takbur serta menjadilah ia dari golongan yang kafir.

Allah berfirman: "Hai Iblis! Apa yang menghalangmu daripada turut sujud kepada yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaan-Ku? Adakah engkau berlaku sombong takbur, atau pun engkau dari golongan yang tertinggi?"

Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripadanya; Engkau ciptakan aku dari api, sedang dia Engkau ciptakan dari tanah".

Allah berfirman; "Kalau demikian, keluarlah engkau daripadanya, kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang diusir.

“Dan sesungguhnya engkau ditimpa laknat-Ku terus menerus hingga ke hari kiamat!”. Surah Saad: 71-78

Kenyataan yang menggambarkan keinginan dan kemarahan yang digunakan oleh syaitan di dalam ayat adalah sangat mengejutkan. Syaitan dikuasai dengan perasaan bahawa dirinya adalah penting dan lebih mulia berbanding Nabi Adam. Ia memperkecilkan bahawa hanya Allah yang maha besar berkuasa memuliakan atau menghina setiap makhluk ciptaan-Nya. Ketika memerintahkan semua malaikat untuk sujud kepada Adam, Allah memuliakannya berbanding semua ciptaan-Nya. Tidak ada makhluk yang berani menentang perintah Allah. Akan tetapi syaitan berani dan akibatnya, menerima kutukan yang abadi.

Syaitan menjadi contoh bagi mereka yang menuruti jejaknya. Syaitan menderhaka terhadap Allah serta mengajak dan menggalakkan manusia lain untuk menentang-Nya. Dengan itu, suatu penilaian terhadap syaitan berdasarkan kepada ayat berikut akan menerangkan faktor yang membawa kepada kebinasaan manusia:

Allah berfirman: “Hai Iblis, apa sebabnya engkau tidak turut bersama mereka yang sujud itu?”. Iblis menjawab: “Aku tidak patut sujud kepada manusia yang Engkau jadikan dia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.

Allah berfirman; “Kalau demikian, keluarlah engkau daripadanya, kerana sesungguhnya engkau dari sekarang ke masa depan adalah (makhluk) diusir”. “Dan sesungguhnya engkau ditimpa laknat terus-menerus hingga ke hari kiamat”.

Iblis berkata: “Wahai Tuhanku! Jika demikian, berilah tempoh kepadaku hingga ke hari mereka dibangkitkan”.

Allah berfirman: “Dengan permohonanmu itu, maka sesungguhnya engkau dari golongan yang diberi tempoh - Hingga ke hari masa yang termaklum”.

Iblis berkata; “Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan aku sesat, demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka semuanya”. Surah Al-Hijr: 32-39

Syaitan mengingini makhluk yang lain juga binasa bersamanya. Ini adalah jenis kepuasan psikologi yang juga lazim terlihat di kalangan manusia. Seperti syaitan, mereka yang melakukan jenayah juga ingin orang lain melakukan yang sama dan kekal melakukannya. Ini sebenarnya adalah harapan yang menenangkan perasaan syaitan; iaitu suatu harapan untuk berkongsi perbuatan keji yang

sama dan sekaligus hukumannya. Mereka yang mengingkari kebenaran dan menafikan kewujudan Allah juga suatu saat nanti akan dikelilingi orang yang seperti mereka. Sentimen seperti, 'setiap orang pun melakukannya', atau pun 'sekiranya semua manusia ke neraka, maka begitu jugalah saya' yang sering diluahkan adalah gambaran kepada logik yang diterangkan di atas. Syaitan amat mengetahui dan menyedari kewujudan dan kekuasaan Allah. Akan tetapi, dipandu oleh rasa bongkak dan takabbur, dia mengharap agar mendapat layanann yang lebih istimewa dan menikmati sanjungan tertentu. Ini adalah sebab mengapa akhirnya dia tersesat ketika Allah s.w.t memerintahkannya sujud kepada Nabi Adam a.s. Seperti syaitan, manusia juga akan sesat binasa. Al-Quran menerangkan bagaimana para kafirin mengakui akan kewujudan Allah tetapi mempercayai diri mereka memiliki keistimewaan tertentu malah menuntut hak keistimewaan tersebut. Bahkan, sebahagian besar manusia yang tersesat masih menganggap diri mereka 'hamba yang dikasihi Allah'. Di dalam al-Quran, mentaliti ini kerap ditekankan:

Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: "Kami adalah anak-anak Allah dan yang sangat-sangat disayangi-Nya". Katakanlah; "Maka mengapakah Dia menyiksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu?. Bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia lain yang diciptakan-Nya. Dia mengampun-

kan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya demikian juga Dia menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dan kepada Allah jualah tempat kembali. Surah Al-Maa'idah: 18

Perasaan hebat dan takabbur dapat dilihat dalam pelbagai bentuk. Islam mengajar manusia bahawa mereka hadir ke muka bumi adalah kerana Allah dan bahawa mereka tidak memiliki sesuatu apa pun kecuali segala yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Menafikan kenyataan ini adalah punca mengapa sebahagian besar manusia telah tersesat ke lembah kufur. Ketika syaitan berkata, 'aku diciptakan dari api', manusia juga berasa bangga kerana menjadi ahli keluarga yang terkenal dan terkemuka atau pun memiliki harta benda yang banyak atau pun kelihatan menarik dan cantik. Ini akhirnya menjadi sifat takabbur mereka yang kekal sampai bila-bila. Dalam kes Qarun, salah seorang dari kaum Nabi Musa a.s. sebagai mana yang dikisahkan di dalam ayat berikut di dalam surah Qasas adalah sebuah contoh penting:

Sesungguhnya Qarun adalah dari kaum Nabi Musa, kemudian ia berlaku sombong dan zalim terhadap mereka; dan Kami telah mengurniakannya dari berbagai jenis kekayaan yang anak-anak kuncinya menjadi beban yang sungguh

berat untuk dipikul oleh sebilangan orang yang kuat sasa. Tatkala kaumnya berkata kepadanya; “Janganlah engkau bermegah-megah, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang bermegah-megah”.

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu dari dunia dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Qarun menjawab: “Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku”. Tidakkah ia mengetahui dan pandai memahami, bahawa Allah telah membinasakan sebelumnya dari umat-umat yang telah lalu, orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan? Dan orang-orang yang berdosa tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka (kerana Allah maha mengetahui).

Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan memakai perhiasannya.

Berkatalah orang-orang yang semata-mata inginkan kesenangan kehidupan dunia; "Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik".

Dan berkata pula orang-orang yang diberi ilmu: "Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat menerima pahala itu melainkan orang-orang yang sabar".

Lalu Kami timbuskan dia bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka tidaklah ia mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya dari azab Allah, dan ia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri.

Dan orang-orang yang pada masa dahulu bercita-cita mendapat kekayaan seperti Qarun mulai sedar berkata: "Wah! Sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya, dan Dialah juga yang menyempitkannya. Kalau tidak kerana Allah memberi pertolongan kepada kita tentulah kita akan dibinasakan dengan tertimbus di

dalam tanah (seperti Qarun). Aduhai! Sesungguhnya orang-orang yang kufurkan nikmat Allah itu tidak akan berjaya!”.

Negeri akhirat itu, Kamu untukkan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. Surah Al-Qasas: 76-83

Sebagaimana yang terlihat di dalam ayat, Qarun dan orang-orangnya percaya mereka diberikan rahmat kerana sifat yang mereka miliki membuatkan mereka layak kepadanya. Mereka sama ada terlupa atau memang menafikan bahawa segala sifat atau kelebihan mereka pada hakikatnya adalah rahmat daripada Allah.

Kenyataan Qarun: “Ini telah diberikan kepadaku kerana kelebihan ilmu pengetahuanku” adalah manifestasi yang jelas akan sikap ini. Orang seumpamanya adalah ‘sangat beruntung’ seperti dalam ayat. Ini pada asasnya adalah punca mengapa kita sering menyaksikan kepentingan diri dan sikap melampau di dalam golongan tersebut ketika mendapat kejayaan, kemewahan dan kekuasaan. Sikap seperti ini pada asasnya adalah mereka yang menganggap diri mereka ‘hamba-Nya yang dikasihi’:

Manusia tidak jemu memohon kebaikan,

dan jika mereka ditimpa malapetaka dia menjadi putus asa lagi putus harapan. Dan jika Kami merasakan kepadanya sesuatu rahmat dari Kami sesudah dia ditimpa kesusahan, pastilah dia berkata: "Ini adalah hakku, dan aku tidak yakin bahawa hari kiamat itu akan datang. Dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku maka sesungguhnya aku akan memperolehi kebaikan pada sisi-Nya". Maka kami benar-benar akan memberitakan kepada orang-orang kafir apa yang telah mereka kerjakan dan akan Kami rasakan kepada mereka azab yang keras. Surah Fussilat: 49-50

Mereka yang memandu diri mereka dengan kebanggaan dan terus bermegah diri dirujuk sebagai berikut di dalam al-Quran:

Tidakkah engkau perhatikan kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? Bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mereka pula tidak akan dianiaya sedikitpun. Surah An-Nisaa': 49

Para mukmin sebaliknya tidak pernah berasa bahawa mereka adalah model manusia yang bakal mendapat syurga di sisi Allah. Ini adalah mengapa, para mukmin berdoa kepada-Nya "**dengan rasa**

takut dan harap" (Sajadah 16). Mereka berpaling kepada Allah dan berdoa "**peliharalah kami dari siksa neraka**" (Baqarah 201); **Janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami**" (Ali-Imran 8); "**Wafatkanlah kami dalam keadaan berserah diri**" (A'raf: 126). Akibat dari dorongan sombong, manusia menganggap dirinya adalah orang yang layak mendapat syurga, akan tetapi, sombong adalah halangan terbesar bagi kehidupan yang abadi kelak, **'Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri...'** (Hadid: 23)

Tema 'sombong' sering dinyatakan di dalam al-Quran. Ayat berikutnya menyeru manusia berulang kali untuk mengelak dari bersifat takabbur dan sombong:

Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang. Surah Al-Israa': 37

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi membanggakan

diri". Surah Luqman: 18

Tiada suatu bencana pun yang menimpa di bumi dan pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. Supaya kamu jangan berduka cita terhadap apa yang luput dari kamu dan supaya kamu jangan terlalu gembira terhadap apa yang diberikan-Nya kepadamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri. Surah al-Hadid: 22-23

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu-bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang Musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takabbur dan membangga-banggakan diri. Surah An-Nisaa': 36

Di dalam al-Quran, mereka yang beriman sering

diingatkan untuk bersederhana dan merendahkan diri. Para mukmin bersungguh-sungguh dalam menjauhi sifat bongkok dan disebabkan mereka memahami sepotong ayat bahawa 'Allah tidak mencintai mereka yang takabbur'. Berdasarkan kepada hal ini, al-Quran mengisytiharkan bahawa merendahkan diri adalah asas kebaikan bagi golongan yang beriman:

Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan yang maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang tunduk taat. Surah al-Hajj: 34

Dan hamba-hamba Ar-Rahman ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diinginkan. Surah Al-Furqan: 63

Negeri akhirat itu, Kamu utukkan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. Surah Qasas: 83

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dengan ayat-ayat Kami adalah

orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat (Kami), mereka sujud dan bertasbih serta memuji Tuhannya, sedang mereka tidak menyombongkan diri. Surah Sajdah: 15

Ini sebaliknya adalah suatu perkara penting yang harus difikirkan. Sama ada menjadi seorang mukmin atau golongan yang sesat keseluruhannya adalah bergantung kepada sifat bongkak atau bersederhana. Akibat golongan yang bersikap takabbur di muka bumi diterangkan di dalam ayat berikut:

Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombongkan dirinya di muka bumi tanpa alasan yang benar dari tanda-tanda kekuasaan-Ku. Mereka jika melihat tiap-tiap ayat (Ku), mereka tidak beriman kepadanya. Dan sebaliknya jika mereka melihat jalan yang membawa kepada petunjuk, mereka tidak mahu menempuhnya, tetapi jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus menempuhnya. Yang demikian itu adalah kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka selalu lalai daripadanya. Surah al-A'raf: 146

Kesudahan bagi setiap kaum di zaman silam lazimnya adalah akibat kesombongan mereka:

Sebenarnya telah datang keterangan-keterangan-Ku kepadamu lalu kamu

mendustakannya dan kamu menyombongkan diri dan adalah kamu termasuk orang-orang yang kafir. Surah az-Zumar: 59

Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertakwalah engkau kepada Allah", timbullah kesombongannya dengan dosa. Oleh itu padanlah ia (menerima azab) neraka Jahanam dan demi sesungguhnya, (neraka Jahanam) itu adalah seburuk-buruk tempat tinggal. al-Baqarah: 206

Dan sesungguhnya Kami telah mendatangkan Al-Kitab (Taurat) kepada Musa, dan kami telah menyusulinya sesudah itu dengan rasul-rasul, dan telah Kami berikan bukti-bukti kebenaran kepada Isa putera Maryam dan kami memperkuatnya dengan Ruhul-Qudus. Maka patutkah tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang rasul membawa sesuatu yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya) sehingga sebahagian dari rasul-rasul itu kamu dustakan dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya. Surah al-Baqarah: 87

Kaum yang sombong adalah penghuni neraka yang ditakdirkan untuk tinggal di sana selamanya:

Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang angkuh daripadanya tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk syurga sehingga unta masuk di lubang jarum. Dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan. Disediakan untuk mereka hamparan dari api neraka dan di atas mereka lapisan penutup (dari api neraka). Dan demikianlah kami membalas orang-orang yang zalim. Surah Al-A'raaf 40-41

Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami dan yang angkuh daripada mematuhi, merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Surah Al-A'raaf: 36

Mereka yang menentang dan memberontak menentang para utusan adalah mereka yang takabur seperti golongan penderhaka zaman dahulu. Mereka, ditakrifkan sebagai 'pemimpin para kuffar' atau 'mereka yang berbangga-bangga' di dalam al-Quran, menolak untuk mematuhi utusan kerana rasa besar diri dan sombong. Mereka jelas menolak panduan seorang manusia yang diutus ke jalan yang benar. Kedegilan mereka tidak terbatas. Rasa bangga pemimpin masyarakat sering disebutkan di dalam al-Quran:

Ketua-ketua yang sombong takbur dari kaumnya berkata kepada orang-orang yang dipandang lemah yaitu orang-orang yang telah beriman di antara mereka: "Tahukah kamu bahawa Salih itu diutus dari Tuhannya?" Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami beriman kepada apa yang ia diutus untuk menyampaikannya". Orang-orang yang sombong takbur itu berkata: "Sesungguhnya kami tetap ingkar akan orang yang kamu beriman kepadanya". Surah Al-A'raaf: 75-76

Ketua-ketua yang sombong takbur dari kaum Nabi Syuaib berkata: "Sesungguhnya kami akan mengusirmu wahai Syuaib dan orang-orang yang beriman yang menjadi pengikutmu dari negeri kami ini atau kamu berpindah kepada agama kami". Nabi Syuaib menjawab: "Adakah sekalipun kami tidak menyukainya?". Surah Al-A'raaf: 88

Mereka yang bongkak mengimpikan impian duniawi seperti kedudukan, harta benda dan kemasyhuran. Setiap utusan yang tidak mendakwa sebarang dari kepentingan duniawi ini akan ditolak kerana mereka dianggap sebagai manusia yang gagal memandu manusia ke jalan yang benar. Tabiat yang paling umum dikongsi di kalangan kuffar adalah kecenderungan menentang para utusan Allah sebagai

mana gambaran al-Quran berhubung penderhakaan Bani Israel terhadap Thalut, pemimpin yang diutus kepada mereka:

Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: "bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu". Mereka menjawab: "Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya dan ia pula tidak diberi keluasan harta kekayaan?" Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi raja kamu dan telah mengurniaknya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". Dan Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah maha luas lagi meliputi ilmu-Nya. al-Baqarah: 247

Sewaktu zaman Nabi Muhammad s.a.w juga, tokoh-tokoh penting pelbagai puak dengan lantang menentang baginda dengan berkata "**Mengapa al-Quran ini tidak diturunkan kepada seorang besar dari salah satu dua negeri ini?**". (Surah az-Zukhruf 31). Pertentangan mereka adalah berpunca dari tabiat menilai manusia berdasarkan kekayaan, kemewahan atau pun kedudukan. Sekiranya Nabi adalah seorang pemimpin salah satu dari kedua kota',

barulah mereka akan mematuhi. Akan tetapi mematuhi seseorang kerana telah dipilih oleh Allah kelihatan amat sukar bagi mereka akibat rasa takabbur. Hal yang sama juga terhadap Nabi Saleh yang dihantar kepada kaum Thamud:

Maka mereka berkata: "Bagaimana kita akan mengikuti saja seorang manusia di antara kita? Sesungguhnya kalau kita begitu benar-benar berada dalam keadaan sesat dan gila". Apakah wahyu itu diturunkan kepadanya di antara kita? Sebenarnya dia adalah seorang yang amat pendusta lagi sombong". Surah Qamar: 24-25

Untuk memahami bagaimana kesombongan menyesatkan manusia, Surah Muddatsir menerangi kita dengan sebuah contoh di mana seorang manusia yang dikurniakan dengan limpahan rahmat dari Allah, yang mendengar dan memahami kalamullah, namun enggan mematuhi kerana rasa sombong yang berakar di hati. Dan kerana ini dia layak dihukum dengan menjadi penghuni neraka:

Biarkanlah Aku bertindak terhadap orang yang Ku menciptakannya sendiri-an. Dan Aku jadikan baginya harta benda yang banyak, dan anak-anak yang selalu bersama dia, dan Ku lapangkan baginya dengan selapang-lapangnya, kemudian dia ingin sekali supaya

Aku menambahnya. Sekali-kali tidak, kerana sesungguhnya dia menentang ayat-ayat kami. Aku akan membebani-nya mendaki pendakian yang memayahkan. Sesungguhnya dia telah memikirkan dan menetapkan. Maka celakalah dia! Bagaimanakah dia menetapkan? Kemudian dia memikirkan, sesudah itu dia bermasam muka dan merungut, kemudian dia berpaling dan menyombongkan diri, lalu dia berkata: "(al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dipelajari (dari orang-orang terdahulu). Ini tidak lain hanyalah perkataan manusia". Aku akan memasukkannya ke dalam Saqar. Tahukah kamu apa Saqar itu? Saqar itu tidak meninggalkan dan tidak membiarkan. Ia adalah pembakar kulit manusia. Surah al-Muddathir: 11-29

Dalam ayat yang lain, situasi individu yang sombong di neraka diterangkan sebagai berikut:

Peganglah dia kemudian seretlah dia ke tengah-tengah neraka. Kemudian tuangkanlah di atas kepalanya seksaan air yang amat panas. Rasakanlah! Sesungguhnya kamu orang yang perkasa lagi mulia. Sesungguhnya ini adalah azab yang dahulu selalu kamu ragu-ragukannya. Surah ad-Dukhan: 47-50

Manusia adalah hamba Allah. Dengan mengingat hakikat diri mereka sebenarnya di hadapan Allah akan memberi kesadaran untuk menghargai segala rahmat kurniaan-Nya. Melalui cara ini, mereka akan menyadari bahwa mereka adalah fakir melainkan apa yang dikurniakan Allah. Mereka berasa tenang dengan bersyukur kepada-Nya. Sekiranya mereka mempamerkan rasa sombong melalui apa yang telah dianugerahkan, sebenarnya segala keredaan yang dimilikinya dari rahmat telah pun musnah. Kelak mereka akan menyaksikan kerugian besar terhadap apa yang dikurniakan. Sistem seluruhnya adalah bergantung kepada sama ada mereka menyadari hakikat diri mereka di hadapan Allah atau tidak; Allah memberi hidayah kepada mereka yang menyadari kehambaan mereka. Sekiranya tidak, ia pasti akan menyebabkan kemurkaan-Nya seperti yang dijelaskan di dalam ayat berikut:

Barang siapa yang enggan menyembah-Nya dan menyombongkan diri, nanti Allah akan mengumpulkan mereka semua kepada-Nya. Surah an-Nisaa': 172

.....Dan sesiapa yang enggan dan angkuh daripada beribadat kepada Allah serta ia berlaku sombong takbur maka Allah akan menghimpunkan mereka semua kepada-Nya. Surah An-Nisaa': 172

Sebaliknya, mereka yang berlemah-lembut dan merendah diri adalah hamba Allah yang sejati dan

syurga sudah pasti menjadi ganjaran mereka:

Negeri akhirat itu, Kamu untukkan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. Surah Qasas: 83

BERTAWAKKAL DAN PATUH KEPADA ALLAH



Antara lain petunjuk penting keimanan adalah tawakkal dan patuh kepada-Nya. Ini adalah garis pemisah yang membezakan antara mukmin dan kuffar.

Seorang kuffar menganggap seluruh dunia sebagai suatu suasana huru-hara. Mereka menganggap bahawa mereka wujud melalui 'kebetulan'. Berdasarkan kepercayaan mereka, setiap kejadian di sekeliling juga terjadi melalui kebetulan. Pandangan seumpama ini, bagaimanapun, adalah sangat merosakkan mental individu yang sempurna dengan menanamkan perasaan tidak selamat dan tidak pernah percaya kepada sesiapa. Perasaan takut dan kebimbangan mereka tidak akan dapat dipulihkan. Beratus, bahkan beribu-ribu faktor yang berisiko pada bila-bila masa menukarkan hidup mereka menjadi pengalaman yang pahit. Mereka berasa tidak berdaya disebabkan pada sebarang masa berpotensi

ditimpa penyakit yang maut. Sesuatu kejadian yang tak terduga bakal menyebabkan ia kehilangan sumber pencarian dan orang yang dikasihi. Dengan mempercayai semua insiden ini terjadi sembarangan, mereka berasa bingung pada setiap kejadian. Hakikatnya, mereka menyembah beratus punca dan faktor musibah sebagai tuhan. Dari sudut al-Quran, takut atau berserah kepada sesuatu adalah mengagungkannya sebagai tuhan selain Allah. Mereka yang mukmin sebaliknya memahami hakikat sebenar kehidupan duniawi bahawa Allah berkuasa ke atas segalanya dan tiada yang terjadi tanpa izin dan pengetahuan-Nya. Kebenaran ini yang dinyatakan di dalam beberapa ayat sebagai **“Tidak ada suatu binatang yang melata melainkan Dia-lah yang memegang ubun-ubunnya”**(Hud 56) dan **“Dan kepunyaan-Nyalah siapa saja yang ada di langit dan di bumi. Semuanya hanya kepada-Nya tunduk”** (Ar-Rum 26) hanya akan difahami oleh **“orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda”** (Hijr 75).

Mereka yang mukmin pada asasnya mengetahui akan hakikat bahawa **“Allah mengatur segala urusan”** (Ra'd 2). Mereka juga sedar bahawa segala kejadian yang terjadi dalam hidup telah ditentukan lebih awal. Dan atas sebab ini mereka tidak pernah menganggapnya sebagai suatu yang ‘malang’. Walaupun ia kelihatan sebagai ‘nasib buruk’, namun di sebaliknya terkandung hikmah kebaikan. Hakikatnya, tidak ada yang sia-sia di dalam ciptaan Allah.

Apa pun peristiwa yang mempengaruhi kehidupan para mukmin, ia sudah pasti dijadikan untuk membawa kebaikan kepada manusia. Walaupun kejadian menyedihkan sekalipun, para mukmin harus tabah berhadapan dengannya dan berserah kembali kepada Allah. Kemuncaknya, Allah pasti akan menunjukkan hikmah di sebaliknya.

Di dalam perjuangan hidup yang begitu sukar dan payah, mereka yang mukmin mendapat ketenangan dan keamanan di dalam jiwa ini. Melalui al-Quran, kita melihat bahawa setiap utusan dan pengikut mereka berhadapan dengan peristiwa yang sangat buruk dan kelihatan sebagai suatu 'nasib malang'. Hampir semua para mukmin ditindas, diancam, diserang, diseksa, dihina dan bahkan dibunuh. Namun, tidak ada yang melemahkan mereka, walaupun taufan yang datang menyerang atau pun tentera yang hebat lengkap. Mereka tetap berdiri kukuh dan waja tidak sekali-kali menyerahkan keyakinan mereka. Hakikat di sebalik sikap seumpama ini terletak di dalam kekuatan jiwa yang mereka bina bahawa segala-galanya diciptakan oleh Allah dan hakikatnya ditakdirkan untuk membawa kebaikan. Mereka amat menyedari bahawa Allah sentiasa memberi panduan kepada mereka dan sudah pasti tidak membebaskan sesuatu yang mereka tidak terdaya. Di dalam al-Quran terdapat beratus-ratus ayat yang menyeru agar sentiasa bertawakkal dan patuh kepada-Nya:

Katakanlah: "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami, dan maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal. Surah Hud: 51

Kalimah Arab yang digunakan untuk menyatakan 'berserah' ialah bertawakkal yang berarti 'mengambil sebagai pemelihara dan pembantu'. Akan tetapi, tidak seperti yang sering digunakan, kalimah ini memiliki konotasi yang berbeza. Biasanya, pengertiannya dianggap sebagai 'berusaha sebaik yang mungkin kemudian menyerahkan selebihnya kepada Allah'. Tetapi konsep 'menjadikan pembantu atau pemelihara' memberi maksud yang lebih daripada sekadar itu. Ia bermaksud menyerahkan segala peristiwa yang menimpa dan keseluruhan akibatnya kepada Allah.

Pada titik ini, kita harus menjauhi satu daripada kekeliruan yang umum terjadi iaitu menyerahkan seluruh peristiwa kepada Allah tidak sekali-kali mengelak untuk terlibat dalam kehidupan seharian. Sebenarnya, maksud sebenar 'bertawakkal' adalah menyedari sepenuhnya bahawa segala yang kita alami dan segala yang kita lakukan adalah berada di dalam kuasa Allah. Dan inilah punca yang mendorong para mukmin mengambil inisiatif di dalam setiap yang mereka usahakan dengan 'mengambil-

Nya sebagai pemelihara dan pembantu'.

Doa para Nabi di dalam al-Quran memberi gambaran peri-pentingnya subjek ini. Di dalam surah an-Naml, Nabi Sulaiman berkata, **"Ya Tuhanku! Berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada dua orang ibu bapakku dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh"**. (Naml 19). Doa ini secara jelas melihatkan bahawa Sulaiman menyedari bahawa baginda hanya mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan hanya dengan kehendak Allah dan memohon keredaan-Nya di saat ia mula melakukan sesuatu.

Ini sebenarnya adalah rasional yang terletak di balik 'tawakkal kepada Allah'. Mukmin amat menyedari bahawa dunia luar dan jiwanya adalah entiti yang sepenuhnya berada di bawah kekuasaan Allah. Selaras dengan ini, mereka tunduk kepada Pencipta yang Agung. Kemuncaknya, seorang mukmin teruji menjadi berani untuk bersendirian menghadapi dunia dalam keadaan tenang dan yakin seolah-olah di sana tidak terdapat sebarang bahaya. Sifat seumpama ini terlihat di saat masalah dan pelbagai kesukaran menimpa sebagai mana yang diterangkan di dalam kisah al-Quran. Satu daripadanya kisah Nabi Nuh a.s:

Dan bacakanlah kepada mereka berita penting tentang Nuh di waktu dia berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Sekiranya kedudukan aku dalam kalangan kamu, dan peringatan yang aku berikan kepada kamu dengan ayat-ayat keterangan Allah itu, menjadi keberatan kepada kamu, maka kepada Allah jualah aku berserah diri. Oleh itu, tetapkanlah keazaman kamu serta sekutu-sekutu kamu untuk melakukan rancangan jahat kamu terhadapku; kemudian janganlah hendaknya rancangan jahat kamu itu, kamu jalankan secara tersembunyi; sesudah itu bertindaklah terus terhadapku dan janganlah kamu tunggu-tunggu lagi. "Oleh itu, jika kamu berpaling membelakangkan peringatanku, maka tidaklah menjadi hal kepadaku kerana aku tidak meminta sebarang balasan daripada kamu; balasanku hanyalah dari Allah semata-mata; dan aku pula diperintahkan supaya menjadi dari orang-orang Islam". Surah Yunus: 71-72

Nabi Syuaib a.s. tidak ketinggalan mempamerkan tindakan yang sama terhadap kaumnya:

Nabi Syuaib berkata; "Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu, jika aku ber-

dasarkan bukti yang nyata dari Tuhanku dan Dia pula mengurniakan aku pangkat nabi sebagai pemberian daripada-Nya, sedang aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang aku melarang kamu daripada melakukannya? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku kembali. Surah Hud: 88

Dalam ayat yang lain, tawakkal dan ketabahan yang terpamer dari diri mukminin juga sering ditekankan:

Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah: "Cukuplah bagiku Allah, tiada Tuhan melainkan Dia; kepada-Nya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai 'Arasy yang besar". Surah Hud: 129

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada

Tuhan mereka jualah mereka berserah.
Surah al-Anfal: 2

Dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi, dan kepada-Nyalah dikembalikan segala urusan. Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah kepada-Nya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. Surah Hud: 123

Demikianlah, Kami telah mengutus kamu pada suatu umat yang sungguh telah berlalu beberapa umat sebelumnya, supaya kamu membacakan kepada mereka yang Kami wahyukan kepadamu, padahal mereka kafir kepada Tuhan yang maha pemurah. Katakanlah: "Dialah Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Dia, kepada-Nyalah aku berserah diri dan kepada-Nyalah tempat kembaliku".. Surah ar-Ra'd: 30

Rasul-rasul mereka berkata kepada mereka: "Kami ini tidak lain hanyalah manusia seperti kamu juga, tetapi Allah melimpahkan kurnia-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya; dan kami tiadalah berkuasa membawa kepada kamu sebarang bukti melainkan dengan izin

Allah. Dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri. Surah Ibrahim: 11

Katakanlah: "Dialah Allah yang maha penyayang, kami beriman kepada-Nya dan kepada-Nyalah kami bertawakkal. Kelak kamu akan mengetahui siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata". Surah al-Mulk: 29

Mereka yang bertawakkal kepada Allah dan mengambil-Nya sebagai penjaga dan pelindung harus menyedari mengenai hakikat bahawa di sana tiada siapa lagi yang menjadi tempat berserah dan berlindung. Tidak ada yang menjadi kerunsingan selama mana mereka berdoa kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya. Dengan keizinan Allah, peristiwa akan berlangsung dan berakhir dengan cara yang baik bagi para mukmin. Seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

Dan bertawakkallah kepada Allah. Dan cukuplah Allah sebagai pemelihara. Surah al-Ahzab: 3

Dalam sepotong ayat lain dinyatakan sebagai berikut:

.... Barang siapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan

baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangkanya. Dan barang siapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendaki-Nya). Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu. Surah At-Thalaq: 2-3

Kecuali dengan izin Allah, tidak ada sesiapa yang dapat mengapa-apakan para mukmin. Tidak ada sesiapa yang dapat membunuh seorang manusia kecuali dengan kehendak Allah s.w.t. Hanya Allah sahaja yang berkuasa menarik nyawa seseorang. Dengan itu, berasa takut terhadap yang lain melainkan Allah adalah jelas tidak rasional. Al-Quran berulang kali mengingatkan para mukmin kenyataan ini:

Sesungguhnya pembicaraan rahsia itu adalah dari syaitan supaya orang-orang yang beriman itu berduka-cita, sedang pembicaraan itu tiadalah memberi mudarat sedikit pun kepada mereka, kecuali dengan izin Allah dan kepada Allah-lah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal. Surah al-Mujadilah: 10

Dan janganlah engkau menurut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang

munafik dan janganlah engkau hiraukan usikan dan celaan mereka, serta berserahlah kepada Allah; dan cukuplah Allah menjadi Pelindung. Surah Al-Ahzab: 48

Dan demi sesungguhnya, jika engkau bertanya kepada mereka itu; "Siapa yang mencipta langit dan bumi?", sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". katakanlah: "Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayanya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmat-Nya itu?". Katakanlah lagi; "Cukuplah bagiku: Allah, kepadanya hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri". Surah Az-Zumar: 38

Mereka yang bertawakkal dan patuh kepada-Nya dan mereka yang menjadikan-Nya sebagai pelindung dan penjaga diselamatkan dari godaan dan hasutan syaitan. Di dalam al-Quran dinyatakan dalam sepotong ayat; "Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh terhadap orang-orang yang beriman dan yang berserah bulat-

bulat kepada Tuhan mereka” (Surah An-Nahl: 99). Mereka yang beroleh ganjaran hari kemudian adalah mereka yang bertawakkal kepada Allah dan berserah diri kepada-Nya.

Maka sesuatu apapun yang diberikan kepadamu, itu adalah kenikmatan hidup di dunia; dan yang ada pada sisi Allah lebih baik dan lebih kekal bagi orang-orang yang beriman, dan hanya kepada Tuhan mereka bertawakkal. Surah asy-Syura: 36

(Dia-lah) Allah, tidak ada Tuhan selain Dia. Dan hendaklah orang-orang mukmin bertawakkal kepada Allah saja. Surah at-Taghabun: 13

Dan berserahlah engkau kepada Allah tuhan yang hidup, yang tidak mati; serta bertasbihlah dengan memuji-Nya; dan cukuplah Dia mengetahui secara mendalam akan dosa-dosa hamba-Nya. Surah Al-Furqan: 58

MEMOHON KEAMPUNAN DAN BERTAUBAT



Sepanjang hidup ini, terdapat segolongan manusia yang hanya mengejar imej yang diciptakan untuk mereka. Usaha mereka berkitar kepada satu hala matlamat iaitu menjadi sempurna dan sempurna dari cacat cela. Ini adalah akibat yang lazim menjadikannya sebagai suatu kesilapan. Mereka menganggap individu yang ideal adalah mereka yang dapat memancarkan aura kesempurnaan.

Akan tetapi kesempurnaan ini adalah matlamat khayalan. Dan juga ia bukanlah sikap para mukmin yang terpuji. Bahkan sebuah 'model mukmin' tidak wujud. Manusia jelasnya adalah lemah, tidak berdaya dan tidak sempurna di hadapan Allah, dan tidak terlepas dari melakukan kesilapan sepanjang hidup.

Apa yang jelas, mereka sentiasa melakukan terbaik untuk menjauhi kesilapan dan dosa, namun

sebagai hamba yang lemah, mereka tidak berjaya terlepas daripadanya.

Di dalam al-Quran dinyatakan bahawa manusia adalah berdosa dan melakukan kesilapan:

Dan kalau sekiranya Allah menyeksa manusia disebabkan perbuatannya, nescaya Dia tidak akan meninggalkan di atas permukaan bumi suatu makhluk yang melata pun akan tetapi Allah *menangguhkan mereka, sampai waktu yang tertentu; maka apabila datang ajal mereka, maka sesungguhnya Allah adalah maha melihat hamba-hamba-Nya.* Surah Fatir: 45

Selaras dengan perintah Ilahi ini, sikap yang dituntut dari para mukmin bukanlah untuk menjadi makhluk yang sempurna dan unggul dari sebarang kekurangan. Sebaliknya, mereka dituntut agar sentiasa memohon ampun daripada-Nya. Ini sebenarnya adalah sikap yang membezakan di antara mukmin dan yang tidak. *Para kuffar berjuang untuk menutup kesilapan dan dosa. Namun mukmin tidak sekali-kali melakukannya.*

Apa yang penting bagi mereka ialah menginsafi dan akhirnya kembali kepada Allah dengan memohon ampun dan taubat.

Ketika membaca al-Quran, kita melihat bahawa keinginan untuk memohon ampun adalah fitrah dan sikap yang lazim di kalangan mukmin. Kita dapat memahami bahawa mereka tidak melihat diri mereka suci dari sebarang dosa dan silap. Bahkan, mereka terus memohon keampunan di dalam sifat pengampun Allah. Dalam ayat berikut, kembali kepada keampunan Allah adalah sikap yang penting bagi para mukmin:

Orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (menuntut ilmu) yang ruku', yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang demikian. Surah Hud: 112

Perbezaan di antara konsep bertaubat dan memohon ampun dan perkaitan di antara keduanya harus dijelaskan dengan teliti.

Memohon ampun adalah aspek kebiasaan di dalam amal ibadah mukmin. Manusia boleh memohon ampun dari Allah terhadap dosa yang dilakukan, samada sengaja atau tidak. Bahkan, seperti mana memohon keampunan bagi diri seseorang, mereka juga dapat memohonnya untuk orang lain, seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran.

Di dalam bahasa Arab, kalimah 'memohon ampun' adalah istighfar yang bermaksud memohon kepada sifat Allah iaitu ghafur (pengampun).

Ghafur dalam bahasa Arab bermaksud 'melindungi, menutup, menyembunyikan, memulihkan.)

Dengan itu, memohon ampun adalah umpama memohon untuk menyucikan diri dan berlindung di dalam sifat pengampun dan penyayang Allah. Di dalam al-Quran, para mukmin berdoa **"Ya Tuhan kami! Ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dari kami kesalahan-kesalahan kami, dan wafatkanlah kami berserta orang-orang yang berbakti."** (Ali-Imran 193). Balasan Allah kepada hal ini sebagaimana di bawah:

Dan demi sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian setia Bani Israil dan Kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua dan Allah berfirman: "Bahawa Aku adalah beserta kamu. Demi sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang, serta kamu tunaikan zakat dan beriman dengan segala Rasul serta menolong bantu mereka, dan kamu pinjamkan Allah secara pinjaman yang baik sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu dan Aku akan masukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa

sungai. Oleh itu sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah ia dari jalan yang betul. Surah Al-Maa'idah:12

Seperti yang disebutkan di atas, berdoa memohon keampunan bagi dosa adalah termasuk dosa yang disengajakan atau tidak dan juga dosa para hamba-Nya yang lain. Ini adalah perbezaan penting di antara memohon ampun dan bertaubat. Walaupun berdoa memohon ampun adalah doa yang lazim bagi para mukmin, taubat adalah sifat yang dilakukan untuk dosa atau kesalahan yang khusus, atau pun berjanji akan memperbaiki diri dan tidak mengulanginya.

Bertaubat adalah memohon kepada Allah ke atas dosa yang dilakukan dengan berjanji tidak mengulanginya dan memohon hidayah dan pertolongan Allah untuk mencapainya. Pengertian taubat yang sebenar ialah 'kembali'. Dengan itu, taubat memberi suatu komitmen yang mutlak untuk mencegah diri daripada mengulanginya.

Niat di sebalik taubat ialah untuk tidak mengulangi dosa yang sama. Allah berfirman kepada golongan yang beriman;

**“Wahai orang-orang yang beriman!
Bertaubatlah kepada Allah dengan**

taubat yang semurni-murninya, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahanmu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai (Tahrim 8)

Akan tetapi, ini bukanlah bermaksud mereka yang mukmin bertaubat hanya sekali sahaja bagi dosa yang dilakukan. Mereka mungkin bertaubat pada sesuatu peristiwa dan kemudian di dalam keadaan lemah mengulangi benda yang sama. Namun, keampunan Allah adalah amat luas. Ini adalah mengapa mereka masih berpeluang bertaubat kepada-Nya. Allah sentiasa bersifat pengampun dan penyayang kepada para mukmin. Ini dinyatakan di dalam al-Quran sebagai berikut:

Katakanlah: “Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua yang maha pengampun lagi maha mengasihani.

“Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepada-Nya sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu

**kamu tidak akan diberikan pertolongan.
Surah Az-Zumar: 53-54**

Di sana masih terdapat sejenis taubat kepada Allah yang tidak diterima, yaitu taubat yang tidak ikhlas di saat kematian menjelma. Ini sebenarnya adalah taubat yang dilakukan di saat menemui malaikat maut. Tentang ini di dalam al-Quran bermaksud:

Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan kejahilan kemudian mereka segera bertaubat maka mereka diterima Allah taubatnya, dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana. Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkatalah ia: "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini" dan orang-orang yang mati sedang mereka tetap kafir. Orang-orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab siksa yang tidak terperi sakitnya. Surah An-Nisaa': 17-18

Di dalam al-Quran, Allah memberi contoh menarik tentang perbuatan taubat yang dilakukan di saat terakhir. Firaun yang mengejar Nabi Musa dan

para pengikutnya untuk membunuh mereka berakhir dengan menyuarkan taubat ketika lemas di dalam laut, suatu mukjizat yang dikurniakan kepada Allah kepada Musa a.s.

Sehingga apabila Firaun hampir tenggelam berkatalah ia: “Aku percaya bahawa tiada Tuhan melainkan yang dipercayai oleh Bani Israil dan aku adalah dari orang-orang yang berserah diri”. Surah Yunus: 90

Akan tetapi, jawapan Allah kepadanya:

Allah berfirman): “Adakah sekarang (baru engkau beriman) padahal sesungguhnya engkau dari dahulu telah kufur derhaka, dan engkau telah pun menjadi dari orang-orang yang melakukan kerosakan?”. Surah Yunus: 91

Disebabkan taubat adalah penting kepada kebahagiaan hidup yang abadi kelak, manusia harus menyedari kepentingannya dan melihat ibadah ini sebagai kemampuan yang terbaik bagi seseorang. Mereka mungkin terlalu tercemar dengan dosa atau melakukan syirik kepada-Nya. Namun sifat pengampun dan kasih sayang Allah adalah luas bagi para hamba-Nya di mana taubat nasuha yang ikhlas pasti diganjar dengan syurga yang abadi:

Apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang kepadamu, maka katakanlah: "Salamun alaikum, ... Bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya kemudian ia bertaubat sesudah itu dan berusaha memperbaiki (amalannya) maka sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha mengasihani". Surah Al-An'aam: 54

Seperkara yang harus diingati ialah Allah mengampunkan para kuffar dan munafik yang menentang-Nya dan para utusan, hanya sekiranya mereka kembali ke jalan yang benar dengan ikhlas dan bertaubat nasuha:

Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terke bawah sekali dari neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka. Kecuali orang-orang yang bertaubat (dari perbuatan munafik) dan memperbaiki amalan mereka dan mereka pula berpegang teguh kepada Allah serta mengerjakan agama mereka dengan ikhlas kerana Allah, maka mereka yang demikian itu ditempatkan bersama-sama orang-orang yang beriman

dan Allah akan memberikan orang yang beirman itu pahala yang amat besar. Surah An-Nisaa': 145-146

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan dan petunjuk hidayah sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab suci mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekelian makhluk. Kecuali orang-orang yang bertaubat dan memperbaiki (amal buruk) serta menerangkan (apa yang disembunyikan) maka orang-orang itu, Aku terima taubat mereka dan Akulah yang maha penerima taubat lagi maha mengasihani. Surah Al-Baqarah: 159-160

Ini adalah peluang keemasan bagi para hamba-Nya. Dia memerintah manusia agar tidak dirundung kekecewaan terhadap sebarang dosa yang telah dilakukan dan sentiasa kembali dengan penuh harapan kepada-Nya. Akan tetapi, penafsiran konsep ini dan sikap tidak ikhlas menghalang manusia dari mengecapi keredaan Ilahi. Dengan mengetahui perintah Allah, namun sengaja melakukan dosa, dengan berkata 'apa pun saya akan tetap diampunkan', jelas menunjukkan akal yang cetek. Golongan seperti ini 'menolak rasa keimanan yang

mereka peroleh dan tersesat jauh dengan menambahkan kesesatan mereka'. Hanya taubat mereka yang jahil sahaja akan diterima. Taubat mereka yang tidak ikhlas yang menjadikan taubat sebagai kebebasan untuk melakukan dosa adalah ditolak. Hal ini ditekankan di dalam al-Quran;

Sesungguhnya orang-orang kafir sesudah beriman, kemudian bertambah kekafirannya, sekali-kali tidak akan diterima taubatnya; dan mereka itulah orang-orang yang sesat. (Surah Ali-Imran: 90)

Seperkara yang harus dijelaskan di sini, kejahatan akibat tidak mengambil peduli atau lalai akibat hawa nafsu adalah faktor utama menyebabkan manusia terjerumus ke lembah maksiat. Akan tetapi, sekiranya mereka menyadari kesilapan dan memohon ampun, sesungguhnya Allah SWT adalah maha pengampun. Namun bagi mereka yang melakukan dosa walaupun sedar hukuman yang bakal menanti lantas berkata, 'saya tetap akan diampunkan juga' hanyalah sekadar memperdaya diri sendiri. Inilah punca taubat mereka tidak diterima (Allahu a'lam bissawab)

Adalah penting dinyatakan bahawa rasa keinsafan dan keikhlasan adalah kunci kepada keampunan Ilahi. Perintah al-Quran; **"Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan**

suara yang lembut..." (al-A'raf: 55) juga benar ketika menunjukkan sesalan di saat memohon ampun. Ketika bertaubat terhadap kesilapan besar yang pernah dilakukan, rasa penyesalan dan keinsafan yang ikhlas adalah penting. Sebagai contoh bagi taubat dan keampunan, al-Quran mengisahkan mengenai tiga individu muslim yang tertinggal di saat semuanya berjihad di jalan Allah, dengan itu melakukan dosa besar:

Sesungguhnya Allah telah menerima taubat Nabi dan orang-orang Muhajirin dan Ansar yang mengikutnya dalam masa kesukaran sesudah hampir-hampir terpesong hati segolongan dari mereka kemudian Allah menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah amat belas lagi maha mengasihani terhadap mereka. Dan (Allah menerima taubat) tiga orang yang ditangguhkan hingga apabila bumi yang luas ini sempit kepada mereka dan hati mereka pula menjadi sempit, serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari Allah melainkan kepada-Nya; kemudian Allah menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dialah penerima taubat lagi maha mengasihani. Surah at-Taubah: 117-118

Memohon ampun dari Allah dan bertaubat terhadap dosa adalah manifestasi hamba Allah yang ikhlas. Para mukmin harus menyadari bahawa mereka berisiko melakukan dosa, tetapi adalah kewajibannya untuk memohon keampunan dari Allah. Dengan bersedih atau menyesal tanpa sebarang tindakan adalah tidak bermakna. Manusia harus memikirkan kisah utusan yang melakukan kesilapan namun terus berjuang sehingga bertaubat dengan ikhlas. Manusia harus bertawakkal kepada keampunan Allah.

Al-Quran menyatakan bahawa berdoa memohon ampun dan taubat adalah jalan menuju kebahagiaan selama-lamanya:

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu, dan juga bahawa Allah maha penerima taubat lagi maha bijaksana (tentulah kamu mengalami kesusahan yang sukar diatasi). Surah An-Nur: 10

DOA AMALAN



Sebenarnya, perbuatan memohon doa menunjukkan perasaan penghayatan yang mendalam terhadap kelemahan dan tidak berdaya di hadapan Allah. Ini adalah indikasi jelas kenyataan bahawa manusia adalah lemah yang tidak berkuasa memenuhi keperluannya atau mendapat matlamatnya kecuali dengan rahmat dari Allah. Doa adalah cara yang suci, jelas dan jujur meluahkan status kehambaan di hadapan Pencipta. Di dalam al-Quran dinyatakan bahawa sifat asas bagi mukmin ialah 'berdoa di siang dan di petang hari'.

Dan bersabarlah kamu bersama-sama dengan orang-orang yang menyertu Tuhannya di pagi dan senja hati dengan mengharap keredaan-Nya; dan janganlah kedua matamu berpaling dari mereka mengharap perhiasan kehidupan dunia ini; dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami

lalaikan dari mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melewati batas. Surah Al-Kahfi: 28

Makna dan kandungan sebenar doa harus difahami dengan baik disebabkan apa yang sering difahami manusia melalui doa amat berbeza dari apa yang dimaksudkan al-Quran. Ini adalah kerana maklumat mengenai doa adalah paling banyak dihimpun dari sumber selain al-Quran seperti adat-istiadat, ibu bapa dan nenek moyang. Ini adalah mengapa kandungan perspektif dan moral yang disemai di dalam al-Quran harus difahami baik. Al-Quran menjelaskan doa yang seharusnya dilakukan dengan 'merendah diri'. Ketika berdoa, manusia harus menghayati sedalamnya kelemahan dan kekurangan di sisi Allah dan berhajat sepenuhnya kepada Hidayah dari-Nya. Doanya dengan itu sudah pasti memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Allah seperti yang dinyatakan di dalam ayat:

Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Surah al-A'raf: 55

Doa para mukmin di dalam al-Quran memberi contoh bagi setiap mukmin yang lain. Salah satu daripadanya ialah doa Nabi Zakaria:

Tatkala ia berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut. Ia berkata: "Ya Tuhanku, sesungguhnya tulangku lemah dan kepalaku telah ditumbuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau ya Tuhanku. Dan sesungguhnya aku khawatir terhadap mawaliku sepeninggalanku, sedang isteriku adalah seorang yang mandul, maka anugerahilah aku dari sisi Engkau seorang putera. Surah Maryam: 3-5

Sifat lain doa para mukmin ialah memohon doa dalam rasa 'takut bercampur harapan'

Lambung mereka jauh dari tempat tidurnya sedang mereka berdoa kepada Tuhannya dengan rasa takut dan harap, dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. surah as-Sajdah: 16

Para mukmin adalah golongan yang bertakwa kepada Allah dengan ikhlas dan niat suci sementara mengharapakan keampunan dan kasih sayangnya. Allah menerima doa yang ikhlas yang diniatkan mencari keredaan-Nya.

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah) bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (perintah) Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran. Surah al-Baqarah: 186

Dan Tuhanmu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina-dina. Surah Ghafir: 60

Ketika berdoa, manusia harus meyakini bahawa Allah akan mengabulkan doanya. Mereka harus menyedari bahawa Allah adalah kuasa segalanya. Dia bersifat maha Bijaksana dan maha Agung, yang maha Mengetahui dan maha Melihat. Dengan niat bersungguh-sungguh, mereka yang beriman tidak sekali-kali putus asa dan bersabar menanti saat Allah mengabulkannya. Memiliki keimanan yang kukuh kepada keadilan-Nya akan mengelakkan mereka dari dari berasa bimbang atau putus asa. Kesetiaan mereka kepada panduan al-Quran tidak menim-

bulkan keraguan bahawa Allah menjawab segala doanya. Mereka sama sekali tidak akan mempamerkan sikap bertentangan dengan al-Quran ketika dilanda pelbagai masalah dan tekanan. Di sebalik doa mereka, keikhlasan dan iman yang mendalam kepada-Nya, seperti doa Nabi Salih ...**“Sesungguhnya Tuhanku amat dekat lagi memperkenankan”** (Hud: 61). Mereka berserah sepenuhnya kepada Allah.

Akan tetapi kenyataan bahawa Allah mengabulkan permintaan mereka tidaklah bermaksud mereka akan mendapat apa sahaja yang diinginkan. Ini adalah kerana tanpa disedari, mereka kadang-kadang meminta sesuatu yang memudaratkan mereka. Doa seumpama ini sudah pasti tidak dikabulkan dan Allah akan memberikan yang lebih baik kepada mereka.

Sebuah contoh yang diberi oleh Said Nurisi, seorang ulama terkemuka, untuk menggambarkan subjek ini dengan baik. Seorang doktor yang diminta untuk melihat seorang pesakit kecil yang bertanya jenis ubat yang disukainya. Namun, doktor mengetahui bahawa ubat itu tidak berkesan dan memberinya rawatan yang lain yang lebih sesuai untuk umur dan jenis penyakitnya. Sesungguhnya, Allah s.w.t meliputi manusia dan mengetahui keperluan mereka. Dia sentiasa mengabulkan doa yang ikhlas para salihin. Seperti dinyatakan al-

Quran; Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui. (Surah al-Baqarah: 216)

Seperti pesakit kecil dalam contoh di atas, manusia tidak mampu mengetahui yang baik dan buruk malah berisiko meminta sesuatu yang memudaratkan; **“Dan manusia mendoa untuk kejahatan sebagaimana ia mendoa untuk kebaikan. Dan adalah manusia bersifat tergesa-gesa” (Isra’: 11)**

Selaras dengan hal ini, manusia harus memohon keampunan dari Allah dengan sepenuh jiwa dan keimanan yang tulin. Allah mengetahui yang terbaik buat manusia. sekerat doa Nabi Sulaiman adalah contoh bagi para mukmin; **“Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada dua orang ibu bapakku dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redai ... (Naml 19)**

Bahkan, para mukmin dialukan untuk berdoa sesuatu yang dipuji di dalam al-Quran. Di dalam jiwa yang jujur dan ikhlas, manusia harus membendung dirinya dari memohon sesuatu yang cenderung lahir dari hawa nafsunya. Allah amat mengetahui setiap

yang terdetik di dalam keinginan para hamba-Nya. Sebenarnya, Dia-lah yang meletakkan keinginan dan hawa nafsu di dalam jiwa mereka. sesungguhnya, Allah s.w.t mengabulkan doa mukmin yang ikhlas.

Dan mereka memohon kemenangan dan binasalah semua orang yang berlaku sewenang-wenang lagi degil. Surah Ibrahim: 15

Al-Quran mengisahkan banyak misalan contohnya sepotong ayat yang menggambarkan bahawa Allah merahmati utusan dan mukmin dengan keampunan yang besar:

Dan Nabi Ayub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala yang mengasihani."

Maka Kami perkenankan doa permohonannya lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta kami kurniakan kepadanya; keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami.

Dan Nabi-nabi Ismail dan Idris serta Zulkifli; semuanya adalah dari orang-orang yang sabar.

Dan Kami masukkan mereka dalam rahmat Kami; sesungguhnya mereka adalah dari orang-orang yang soleh.

Dan Dzu'n-Nun, ketika ia pergi dalam keadaan marah yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenaikannya kesusahan atau cubaan, maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: "sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Engkau maha suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri."

Maka Kami kabulkan permohonan doanya dan Kami selamatkan dia dari kesusahan yang menyelubunginya; dan sebagai mana Kami menyelamatkannya Kami akan selamatkan orang-orang yang beriman.

Dan Nabi Zakaria ketika ia merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan aku seorang diri dan Engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi."

Maka Kami perkenankan doanya dan Kami kurniakan kepadanya Yahya, dan Kami perelokkan keadaan isterinya yang mandul, baginya. Ihsan kepada Rasul-rasul itu ialah sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khushyuk kepada Kami. Surah Surah Al-Anbiyaa': 83-90

Mukmin yang berdoa sentiasa menyedari bahawa Allah maha mengetahui dan maha melihat dan meluahkan rasa takwa dan hormat kepada-Nya. Mereka tidak ragu untuk mengakui kelemahan di hadapan-Nya.

Disebabkan doa adalah ibadah penting, ia bukanlah dilakukan untuk mendapatkan impian atau keinginan hawa nafsu. Setiap keperluan atau matlamat mengisyaratkan waktu ibadah ini. Disebabkan manusia terus menerus memerlukan dan berhajat sesuatu, maka mereka harus sentiasa berdoa. Doa-doa yang diamalkan pada waktu tertentu iaitu amalan doa pagi dan petang yang disebutkan di dalam al-Quran termasuk saat yang sesuai untuk berdoa adalah tidak sia-sia.

Namun begitu manusia harus beristiqamah dalam doa masing-masing disebabkan setiap tindakan

yang dilakukan adalah berada dalam kuasa-Nya. Manusia harus kembali kepada-Nya untuk hidayah dan bantuan di dalam setiap amalan yang dilakukan. Bahkan, mereka harus berdoa agar Allah menerima amalan yang dilakukan. Doa Ibrahim adalah sebuah contoh yang baik:

**“Ya Tuhan kami terimalah daripada kami, sesungguhnya Engkaulah yang maha mendengar lagi maha mengetahui.
Surah al-Baqarah: 127**

Mukmin yang beriman dan berpaling kepada-Nya pada setiap keadaan diterangkan sebagai **“orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi”** (Ali Imran 191). Mereka dipuji di dalam al-Quran kerana sikap ini.

**Sesungguhnya Nabi Ibrahim penyabar, lembut hati lagi suka kembali kepada Allah dengan mengerjakan amal bakti.
Surah Hud: 75**

**Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah merupakan ‘satu umat’; ia taat bulat-bulat kepada Allah, lagi berdiri teguh di atas dasar tauhid; dan ia tidak pernah menjadi dari orang-orang yang musyrik.
Surah An-Nahl: 120**

Bersabarlah terhadap apa sahaja yang mereka katakan, dan ingatlah akan hamba Kami Nabi Daud, yang mempunyai kekuatan; sesungguhnya ia adalah sentiasa rujuk kembali. Surah Saad: 17

Sesungguhnya Kami dapati dia (Ayub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia amat taat. Surah Sad: 44

Ayat di bawah adalah kunci memahami kepentingan doa:

Katakanlah: "Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadah kamu kepada-Nya; maka sesungguhnya kamu telah pun menyalahi; dengan yang demikian sudah tentu balasan azab akan menimpa kamu". Surah Al-Furqan: 77

Di dalam al-Quran, seperkara yang sering diulang, mereka yang jahil juga berdoa namun di sana terdapat perbezaan yang besar di antara mereka dan para mukmin.

Para mukmin berpaling kepada Allah sama di saat senang atau pun susah dan mereka tidak pernah berubah serta sentiasa terus berdoa dengan jiwa yang sedar akan kelemahan mereka di hadapan Allah.

Golongan yang jahil sebaliknya menjarakkan diri mereka jauh dari Allah s.w.t. Mereka hanya mengakui kelemahan di hadapan Allah di saat kesukaran dengan kembali kepada-Nya. Doa mereka hanya di saat susah adalah yang paling ikhlas. Namun, di saat kembali kepada kegembiraan dan senang-lenang, mereka mulai lupa kepada apa yang mereka doakan dan sama sekali tidak tahu memanjatkan kesyukuran:

Kita menemui beberapa rujukan di dalam al-Quran berhubung dengan sikap ini. Beberapa contoh mengenainya:

Dan apabila manusia ditimpa bahaya dia berdoa kepada Kami dalam keadaan baring, duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hilangkan bahaya itu daripadanya, dia melalui, seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami untuk (menghilangkan) bahaya yang telah menyimpannya. Begitulah orang-orang yang melampau batas itu memandang baik apa yang selalu mereka kerjakan. Surah Yunus: 12

Dan apabila Kami memberikan nikmat kepada manusia, ia berpaling dan menjauhkan diri; tetapi apabila ia ditimpa malapetaka maka ia banyak berdoa. Surah Fussilat: 51

Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, ia segera berdoa kepada Tuhannya dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya, kemudian apabila Allah memberikannya sesuatu nikmat daripada-Nya, lupalah ia akan segala bahaya yang menyebabkannya merayu kepada Allah sebelum itu, dan ia pula menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah, untuk menyesatkan dirinya dari jalan Allah. katakanlah: "Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu itu bagi sementara, sesungguhnya engkau dari penduduk neraka. Surah Az-Zumar: 8

Maka apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, ia segera berdoa kepada Kami; kemudian apabila Kami memberikannya sesuatu nikmat dari Kami, berkatalah ia: "Aku diberikan nikmat ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada pada ku". Bahkan pemberian nikmat yang tersebut adalah ujian akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui. Surah Az-Zumar: 49

Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, mereka segera berdoa

kepada Tuhan mereka dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya; kemudian apabila Allah memberi mereka merasai sesuatu rahmat daripada-Nya, tiba-tiba sebahagian dari mereka mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Tuhannya. Surah Ar-Ruum: 33

Dalam sesetengah ayat, contoh sebuah kapal diberikan. Di saat kapal yang sedang tenggelam bersama manusia adalah merupakan saat berdoa yang paling ikhlas dengan meluahkan taubat dan memohon keselamatan. Ini sudah pasti saat terdesak di saat memahami tiada apa lagi yang dapat menyelamatkan mereka lantas berpaling kepada Allah. Akan tetapi di saat Allah menyelamatkan mereka, mereka akan kembali kepada sikap sebelumnya dan ini jelas menggambarkan kesesatan yang nyata:

Dialah Tuhan yang menjadikan kamu dapat berjalan di daratan, di lautan. Sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa orang-orang yang ada di dalamnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka bergembira kerananya, datanglah angin badai dan gelombang dari segenap penjuru menimpanya, dan mereka yakin bahawa mereka

telah terkepung, maka mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya semata-mata: "Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini, pastilah kami akan termasuk orang-orang yang bersyukur". Maka tatkala Allah menyelamatkan mereka, tiba-tiba mereka membuat kezaliman di muka bumi tanpa kebenaran. Wahai manusia! Sesungguhnya kezalimanmu akan menimpa dirimu sendiri; itu hanyalah kenikmatan hidup duniawi, kemudian kepada Kamilah kembalimu, lalu Kami khabarkan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan. Surah Yunus: 22-23

Dan apabila mereka dirempuh serta diliputi oleh ombak yang besar seperti kelompok-kelompok awan yang menyerkup, pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepada-Nya semata-mata. Kemudian bila sahaja Allah menyelamatkan mereka ke darat, maka sebahagian sahaja di antara mereka yang bersikap adil. Dan sememangnya tiada yang mengingkari bukti-bukti kemurahan Kami melainkan tiap-tiap orang yang bersifat pemungkir janji,

**lagi sangat tidak mengenang budi.
Surah Luqman: 32**

Katakanlah: “Siapakah yang dapat menyelamatkan kamu dari bencana di darat dan di laut, yang kamu berdoa kepada-Nya dengan berendah diri dan dengan suara yang lembut: “Sesungguhnya jika Dia menyelamatkan kami dari ini, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur”. Katakanlah: “Allah menyelamatkan kamu daripada bencana itu dan dari segala macam kesusahan, kemudian kamu kembali mempersekutukan-Nya”. Surah al-An’aam: 63-64

Para mukmin harus terus berdoa dan bertawakkal kepada-Nya dengan mengetahui bahwa tidak ada sesiapa pembantu dan penolong melainkan Dia SWT:

**Maka sembahlah Allah dengan memurnikan ibadah kepada-Nya, meskipun orang-orang kafir tidak menyukai.
Surah Ghafir: 14**

Katakanlah: “Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku dan aku tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan-Nya”. Surah Jin: 20

Mukmin mendapat kepuasan sebenar hanya di saat mereka berdoa memohon pertolongan kepada Allah dengan merasakan ketenteraman di bawah peliharaan dan perlindungan-Nya. Ini adalah kegembiraan yang tinggi dapat dicapai di dunia dan di akhirat. Dengan itu doa adalah sumber kepuasan besar yang juga akan terus dikecapi di hari kemudian. Al-Quran menyatakan bahawa mukmin akan tidak berhenti dari terus berdoa di hari kemudian kelak.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh mereka diberi petunjuk oleh Tuhan mereka kerana keimanannya, di bawah mereka mengalir sungai-sungai di dalam syurga yang penuh kenikmatan. Doa mereka di dalamnya ialah "Subhana-kallahumma, dan salam penghormatan mereka ialah "Salam". Dan penutup doa mereka ialah "Alhamdulillah Rabbil 'Alamin". Surah Yunus: 9-10

Doa-doa dari al-Quran

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Maha pemurah lagi maha penyayang. Yang menguasai hari pembalasan. Hanya kepada Engkaulah kami

menyembah dan hanya kepada Engkau kami mohon pertolongan. Tunjukilah jalan yang lurus. (yaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka; bukan mereka yang dimurkai dan bukan pula mereka yang sesat. Surah al-Fatihah: 1-7

“Ya Tuhan kami terimalah daripada kami, sesungguhnya Engkau yang maha mendengar lagi maha mengetahui. Surah al-Baqarah: 126

“Ya Tuhan kami terimalah daripada kami, sesungguhnya Engkau yang maha mendengar lagi maha mengetahui. Surah al-Baqarah: 127

“Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari seksa neraka. Surah al-Baqarah 201-202

Ya Tuhan kami, tuangkanlah kesabaran atas diri kami, dan kukuhkanlah pendirian kami dan tolonglah kami terhadap orang-orang kafir”. Surah al-Baqarah: 250

“Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang

berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami, dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir". Surah al-Baqarah: 286

"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; kerana sesungguhnya Engkaulah maha pemberi (kurnia)". Surah Ali-Imran: 8-9

"Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman, maka ampunilah segala dosa kami dan peliharalah kami dari siksa neraka". Surah Ali-Imran: 16

"Ya Tuhanku, sesungguhnya aku menazarkan kepada Engkau anak yang dalam kandunganku menjadi hamba yang soleh dan berkhidmat. Kerana itu terimalah (nazar) itu daripadaku. Sesungguhnya Engkaulah yang maha mendengar lagi maha mengetahui". Surah Ali-Imran: 35

“Ya Tuhanku, berilah aku dari sisi Engkau seorang anak yang baik. Sesungguhnya Engkau maha pendengar doa”. Surah Ali-Imran: 38

Ya Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan dan telah kami ikuti rasul, kerana itu masukkanlah kami ke dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi (tentang kekuasaan Allah). Surah Ali-Imran: 53

“Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang berlebih-lebihan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami, dan tolonglah kami terhadap kaum yang kafir. Surah Ali-Imran: 147

“Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka. Ya Tuhan kami! Sesungguhnya barang siapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka, maka sungguh telah Engkau hinakan ia, dan tidak ada bagi orang-orang yang zalim seorang penolong pun. Ya Tuhan kami! Sesungguhnya kami mendengar yang

menyeru kepada iman (iaitu): “Berimanlah kamu kepada Tuhanmu”; maka kami pun beriman. Ya Tuhan kami! Ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dari kami kesalahan-kesalahan kami dan wafatkanlah kami berserta orang-orang yang berbakti. Ya Tuhan kami! Berilah kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami dengan perantaraan rasul-rasul Engkau. Dan janganlah Engkau hinakan kami di hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji”. Surah Ali-Imran: 191-194

“Ya Tuhan kami! Kami telah beriman, maka catatlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi. Surah al-Maidah: 83

“Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk orang-orang yang merugi. Surah al-A’raf: 23

Ya Tuhan kami! Berilah keputusan antara kami dan kaum kami dengan hak dan Engkaulah pemberi keputusan yang

sebaik-baiknya. Surah al-A'raf: 89

“Ya Tuhanku! Ampunilah aku dan saudaraku dan masukkanlah kami ke dalam rahmat Engkau, dan Engkau adalah maha penyayang di antara para penyayang. Surah al-A'raf: 151

“... Ya Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan wafatkanlah kami dalam keadaan berserah diri (kepada-Mu). Surah al-A'raf: 126

Engkaulah yang memimpin kami, maka ampunilah kami dan berilah kami rahmat dan Engkaulah pemberi ampun yang sebaik-baiknya. Dan tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di akhirat; sesungguhnya kami kembali kepada Engkau. Allah berfirman: “Siksa-Ku akan Ku timpakan kepada siapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Maka akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami”. Surah al-A'raf: 155-156

“Kepada Allah-lah kami bertawakkal! Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan

kami sasaran fitnah bagi kaum yang zalim, dan selamatkanlah kami dengan rahmat Engkau dari (tipu daya) orang-orang yang kafir". Surah Yunus: 85-86

"Ya Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau telah memberi kepada Firaun dan pemuka-pemuka kaumnya perhiasan dan harta kekayaan dalam kehidupan dunia. Ya Tuhan kami - akibatnya mereka menyesatkan (manusia) dari jalan Engkau. Ya Tuhan kami, binasakanlah harta benda mereka, dan kunci matilah hati mereka, maka mereka tidak beriman sehingga mereka melihat seksaan yang pedih". Surah Yunus: 88

Ya Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah menganugerahkan kepadaku sebahagian kerajaan dan telah mengajarkan kepadaku sebahagian takbir mimpi. (Ya Tuhan) Pencipta langit dan bumi. Engkaulah pelindungku di dunia dan di akhirat, wafatkanlah aku dalam keadaan Islam dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh. Surah Yusuf: 101

Ya Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai

tanam-tanaman di dekat rumah Engkau yang dihormati, ya Tuhan kami agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berilah rezeki kepada mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur. Surah Ibrahim: 37-38

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku! Kasihilah mereka keduanya, sebagai mana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil. Surah al-Isra': 24

"Ya Tuhan-ku! Masukkanlah aku secara masuk yang benar dan keluarkanlah aku secara keluar yang benar dan berikanlah kepadaku dari sisi Engkau kekuasaan yang menolong. Surah al-Isra': 80

"Wahai Tuhan kami! Berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami". Surah al-Kahfi: 10

"Ya Tuhanku! Sesungguhnya tulangku

telah lemah dan kepalaku telah ditumbuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau ya, Tuhanku. Dan sesungguhnya aku khawatir terhadap mawaliku sepeninggalanku, sedang isteriku adalah seorang yang mandul, maka anugerahilah aku dari sisi Engkau seorang putera. Yang akan mewarisi aku dan mewarisi sebahagian keluarga Ya'qub; dan jadikanlah ia, ya Tuhanku, seorang yang diredai". Hai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberi khabar gembira kepadamu akan seorang anak yang namanya Yahya, yang sebelumnya Kami belum pernah menciptakan orang yang serupa dengan dia. Zakaria berkata: "Ya Tuhanku! Bagaimana akan ada anak bagiku, padahal isteriku adalah seorang yang mandul dan aku sesungguhnya sudah mencapai umur yang sangat tua". Tuhan berfirman: "Demikianlah". Tuhan berfirman: "Hal itu adalah mudah bagi-Ku; dan sesungguhnya telah Aku ciptakan kamu sebelum itu, padahal kamu (di waktu itu) belum ada sama sekali". Surah Mariam: 2-8

Ya Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap men-

dirikan solat, ya Tuhan kami, perkenanlah doaku. Ya Tuhan kami! Ampunilah aku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab". Surah Ibrahim 40-41

"Ya Tuhanku, lapangkanlah untukku dadaku, dan mudahkanlah bagiku urusanku, dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku, supaya mereka mengerti perkataanku, dan jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, (yaitu) Harun, saudaraku, teguhkanlah dengan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku, supaya kami banyak bertasbih kepada Engkau, dan banyak mengingat Engkau. Sesungguhnya Engkau adalah maha melihat kami". Surah Ta ha 25-35

"Bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau. Maha suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim". Maka Kami telah memperkenankan doanya dan menyelamatkannya daripada kedukaan. Dan demikianlah Kami selamatkan orang-orang yang beriman. Surah al-Anbiya': 87-88

"Ya Tuhanku janganlah Engkau membiarkan aku hidup seorang diri dan

Engkaulah waris yang paling baik.
Surah al-Anbiya': 89

"Ya Tuhan, jika Engkau sungguh-sungguh hendak memperlihatkan kepadaku azab yang diancamkan kepada mereka. ya Tuhanku, maka janganlah Engkau jadikan aku berada di antara orang-orang yang zalim. Surah al-Mukminun 93-94

"Ya Tuhanku, tolonglah aku kerana mereka mendustakan aku". Surah al-Mukminun: 26

"Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkan kami dari orang-orang yang zalim". Dan berdoalah: "Ya Tuhanku, tempatkanlah aku pada tempat yang diberkati, dan Engkau adalah sebaik-baik yang memberi tempat". Surah al-Mukminun: 28-29

"Ya Tuhanku, tolonglah aku kerana mereka mendustakanku". Surah al-Mukminun: 39

"Ya Tuhanku, aku berlindung kepada Engkau dari bisikan-bisikan syaitan. Dan aku berlindung kepada Engkau ya Tuhanku, dari kedatangan mereka

kepadaku". Surah al-Mukminun: 97-98

"Ya Tuhanku! Ampunilah dan berilah rahmat dan Engkau adalah pemberi rahmat yang paling baik. Surah al-Mukminun: 118

"Ya Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati, dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa. Surah Furqan: 74

"Ya Tuhanku, berikanlah kepadaku hikmah dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh, dan jadikanlah aku buah tutur yang baik bagi orang-orang (yang datang) kemudian, dan jadikanlah aku termasuk orang-orang yang mempusakai syurga yang penuh kenikmatan, dan ampunilah bapaku, kerana sesungguhnya ia adalah termasuk golongan orang-orang yang sesat, dan janganlah Engkau hinakan aku pada hari mereka dibangkitkan. Surah asy-Syuara: 83-87

"Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakan aku; maka itu adakanlah suatu keputusan antaraku dan antara mereka, dan selamatkanlah aku

dari orang-orang yang mukmin bersertaku. Surah asy-Syuara: 117-118

“Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada dua orang ibu bapakku dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh. Surah an-Naml: 19

“Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menganiaya diriku sendiri kerana itu ampunilah aku”. Maka Allah mengampuninya, sesungguhnya Allah Dialah yang maha pengampun lagi maha penyayang. Musa berkata: “Ya Tuhanku, demi nikmat yang telah Engkau anugerahkan kepadaku, aku sekali-kali tidak akan menjadi penolong bagi orang-orang yang berdosa”. Surah Qasas: 16-17

“Ya Tuhanku! Selamatkanlah aku dari orang-orang yang zalim itu”. Surah Qasas: 21

“Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan yang

Engkau turunkan kepadaku". Surah Qasas: 24

"Ya Tuhanku! Tolonglah aku atas kaum yang berbuat kerusakan itu". Surah al-Ankabut: 30

Ya Tuhanku! Anugerahkanlah kepadaku (seorang anak) yang termasuk orang-orang yang soleh. Surah as-Shaffat: 100

"Ya Tuhanku! Ampunilah aku dan anugerahkanlah kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh seorang jua pun sesudahku, sesungguhnya Engkaulah yang maha pemberi. Surah Sad: 35

"Ya Tuhan kami, rahmat dan ilmu Engkau meliputi segala sesuatu, maka berilah ampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikuti jalan Engkau dan peliharalah mereka dari seksaan neraka yang bernyala-nyala. Ya Tuhan kami, dan masukkanlah mereka ke dalam syurga 'Adn dan yang telah Engkau janjikan kepada mereka dan orang-orang yang soleh di antara bapa-bapa mereka, dan isteri-isteri mereka, dan keturunan mereka semua. Sesungguhnya Engkaulah yang maha perkasa lagi maha bijaksana, dan peliharalah

mereka dari kejahatan. Dan orang-orang yang Engkau pelihara dari kejahatan pada hari itu maka sesungguhnya telah Engkau anugerahkan rahmat kepadanya dan itulah kemenangan yang besar". Surah Ghafir: 7-9

"Ya Tuhanku! Tunjukilah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapakku dan supaya aku dapat berbuat amal yang soleh yang Engkau redai; berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi kebaikan) kepada anak cucuku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri". Mereka itulah orang-orang yang kami terima dari mereka amal yang baik yang mereka kerjakan dan kami ampuni kesalahan mereka bersama penghuni-penghuni syurga, sebagai janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka. surah al-Ahqaf: 15-16

"Ya Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami, dan janganlah Engkau membiarkan ke-

dengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman: Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau maha penyantun lagi maha penyayang. Surah al-Hasyr: 10

.... "Ya Tuhan kami hanya kepada Engkaulah kami bertawakkal dan hanya kepada Engkaulah kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami kembali. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi orang-orang kafir. Dan ampunilah kami Ya Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau, Engkaulah yang maha perkasa lagi maha bijaksana". Surah al-Mumtahanah: 4-5

"Ya Tuhanku! Bangunlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim". Surah at-Tahrim: 11

"Ya Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun di antara orang-orang kafir itu tinggal di atas bumi. Sesungguhnya, jika Engkau biarkan mereka tinggal, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu, dan mereka tidak akan melahirkan selain anak yang

berbuat maksiat lagi sangat kafir. Surah Nuh: 26-27

Ya Tuhanku! Ampunilah aku, ibu bapakku, orang yang masuk ke rumahku dengan beriman dan semua orang yang beriman laki-laki dan perempuan. Dan janganlah Engkau tambahkan bagi orang-orang yang zalim itu selain kebinasaan. Surah Nuh: 28

Sesungguhnya kamu hanya memberi peringatan kepada orang-orang yang mahu mengikuti peringatan dan yang takut kepada Tuhan yang maha pemurah walaupun *dia tidak melihat-Nya*. Maka berilah mereka khabar gembira dengan ampunan dan pahala yang mulia. Surah Yasin: 11

